

Naskhah belum disemak

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 14	Khamis	12 Julai 2007
----------------	---------------	----------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007 (Halaman 31)
Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (Halaman 35)
Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007 (Halaman 65)
Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007 (Halaman 87)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – *T.M di JPM*
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik) (LS)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor) (PS)
21. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis) (LS)
22. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik) (LS)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL) (LS)
29. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
30. “ Tuan Majjol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
33. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. “ Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)

35. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik) (LS)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua* (LS)
41. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik) (LS)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Dato’ Rhina Bhar (Dilantik)
47. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
50. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
51. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan) (PS)
52. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik) (LS)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis) (LS)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik) (LS)
56. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato’ Dr. Vijayaratham a/l S. Seevaratham (Dilantik) – *SUP* (LS)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis) (PS)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik) (LS)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
65. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah) (PS)
66. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

SETIAUSAHA DEWAN NEGARA

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Amran

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Leela binti Sahad

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Meraliti binti Mamat

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
KHAMIS, 12 Julai 2007
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi** minta Menteri Pelancongan menyatakan, jumlah penipuan oleh agen-agen pelancongan sepanjang tempoh TMM 2007 dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap agen-agen tersebut.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, dari Januari hingga Jun 2007 sebanyak 30 kes aduan penipuan yang dilaporkan oleh pelancongan asing yang melibatkan agen-agen pelancongan. Laporan penipuan yang dimaksudkan adalah melibatkan kes-kes seperti berikut:

(i)	Pembatalan pakej pada saat akhir	-	3 kes
(ii)	Pakej lawatan	-	9 kes
(iii)	Pakej umrah	-	3 kes
(iv)	Kad Keahlian	-	10 kes
(v)	Cenderamata	-	2 kes
(vi)	Tambang teksi	-	3 kes

Di antara tindakan yang telah diambil ke atas agensi-agensi pelancongan terbabit selaras dengan Akta Industri Pelancongan Tahun 1992 dan peraturan-peraturan berkaitan adalah menghantar surat tunjuk sebab untuk pembatalan lesen dan amaran keras supaya tidak mengulangi kesalahan.

Kementerian juga telah merujuk kes kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu Tribunal Tuntutan Pengguna, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan juga Polis Diraja Malaysia. Sekian.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, kebanyakan kes-kes penipuan ini disebabkan oleh faktor-faktor yang dibebankan oleh pihak lain. Jadi apakah pembelaan terhadap agensi pelancongan yang dituduh menipu, tetapi mereka ditipu oleh syarikat-syarikat penerbangan yang menjanjikan tempat duduk kemudian

dibatalkan di saat terakhir dan pembelaan terhadap agensi pelancongan yang terpaksa bersaing dengan anak-anak syarikat *Tourism Malaysia* ini. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi. Terima kasih atas Yang Berhormat yang begitu prihatin dengan isu-isu industri pelancongan. Memang adalah hasrat kita supaya kita tidak menerima apa-apa aduan supaya kita boleh menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang terunggul di dunia.

Untuk makluman Yang Berhormat memang ada satu jawatan kuasa yang telah ditubuhkan atas arahan Jemaah Menteri dan diketuai oleh Kementerian Pelancongan dan disertai oleh agensi-agensi kerajaan yang lain seperti pihak polis, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen dan juga LPKP. Dari pihak swasta memang kita ada jemput syarikat seperti MAS, *AirAsia*, dan juga *MATTA* dan *hotel operators*.

Memang kita ada membincangkan dengan isu-isu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu pembatalan pada saat-saat akhir. Ini memang kita tahu telah berlaku di negeri Sabah, Sarawak, *domestic flight* dan kita memang ada ambil tindakan sewajarnya dengan Kementerian Pengangkutan supaya kes-kes seperti ini tidak berlaku dan akan menjadi masalah untuk industri pelancongan. Sekian.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah pragmatik yang telah diambil oleh kementerian untuk melindungi kepentingan pelancong-pelancong yang bakal atau pun mungkin terlibat dalam kes-kes penipuan sedemikian pada masa hadapan. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Tay Puay Chuan di atas soalan. Memang seperti yang saya katakan tadi, aduan-aduan yang boleh memberikan kesan negatif kepada industri pelancongan negara, apabila pelancong asing berasa kecewa dan tertipu apabila mereka berada di negara kita. Mereka tidak akan datang balik ke Malaysia sebagai *repeat tourist*. Oleh itu tindakan-tindakan yang sewajarnya seperti yang saya katakan tadi di jawatankuasa yang kita tubuh, kita bincang macam mana kita boleh menghapuskan atau mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi. Sekian.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah kesan yang ketara kepada negara kita jika penipuan ini terus berlaku dan cara mengatasinya sekali gus, *one and for all* dengan izin, supaya penipuan seperti ini tidak berulang lagi. Terima kasih.

■1010

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat iaitu mencari satu formula untuk mengatasi aduan-aduan atau masalah-masalah yang dihadapi oleh industri pelancongan *once and for all* itu memang kita tidak dapatlah. Kalau Yang Berhormat ada cadangan yang tertentu kita boleh berbincang.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai masalah penipuan atau lain-lain, buat masa ini seperti yang saya katakan tadi kes-kes aduan yang kita hadapi, yang saya diberitahu yang terbesar sekali adalah imej kita berkaitan dengan *taxi driver* yang tidak mahu memasang meter tetapi itu di bawah kementerian yang lain atau agensi LPKP. Kita memang ada dapat aduan *security of the country* yang memang pun ada sedikit sebanyak menjelaskan industri pelancongan. Kita harapkan semua pihak yang terlibat dan semua ahli senator pun boleh membantu dalam mempromosi industri ini yang telah membawa begitu banyak sumbangan kepada negara kita.

2. Dato' Yaakob bin Haji Mohammad minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah strategi terkini yang perlu diambil oleh Malaysia selaku Pengerusi OIC bagi menyelesaikan pertelingkahan antara puak Hamas dan Fatah demi kepentingan rakyat Palestin dan apakah harapan masyarakat antarabangsa apabila pembentukan kabinet darurat yang terbaru dengan mengetepikan kumpulan Hamas akan terus mengancam keselamatan di rantau ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yaakob bin Haji Mohammad di atas soalan yang dikemukakan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Malaysia selaku Pengerusi OIC amat kecewa dengan pertelingkahan antara Hamas dan Fatah yang telah menyebabkan kehilangan ratusan nyawa dan kemusnahan harta benda di kedua belah pihak. Perkara yang berlaku ini telah mendatangkan kerugian yang amat besar kepada rakyat Palestin.

Sebagai pihak ketiga yang amat cintakan kedamaian dan sentiasa berharap agar negara Palestin yang berdaulat berjaya ditubuhkan suatu masa nanti, berita pembubaran Kerajaan Palestin sebagaimana diumumkan oleh Presiden Mahmood Abbas pada 15 Jun 2007 adalah amat menyedihkan Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru agar kedua-dua belah pihak segera berunding bagi menamatkan konflik sebagaimana yang telah disarankan oleh ajaran Islam. Tindakan keganasan hanya akan memburukkan lagi keadaan.

Sewaktu pertemuan di antara Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan Setiausaha Agung OIC di Kuala Lumpur pada 15 Jun 2007, isu semasa melibatkan Palestin ini adalah antara agenda utama yang dibincangkan. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di pertemuan itu, selagi Palestin gagal menahan diri dari percakaran sesama sendiri, selagi itulah impian menubuhkan negara Palestin mungkin akan tinggal sebagai impian sahaja.

Dalam pertemuan itu Setiausaha Agung OIC turut memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri Luar bahawa punca pertelingkahan tersebut adalah disebabkan adanya elemen dalam Fatah dan Hamas yang tidak bersetuju dengan syarat-syarat yang membawa kepada pembentukan kerajaan perpaduan pada bulan Mac lalu sebagaimana yang dipersetujui di Perjanjian Mekah pada bulan tersebut. Walau apa pun kita mengharapkan agar pihak Palestin sendiri akan mencari jalan bagi mencapai kata sepakat bagi membolehkan pihak ketiga seperti Malaysia dan OIC untuk menamatkan sengketa secara berkesan.

Dato' Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan yang begitu baik. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana diberi mandat dan kepercayaan oleh negara dunia untuk terus mengetuai OIC.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah pandangan Yang Berhormat kerana dalam Persidangan NAM CoB baru-baru ini di mana Malaysia mempengeruskannya, mendapat tohmahan daripada kepimpinan parti pembangkang yang mengatakan negara kita - Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi tidak memberi layanan yang baik kepada pihak Hamas dan saya mohon pihak kementerian memberi pandangan ke atas tohmahan dan anggapan pihak parti pembangkang tersebut. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Adalah tidak benar kalau menanggap bahawa Malaysia memberi layanan yang tidak baik kepada pihak kepimpinan Hamas yang ketika itu diwakili oleh Menteri Luar Kerajaan Palestin, *authority* yang dipimpin oleh Hamas pada waktu itu.

Isu yang ditimbulkan kerana pada waktu yang sama juga kita menerima kehadiran 'Mahmoud' Kaddoumi sebagai Menteri Luar kepada PLO. Di mana pihak Hamas mengatakan mereka tidak boleh duduk bersekali dalam satu perjumpaan yang dihadiri oleh kedua-dua pemimpin daripada Palestin tersebut. Malaysia berpendapat bahawa dalam konteks Palestin, kedua-dua belah pihak mestilah menunjukkan kepada dunia luar bahawa mereka boleh duduk semeja. Ini kerana pada waktu itu, di dalam sistem NAM itu sendiri mempunyai satu agenda mengenai Palestin. Kita ingin membuktikan bahawa apabila bercakap tentang isu Palestin untuk diterangkan kepada masyarakat dunia, pihak Palestin tidak boleh menunjukkan bahawa mereka berbalah sesama mereka.

Oleh sebab itulah Malaysia tidak keberatan sekiranya kedua-dua belah pihak datang dan kita memberikan segala kemudahan kepada mereka. Cumanya pada waktu itu pihak pembangkang di dalam akhbar mereka ada mengatakan bahawa dengan menjemput kedua-dua itu adalah sebagai tanda kita memberi layanan buruk kepada salah seorang daripada wakil dan itu tidak benar sama sekali. Itu adalah tohmahan buruk.

Saya ingat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi nasihat kepada mereka, datanglah ke Malaysia dan tengoklah di Malaysia ini. Bagaimana masyarakat yang berbilang kaum, berbeza agama dan berbeza keturunan boleh duduk bersekali. Kenapa di Palestin dari keturunan yang sama, bahasa yang sama dan kebanyakannya boleh dikatakan Islam yang sama tetapi tidak boleh duduk bersama dan berbalah sehingga berlaku peperangan antara mereka. Inilah yang kita telah cuba lakukan.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Malaysia dipilih sekali lagi menjadi Pengerusi OIC, itu adalah satu penghormatan kepada Malaysia. Untuk menyelesaikan

masalah ini dan juga mencari jalan kedamaian, apakah sebab-sebab utama di mana kedua-dua pihak ini tidak dapat duduk dan menyelesaikannya dan sejauh manakah Malaysia boleh menggunakan pengalaman di Malaysia di mana rakyatnya yang berbilang kaum, yang berbilang agama itu dapat hidup bersama boleh digunakan untuk menjadi satu pengalaman bagi mereka supaya dapat mencari satu penyelesaian, dan bukan sahaja bagi kedua-dua pihak di Palestin tetapi juga di Asia serta Timur Tengah. Bagaimana Malaysia dapat menjalankan peranan ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin betulkan jawapan tadi tentang saya sebutkan nama 'Mahmoud' Kaddoumi sebenarnya Farouk Kaddoumi - tersilap lidah sebentar tadi.

Tentang pandangan yang dikemukakan oleh senator, sememangnya selama ini pun kita selalu menjadikan Malaysia sebagai apa yang disebutkan dengan izin sebagai *showcase* kepada masyarakat antarabangsa. Sebuah masyarakat yang berbilang kaum, berbilang keturunan, bangsa, agama dan budaya yang berbeza boleh duduk sekali dan boleh maju bersama. Ini adalah merupakan satu perkara yang tidak boleh dipertikaikan dan inilah sebabnya kita dipandang tinggi oleh dunia antarabangsa.

Oleh sebab itu, sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa tempoh Malaysia untuk menjadi Pengerusi OIC dilanjutkan yang sepatutnya berakhir pada tahun 2006 sehingga 2008. Ini kerana standard yang telah diletakkan oleh Malaysia sebagai satu *benchmark*, kemampuan untuk menganjurkan persidangan yang besar, menganjurkan pelbagai acara program yang lain yang berkaitan dengan OIC cukup digeruni oleh negara lain yang ingin meneruskan apa yang dibuat oleh Malaysia.

Oleh sebab itulah negara yang lain itu menanggungkan, minta supaya mereka diberi masa yang lebih lama supaya mereka mempunyai keupayaan untuk menganjurkan kalau tidak setaraf pun hampir dengan Malaysia. Itu adalah pandangan yang dikemukakan oleh beberapa pihak tentang bagaimana mereka memandang tinggi tentang keupayaan Malaysia sebagai pemimpin OIC. Saya percaya Malaysia akan terus diberi keupayaan untuk menjadi pihak ketiga dalam menyelesaikan banyak persengketaan dalam dunia. Terima kasih.

■1020

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kesungguhan kita untuk menjadikan negara Palestin sebagai negara yang berdaulat adalah terserlah tetapi saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat, adakah ada pihak-pihak ataupun kuasa-kuasa lain yang berdiri di belakang kedua-dua puak ini untuk memastikan Hamas dan Fatah ini terus bertelagah kerana niat Israel bagi memastikan bahawa untuk mewujudkan negara Palestin secara berdaulat dan merdeka ini tidak dapat dilaksanakan selama-lamanya.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan lagi daripada Yang Berhormat Senator Dato' Ismail Kassim. Saya teringat kata-kata seorang *historian*

atau seorang sejarawan yang mengatakan bahawa dengan izin, "*Who rules the Middle East, will rule the world.*" Siapa yang menguasai Timur Tengah ataupun Asia Barat, kita sebutkan Timur Tengah pandangan orang daripada Barat - Asia Barat daripada kita menganggap bahawa siapa yang menguasai Timur Tengah ataupun Asia Barat, dia yang menguasai dunia.

Siapa yang ingin menjadi kuasa besar, dia tidak boleh melupakan Asia Barat. Dia mesti mengambil berat dan tahu untuk meletakkan pengaruhnya di Asia Barat. Inilah realiti yang berlaku sekarang sebab itulah setiap apa yang berlaku di sana, kita tidak boleh lari daripada apakah peranan yang dimainkan oleh kuasa-kuasa besar kerana di situ tempat yang kaya dengan minyak dan menjadi punca tenaga dunia pada hari ini. Ia juga adalah merupakan pusat sejarah ketamadunan dunia dan berbagai-bagai lagi perkara yang kita ketahui tentang pentingnya Asia Barat dalam dunia sekarang.

Saya tidak banyak berbeza pendapat dengan Yang Berhormat Senator tentang sekiranya perkara-perkara yang begini berlaku adalah dari ataupun tangan di luar yang memainkan peranan. Cuma dalam konteks antara Hamas dan Fatah, perlu kita ingat bahawa isu yang lebih mendalam sekali ialah kerana Fatah ialah sebuah pertubuhan yang telah mengendalikan apa yang disebutkan Palestinian Authority ataupun kuasa Palestin.

Kita perlu ingat bahawa Palestinian Authority ini bukanlah sebuah negara yang merdeka. Ada pandangan bahawa ia adalah seperti sebuah PBT, sebuah pihak berkuasa tempatan kerana ia belum ada kedaulatan. Ia adalah hanya suatu entiti yang ditubuhkan berlakunya apa yang disebutkan *Oslo Accords* atau Perjanjian Oslo, dalam tahun 1963 yang memberi pengiktirafan kepada kewujudan negara Israel dan memberikan suatu entiti awal kepada Israel untuk mula berkerajaan dan mula memerintah diri mereka sendiri pada waktu itu.

Pada waktu itu Hamas menolak *Oslo Accords* ini tetapi setelah *Oslo Accords* ataupun *Palestinian Authority* sudah mula berjalan, ada pemerintahan, ada kerajaannya, ada cara pentadbirannya, mereka juga berminat dan menganggap bahawa oleh kerana *road map* yang dijanjikan tidak dapat dipenuhi dengan cepat, mereka merasakan ini waktunya mereka ingin menguasai *Palestinian Authority* tersebut. Di mana Fatah mengatakan kalau kamu tidak bersetuju daripada awal, bermakna kamu tidak patut mengambil bahagian dalam pilihan raya, tidak patut berada di sini dan inilah antara perbalahan yang berterusan sehingga yang kita lihat berlaku pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hampir-hampir hendak tanya Yang Berhormat, susah hendak *landing* kah?

3. Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta Menteri Kewangan menyatakan, terdapat banyak syarikat kad kredit yang menjalankan pelbagai jenis promosi dengan menawarkan tambahan pinjaman, apakah tindakan Bank Negara untuk menghadkan promosi seperti ini supaya tidak membebankan pemegang kad.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Munusamy yang dijadualkan dijawab pada hari ini dan dijawab bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya yang dijadualkan dijawab pada 16 Julai masing-masing kerana menyentuh mengenai perkara-perkara mengenai isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempromosikan pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia menggalakkan pengguna kad kredit sebagai kaedah pembayaran secara elektronik dan bukannya sebagai sumber kredit yang mudah.

Bank Negara Malaysia sentiasa memantau kegiatan dan perkembangan kad kredit negara ini secara mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan penggunaan dan pengeluaran kad kredit adalah secara berhemah dan tidak menjurus kepada masalah perhutangan yang berlebihan.

Sebagai langkah untuk memastikan tahap pengeluaran dan penggunaan kad kredit adalah berhemah serta tahap perlindungan pengguna yang berpendidikan mengenai penggunaan kad kredit diberikan sewajarnya, beberapa garis panduan telah diperkenalkan termasuk:

- (i) kriteria minimum untuk memohon kad kredit;
- (ii) pengeluaran kad kredit dikehendaki membuat rujukan kepada CCRIS yang mempunyai maklumat kredit peminjam yang komprehensif semasa memproses permohonan kad kredit untuk menilai kedudukan kewangan si pemohon;
- (iii) pengeluar kad kredit juga dikehendaki memastikan butiran fi dan caj terhadap kad kredit dinyatakan dengan jelas; dan
- (iv) memberikan pendidikan dan kesedaran kepada kesemua pengguna mengenai penggunaan kad kredit secara berhemah termasuk akibatnya jika hanya membayar jumlah minimum pada setiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia juga memberikan pendidikan kepada pengguna mengenai penggunaan kad kredit secara berhemah melalui laman web *Banking Info* dan Buku Kecil Bermaklumat. Di samping garis panduan yang dikeluarkan, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau pengeluar kad kredit termasuk aktiviti pemasaran kad kredit bagi memastikan pengeluar kad kredit sentiasa berhemah dalam aktiviti promosi mereka serta mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Dari jumlah permohonan yang diterima oleh institusi pengeluar kad kredit pada lima bulan pertama tahun 2007 hanya lebih kurang satu juta permohonan atau 48% daripada jumlah permohonan yang diterima telah diluluskan. Angka yang rendah ini menunjukkan bahawa

pengeluaran kad kredit tidak dilakukan sewenang-wenangnya dan bukan seperti tanggapan orang ramai bahawa kad kredit boleh dikeluarkan dengan mudah dan tanpa kawalan.

Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit atau AKPK yang telah memulakan operasinya pada bulan April 2006 untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman kepada individu termasuk kad kredit.

AKPK akan memberikan bantuan kepada peminjam individu bagi menstrukturkan semula hutang berkaitan dengan pinjaman perumahan, sewa beli kad kredit, kad caj dan pinjaman peribadi yang diperoleh daripada institusi kewangan yang di bawah kawalan Bank Negara Malaysia.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian atau Bank Negara Malaysia memberi kelulusan ataupun adakah syarikat-syarikat kad kredit ini memerlukan kelulusan daripada Bank Negara Malaysia sebelum promosi bagi menambah kad kredit limit diadakan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, semua ada 18 pengeluar kad kredit. 16 adalah bank-bank dan dua, adalah bukan bank. Memang ada peraturan untuk mengeluarkan kad kredit ini, tetapi seperti yang telah saya sebutkan dalam jawapan tadi, tiap-tiap pemohon akan disemak melalui CCRIS dan kalau didapati pemohon itu *credit standingnya* tidak baik, maka bank sendiri tidak akan mengeluarkan kad kredit itu. Ini bermakna ada kawalan di situ. Ini adalah *banking procedure*, Tuan Yang di-Pertua.

4. **Dato' Ismail Kassim** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, adakah kementerian bercadang menggubal satu dasar baru supaya peratusan jumlah peniaga di lot-lot kompleks perniagaan terkenal dan strategik di sesuatu kawasan dikhaskan kepada peniaga Melayu atau bumiputera.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui agensi di bawah seperti Majlis Amanah Rakyat iaitu MARA, UDA Holdings dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri melaksanakan program-program khas bagi meningkatkan penyertaan usahawan bumiputera di kompleks membeli-belah dan pusat perniagaan di bandar-bandar utama.

Program-program khas ini menggunakan pendekatan membeli dan menyewa lot ruang niaga yang strategi untuk disewakan semula kepada usahawan bumiputera dengan kadar yang rendah berbanding dengan kadar pasaran. Sehingga kini, terdapat 1,759 unit ruang niaga di bawah program khas ini dan bilangan usahawan bumiputera yang terlibat ialah seramai 988 orang. Selain itu, penubuhan Lembaga Kemajuan Bandar atau LKEB, di bawah MECD dijangka dapat meningkatkan pemilikan dan pegangan aset bumiputera di kawasan bandar.

■ 1030

LKEB akan memastikan peluang-peluang dalam bidang perdagangan, perusahaan, perumahan dan pelaburan dapat dibahagikan secara adil dan memastikan bumiputera turut menikmati faedah pembangunan di kawasan bandar. Kementerian akan memantapkan lagi pelaksanaan program ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membuka lebih banyak peluang perniagaan baru kepada usahawan bumiputera.

Dato' Ismail Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya sedar bahawa tindakan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dan orang Melayu ini bukan sahaja terpikul oleh pihak kementerian. Jadi apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak kementerian bagi memastikan badan-badan lain dan kementerian lain yang terlibat termasuklah NGO seperti Dewan Perniagaan GABEM dan sebagainya membuat tindakan-tindakan segera bagi memastikan lot-lot yang dianggap penting dan juga strategik dapat dikhaskan kepada peniaga Melayu dan bumiputera.

Dato' Khamsiyah Binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tadi kerana sebenarnya banyak pihak memberi tumpuan bahawa dalam usaha membangun masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera tertumpu kepada kementerian MECD atau Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sedangkan dalam usaha kita hendak membangun semua pihak perlu menggembelng tenaga untuk sama-sama melihat dan menjadi mata dan telinga.

Kalau kita tengok contoh baru-baru ini berlaku beberapa orang penyewa di Kompleks Suria KLCC terpaksa menanggung beban kenaikan 50% dari setahun ke setahun dengan sewaan yang begitu tinggi. Ia luar daripada kemampuan kita. Pertama, setakat ini kami belum lagi menerima segala laporan secara rasmi daripada penyewa dan kami kementerian hanya mendapat laporan melalui akhbar dan kita sedang berunding untuk melihat kedua-dua pihak Suria KLCC dan peniaga sendiri supaya ia tidak bercanggah dalam hal ini. Sepatutnya Suria KLCC adalah di bawah tanggungjawab sesuatu kementerian. Kementerian ini yang perlu melihat apa yang berlaku, penguat kuasa dan sebagainya.

Kedua, kita ada badan-badan bertindak seperti GABEM umpamanya, Dewan Peniaga Melayu, dewan penjaja dan banyak lagi persatuan Melayu yang memperjuangkan hak masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera sepatutnya menggembelng tenaga bersama-sama melihat di mana sebenarnya kita perlu mendesak bukan hanya tertumpu kepada kementerian sahaja untuk bertindak. Saya percaya kalau semua pihak boleh menggembelng tenaga dengan GLCs yang ada di bawah kementerian-kementerian tertentu dan juga dengan majlis kerajaan tempatan, bandar raya dan sebagainya perkara-perkara yang dibangkitkan ini tidak akan berlaku. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat tadi jelaslah bahawa masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga Melayu

untuk mendapatkan tempat-tempat yang agak strategik terlalu besar. Adakah Yang Berhormat memikirkan bahawa oleh kerana perkara ini terlalu besar di luar daripada kemampuan kementerian Yang Berhormat untuk mengatasinya.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tidak dinafikan Yang Berhormat. Sebenarnya kami mempunyai formulanya tersendiri. Setakat ini kementerian telah pun menyewa, membeli beberapa ruang niaga di kompleks-kompleks besar, kerana strategi pertama ialah program pembelian ruangan niaga. Bila kita beli ruang niaga yang tidak mampu dibeli oleh usahawan, kita beli dan kita sewa semula kepada peniaga dengan harga yang murah. Begitu juga kita buat pajakan. Sebab itu kita boleh beri contoh beberapa negeri kita di seluruh negara melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, MARA, UDA sendiri dan kementerian sendiri telah pun mula membeli beberapa ruang niaga. Setakat ini ruang niaga yang telah kita beli seperti saya sebut tadi telah pun mencecah 1,556 unit ruang niaga dan peniaga-peniaga bumiputera telah pun mula berniaga di kompleks-kompleks yang dimaksudkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jika kita tidak sentiasa prihatin terhadap prinsip *collective responsibility* dan mengkhususkan jawapan semata-mata dari aspek tanggungjawab kementerian kita sendiri, kita membuka diri kita kepada serangan bertubi-tubi. Berhati-hatilah mendukung prinsip *collective responsibility* Kabinet Kerajaan Barisan Nasional. Jadi hati-hati bila kita jawab. Jangan kita terlalu mengkhususkan jawapan dari segi aspek tanggungjawab kementerian kita sahaja dan kita mendedahkan kerajaan keseluruhannya kepada serangan bertubi-tubi. Dato' Musa, saya berbelah bagi tadi sebab Dato' Musa sudah pun ada pertanyaan nombor enam tapi saya lihat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok pun ada pertanyaan nombor sembilan. Jadi saya lega sedikitlah. Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua satu saranan yang patut diambil tindakan oleh kementerian, saya juga menarik perhatian jawapan daripada Yang Berhormat tadi bagi pihak kementerian tapi saya ingin bertanya penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah kementerian Yang Berhormat sedar bahawa ada kompleks di tempat yang strategik di dalam bandar yang dibina khas untuk bumiputera tetapi telah pun dijual dan hari ini hanya tak sampai 10% bumiputera yang meniaga di kompleks tersebut. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, kementerian sedar dan semua orang sedar tapi bila kita cakap kepada sikap atau *attitude*, faktor kemanusiaan individu itu yang sukar untuk kita pertahankan walaupun dia merasakan dirinya bumiputera yang tak sepatutnya berlaku begitu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bermakna masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera menjayakannya itu adalah tanggungjawab kerajaan keseluruhannya yang mana kementerian Yang Berhormat diberi tugas-tugas tertentu ke arah menjayakan perkara tersebut. Terima kasih. Puan Nordiana binti Datuk' Haji Shafie.

5. **Puan Nordiana binti Datuk' Haji Shafie** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, mengenai status usaha membawa pulang artifak sejarah negara dari negara asing seperti di Belanda dan Britain.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1974 kerajaan telah pun membuat kajian dan inventori mengenai artifak negara yang berada di luar negara dan juga menyusul artifak tersebut dikembalikan ke Malaysia. Walau bagaimanapun, bukan semua artifak boleh dituntut kecuali artifak-artifak yang menepati garis panduan konvensyen yang diperakukan oleh UNESCO.

Buat masa ini telah ada usaha-usaha dibuat untuk mendapatkan kembali artifak-artifak tersebut dari negara-negara seperti Belanda, Britain, Portugal dan juga di Singapura. Antara usaha-usaha yang telah dibuat oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) artifak yang diserahkan secara rasmi oleh pentadbiran Inggeris pada ketika itu atas alasan untuk dibuat kajian seperti tinggalan manusia dari Gua Cha, Kelantan dan Gua Niah, Sarawak. Bagi artifak-artifak yang digolongkan dalam kategori ini KeKKWa sedang mengusahakan untuk mendapatkannya semula dan sebahagiannya telah dipersetujui oleh kerajaan British untuk dikembalikan kepada Malaysia; dan
- (ii) semasa Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 Singapura telah keluar daripada Persekutuan Tanah Melayu. Oleh itu, semua artifak yang berada di Muzium Singapura kekal di muzium tersebut dan hanya beberapa artifak yang dipulangkan seperti tulang ikan paus.

Usaha-usaha telah dibuat bagi mendapatkan semula beberapa artifak penting terutama yang mempunyai kaitan rapat dengan sejarah negara tetapi belum berhasil. Sekian, terima kasih.

■1040

Puan Nordiana binti Datuk' Haji Shafie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah dia halangan-halangan yang menyebabkan sukar untuk kita membawa pulang artifak ini dan berapakah kos yang telah dibelanjakan? Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hong: Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini terdapat konvensyen UNESCO yang saya sebut tadi yang membawa pengaliran keluar khazanah sesuatu negara ke negara yang lain iaitu:-

- (a) *UNESCO Convention on the Means of Prohibiting and Preventing the Illicit Import, Export and Transfers of Cultural Property 1970;* dan
- (b) *UNIDROIT Convention on Stolen or Illegally Exported Cultural Objects, adoption in Rome* pada Jun 29, 1995.

Walaupun bagaimanapun, usaha-usaha untuk mendapatkan artifak-artifak ini melalui perundangan antarabangsa akan hanya boleh dibuat jika ia menepati garis panduan konvensyen di

atas. Contohnya ialah jika artifak yang jelas diperoleh dari kegiatan penyeludupan ataupun kecurian. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kesan daripada bahan-bahan artifak ini yang banyak di luar negara menyebabkan Muzium Negara kita menjadi muzium kelas ketiga, penuh dengan hanya gambar-gambar fotostat yang tidak original termasuklah kapal-kapal yang tenggelam.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat, pertanyaan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tidakkah boleh dicadangkan supaya bahan-bahan artifak di luar negara ini dibuat perkongsian, iaitu dipinjam untuk 2-3 tahun, masukkan dalam Muzium Negara kita, kalau tidak, lebih baik Muzium Negara ini dijadikan muzium pameran hantu sahaja.

Dato' Wong Kam Hong: Terima kasih Yang Berhormat. Muzium Negara kita bukannya muzium ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bertanya dan ada yang serang. Jawab yang bertanya itu, yang serang itu tak perlu.

Dato' Wong Kam Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk pertahankan pendirian saya juga. Kalau tidak ada silap faham di sini...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Wong Kam Hong: Ini bukan peringkat kelas ketiga. Walau bagaimanapun, kita mesti tengok ini daripada segi sejarah negara iaitu negara kita selepas keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka, di bawah jajahan orang asing selama 500 tahun maka banyak artifak-artifak dan juga tinggalan sejarah dibawa keluar negara. Untuk mendapat balik susah juga sebab ini bukan satu artifak-artifak yang diseludupkan keluar ataupun dicuri keluar dari negara kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita cuba beli daripada pemilik-pemilik asing di luar negara walau bagaimanapun kosnya amat tinggi. Saya sebut satu contoh di sini, ada surat-surat yang ditulis oleh Stamford Raffles. Beliau adalah seorang yang faham tentang sejarah dan adat resam Melayu dan beliau juga tulis semua surat ini dalam tulisan jawi, tetapi harga yang disebutkan oleh penjual itu adalah RM40 juta dan dari segi kewangan pun kita terhad juga. Sebab itu gagallah kita hendak mendapat balik surat-surat daripada pemunya koleksi surat Stamford Raffles.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan konvensyen yang sudah pun disebutkan oleh Yang Berhormat. Sungguhpun kita mempunyai konvensyen, tetapi kadang kalanya peraturan dan prosedur dalam konvensyen itu tidak mengizinkan dengan secara mudah untuk barangan artifak ini di *transfer* balik kepada negara yang *origin*. Soalan saya ialah, di antara negara-negara yang sudah pun mempunyai artifak kita, siapakah yang lebih *resistant* untuk memberi balik.

Yang keduanya ialah, yang terlepas itu sudah terlepas, dan kita berunding untuk mendapatkannya semula, tetapi artifak yang sedia ada di dalam negara yang baharu sahaja dijumpai umpamanya di dalam kapal yang karam kita ketahui, apakah tindakan khusus yang diambil oleh kementerian untuk menentukan bahawa artifak-artifak ini tidak akan terlepas juga?

Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hong: Ya, terima kasih. Bukan mereka yang *resistant* Yang Berhormat. Sebenarnya dalam hal ini, semua negara pun dengan izin, *selfish* lah. *Selfish*, sebab sudah dapat siapa yang hendak lepaskan tangan ini dengan secara sukarela? Hanya kalau kita ada bukti iaitu diseludupkan keluar atau dicuri keluar. Walau bagaimanapun, kita menjalin hubungan yang rapat dengan muzium-muzium di luar negara dan untuk artifak-artifak seperti dokumen-dokumen, kita cuba untuk buat replika ataupun *microfilming* supaya replika-replika ini boleh kita bawa balik kepada negara kita.

Ada banyak dokumen-dokumen khususnya dokumen. Dokumen lebih senang sedikit, sebab kita boleh buat replika. Ada dokumen di Macau, Portugal, Amerika Syarikat, Republik Rakyat China pun ada sebab semasa itu pada Kesultanan Melayu Melaka, Cheng Ho pernah melawat Melaka dan beliau membawa seorang yang merekodkan semua peristiwa yang berlaku semasa perantauannya. Jadi, usaha ini adalah satu usaha yang berterusan supaya kita mendapat balik artifak-artifak ini dan juga replika-replika. Sekian, terima kasih.

6. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, dalam mengawal kenaikan harga minyak sawit, apakah pihak kementerian tidak berhasrat untuk mengenakan harga siling di peringkat pengilang dan pemborong bagi memastikan harga pengguna dapat dikawal.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarajam]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi tidak terlibat dalam pengawalan harga minyak sawit pada tahap ini, memandangkan ianya ditentukan oleh kuasa pasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini harga eksport komoditi utama negara iaitu minyak sawit mentah berada di paras yang memberangsangkan. Harga minyak sawit mentah yang tinggi di pasaran akan memberi manfaat kepada pengeluar-pengeluar buah sawit terutamanya kepada pekebun kecil sawit negara.

Berhubung dengan minyak masak, kerajaan sentiasa menentukan agar kenaikan harga sawit mentah tidak menjejaskan bekalan dan harga minyak masak pada pengguna, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Umpamanya harga siling minyak masak semasa yang telah ditetapkan pada tahun 1997, berpandukan kepada harga minyak sawit mentah sebanyak RM1,500 setan masih dikekalkan walaupun harga minyak sawit mentah pada masa kini telah mencecah RM2,500 setan. Sekian, terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, rakyat rasa bosan di atas kenaikan harga barang-barang pada tiap-tiap hari dan jawapan daripada kerajaan sendiri. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat sendiri, jika sekiranya pemborong dan pengilang menaikkan harga, adakah Kementerian Yang Berhormat mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan di atas pengilang dan pemborong tersebut?

■ 1050

Dato' Dr. S Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Musa atas soalan tambahan beliau. Kerajaan melalui Majlis Minyak Sawit Malaysia ataupun MPOB boleh mengambil tindakan di atas kilang-kilang yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditentukan berkenaan dengan jualan minyak masak, dan tindakannya ialah kilang itu akan disenaraihitamkan dan apabila mereka mohon untuk membaharui lesennya itu tidak akan dibenarkan. Di peringkat jualan iaitu di kedai-kedai runcit, di mini market dan di juga di *supermarket* dan *hypermarket*, penguatkuasaan harga minyak masak dijalankan oleh pihak penguat kuasa daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dapat rasakan satu suasana, *mood* dan saya ingat dulu pesanan saya kepada Dewan dalam masa pertanyaan, timbanglah di antara *prove for accountability* atau *go for blood*. Jadi kalau pertanyaan itu banyak serang dan yang hendak jawab pun melenting sahaja, itu suasana *going for blood* bukan *proving for accountability*. Sekali gus saya mengalu-alukan dan menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Silakan Dato' Rhina Bhar.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah formula yang diguna pakai untuk memastikan harga minyak masak berasaskan sawit tidak naik.

Dato' Dr. S Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Senator Dato' Rhina Bhar atas soalan beliau tadi. Kerajaan bercadang melaksanakan satu skim di mana estet-estet ini diminta bayar ses untuk pampasan kepada pembungkus dan pengeluar minyak masak. Skim ini tidak melibatkan pekebun-pekebun kecil, hanya mereka yang mempunyai estet lebih daripada 40 hektar kena bayar sesnya, dan kadar ses yang dicadangkan ialah kita mengutip RM2 untuk tiap-tiap tan buah tandan segar. Untuk setiap RM100 kenaikan harga pasaran minyak mentah sawit ataupun CPO dan skim ini akan dilaksanakan apabila harga minyak mentah sawit lebih daripada RM105,000 setan dan kadar ses ini akan berubah mengikut paras harga semasa CPO. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah rasionalnya pihak Kementerian mencadangkan penambahan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 84 hari bagi kaum wanita yang berkhidmat di sektor awam dan swasta di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

[Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin dan menyedari akan pentingnya usaha untuk menyediakan tempat kerja yang mesra keluarga kepada para pekerja dari segi kemudahan mahupun peraturan. Teras strategik Rancangan Malaysia Kesembilan mengenai pembangunan wanita antara lainnya yang menggariskan:

- (i) membaiki lagi taraf kesihatan dan kesejahteraan wanita;
- (ii) menggalakkan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga buruh; dan
- (iii) memperkukuhkan institusi kekeluargaan ke arah membentuk masyarakat yang lebih penyayang dan berdaya tahan.

Justeru langkah KPWKM mencadangkan supaya cuti bersalin dilanjutkan daripada 60 hari kepada 84 hari, atau 12 minggu adalah sebagai sebahagian daripada usaha mewujudkan peraturan yang mesra pekerja selaras dengan teras strategik RMK-9. Cadangan ini juga selaras dengan konvensyen, *International Labour Organization* dengan izin, ILO102 dan 103 minimum standard yang menetapkan tempoh cuti bersalin tidak kurang daripada 12 minggu. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah perancangan susulan yang diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan tanggapan negatif terhadap wanita berhubung tahap produktiviti dan profesionalisme dapat dipertingkatkan kerana banyak pihak menyalah anggap berhubung dengan penambahan cuti bersalin ini. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian sekarang sedang bekerjasama dengan perbadanan produktiviti negara untuk mengadakan satu kajian kesan produktiviti, sekiranya dilanjutkan cuti bersalin ini daripada 60 hari kepada 84 hari supaya beri jaminan kepada orang awam, kalau kita lanjutkan cuti bersalin ini tidak akan menjejaskan produktiviti. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah Pusat Permata Negara dipantau atau diselia perjalanannya oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah luar daripada topik atau tajuk hari ini dan juga Pusat Permata Negara ini adalah di bawah kementerian yang lain. Terima kasih.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada soal produktiviti, soal pembentukan insan yang berkualiti juga adalah penting dalam masyarakat Malaysia ini. Untuk tujuan itu, soalan saya ialah tidakkah ada dalam perancangan kementerian untuk selain daripada memberi cuti bersalin, juga membenarkan ibu-ibu yang bersalin ini mengambil cuti

tanpa gaji dalam masa setahun hingga tiga tahun bagi membolehkan dan memberi peluang kepada ibu memberi kasih sayang peringkat awal kepada anak-anak. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Untuk makluman Yang Berhormat, di samping cuti bersalin kepada pegawai, guru dan wanita, peruntukan di bawah Perintah Am 25 dan 26 Bab C, pegawai, guru, wanita juga boleh mengambil cuti menjaga anak tanpa gaji sehingga 90 hari mulai hari ke 61 dari tarikh bersalin. Ini adalah apa yang telah sedia ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat membolehkan saya beri hanya tiga pertanyaan tambahan, tetapi saya percaya kalau Peraturan Mesyuarat memberikan saya kuasa untuk membolehkan 300 pertanyaan pun tidak selesai perkara ini.

8. **Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, apakah tindakan kementerian terhadap stesen-stesen TV swasta yang enggan mendukung dan merealisasikan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, stesen-stesen TV dan radio swasta sememangnya dikehendaki mendukung Dasar Kebudayaan Kebangsaan seperti ditetapkan dalam syarat-syarat lesen dan kod kandungan komunikasi dan multimedia, di mana tiga prinsip utama dasar tersebut iaitu bahasa Melayu, kebudayaan dan agama Islam diberi penekanan. Antara syarat lesen dan kod kandungan yang mendukung dasar tersebut ialah:

- (i) memperuntukkan peratusan kandungan yang disiarkan dalam bahasa Malaysia sebanyak 60%. Peruntukan ini memberi ruang untuk penyiaran kandungan bahasa Malaysia agar dapat memartabatkan Bahasa Kebangsaan;
 - (ii) menyiarkan apa-apa jua kandungan selari dengan budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia dan juga kandungan yang menyumbang kepada aspirasi nasional;
- 1100
- (iii) rancangan berbentuk hiburan adalah juga tertakluk kepada syarat-syarat tersebut yang memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai murni dan keutuhan budaya serta moral yang positif berteraskan nilai-nilai sejagat seiring dengan pendekatan Islam Hadhari; dan
 - (iv) stesen-stesen penyiaran swasta digalakkan juga menyiarkan kandungan tempatan yang mempromosikan kebudayaan dan identiti kebangsaan seperti menyiarkan lagu-lagu dialek suku kaum minoriti masyarakat di Malaysia dan program-program yang berkaitan dengan aktiviti kaum minoriti sejajar dengan semangat integrasi nasional dan pengukuhan perpaduan negara.

Oleh yang demikian kementerian ini yakin bahawa penerapan syarat lesen dan kod kandungan dapat memainkan peranan dalam usaha mendukung dasar kebudayaan kebangsaan menerusi program-program yang disiarkan. Selain daripada itu, semangat dan falsafah Akta Komunikasi Multimedia 1998 bukan sahaja mengambil kira pembangunan sektor komunikasi dan multimedia secara menyeluruh, malah penggabungan akta ini juga dilihat sebagai pemangkin pada pembentukan masyarakat berpengetahuan dan mempunyai nilai-nilai murni sejagat. Sebagai usaha tambahan Tan Sri, kepada peruntukan sedia ada, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah menyediakan satu garis panduan bertajuk Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran menyentuh seni dan budaya yang digabungkan ke dalam satu garis panduan menyeluruh penyiaran program televisyen bagi memudahkan rujukan oleh semua pihak ke atas garis panduan dan petikan-petikan berkaitan dengan kandungan siaran dalam satu kompilasi yang komprehensif, terima kasih.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin tahu berapakah dan apakah tindakan yang telah dikenakan kepada stesen-stesen yang telah melanggar garis panduan untuk tempoh 2006 hingga kini, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini setelah diambil lima tindakan kepada stesen TV swasta, dan bagi tahun ini hanya satu tindakan di mana satu siaran program oleh TV3 telah dibatalkan dan ditarik balik iaitu program Sensasi untuk makluman Dewan terima kasih.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah keberkesanan Jawatankuasa Pemantau Program-Program TV yang telah dibentuk oleh Kabinet bagi memastikan stesen-stesen TV patuh kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dan berapakah kekerapan Jawatankuasa ini bersidang, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tan Sri. Untuk pengetahuan Dewan, sebagaimana yang saya nyatakan bahawa sebenarnya jawatankuasa ini baru siap dari segi membuat garis panduan-garis panduan; dan garis panduan-garis panduan ini telah dibincangkan bersama-sama dengan Kementerian Penerangan dan juga KeKKWa dan menunggu masa tarikh yang sesuai yang mana akan dipengerusikan oleh Jawatankuasa Kecil Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri sebelum ianya boleh dijalankan ataupun boleh diikuti oleh semua penyiar TV swasta yang ada di negara ini. Maka dengan itu saya suka menjawab bahawa pada masa ini masih lagi belum dilaksanakan kerana menunggu satu tarikh yang mana Jawatankuasa Kecil Kabinet untuk membincangkan dari segi persetujuan segala rangka-rangka kerja yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.

Saya juga ingin menekankan dalam kita menyediakan garis panduan ini, pihak kementerian ini juga dalam masa yang sama ingin menggalakkan industri supaya lebih banyak lagi *local content* Tan Sri kerana sekiranya negara ini kita terlalu menekankan atau mengongkong penerbit-penerbit

filem ataupun pengiklan-pengiklan, akhirnya industri ini akan tidak berkembang dan merugikan rakyat negara ini sebab itu kita mesti ada keseimbangan mana satu kita hendak sesuaikan supaya dalam kita menentukan garis panduan yang ada, kita juga ingin menggalakkan industri ini supaya ianya boleh berkembang di negara ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Biasa dilema di antara *control* dan *creativity*.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak silap saya apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita tadi adalah setakat garis panduan. Jadi saya ingin tahu apakah peruntukan undang-undang yang ada pada kementerian untuk mengawal stesen-stesen TV yang tidak mematuhi garis panduan dan juga stesen-stesen TV yang menaikkan bayaran lesen baru-baru ini. apakah peruntukan undang-undang, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, ingin saya jelaskan bahawa setiap penyiar penyiaran ataupun penyiaran swasta adalah dikawal oleh kerajaan dan mereka ini tertakluk kepada syarat-syarat lesen, kemudian mereka juga tertakluk kepada Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Penapisan Filem dan Kod Kandungan. Maka mereka tidaklah bebas untuk melakukan sebarang tindakan ataupun program-program yang menyalahi aspirasi negara sebagai contoh, sebagaimana yang saya katakan tadi, salah satu stesen TV swasta, TV3, yang mana program Sensasinya apabila kita lihat telah melangkaui sempadan yang dibenarkan, maka kita meminta stesen swasta ini supaya menarik balik siaran itu dan kita memikirkan tindakan apa yang boleh kita ambil pada stesen TV ini. Inilah yang kita lalukan oleh pihak kementerian. Terima kasih.

9. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah perancangan jangka panjang dan pendek yang telah diambil kementerian bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di ibu negara Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memohon kebenaran untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar pada 18 Julai 2007 kerana kedua-dua soalan adalah berkaitan dengan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan dan sekali gus saya akan benarkan jika Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar hendak mengemukakan pertanyaan tambahan.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, di Bandaraya Kuala Lumpur bilangan kenderaan di jalan raya semakin bertambah setiap hari sehingga melebihi kapasiti jalan-jalan dan persimpangan utama. Tambahan pula lebih kurang 70% kenderaan di pandu secara SOV iaitu dengan izin, *Single Occupancy Vehicle* atau pemandu seorang diri. Keadaan menjadi semakin buruk dengan sebahagian besar sikap pemandu dan pengguna jalan raya yang menyalahi peraturan lalu lintas. Oleh yang demikian langkah-langkah yang lebih efektif untuk menangani masalah ini adalah dengan memberi lebih tumpuan kepada penyusunan pengangkutan

awam. Kerajaan telah melaksanakan pelan tindakan jangka masa panjang dan pendek. Untuk pelan tindakan jangka masa panjang, kerajaan pusat telah menubuhkan satu jawatankuasa dinamakan Jawatankuasa Integrasi Sistem Pengangkutan Awam Lembah Kelang iaitu INSPAK di bawah Kementerian Kewangan.

INSPAK melalui Syarikat Prasarana Negara Bhd SPNB telah pun menyediakan satu pelan pelaksanaan rangkaian sistem pengangkutan rel bersepadu dan pembangunan terminal bersepadu di Lembah Kelang. Bagi jangka pendek INSPAK melaksanakan program penyusunan semula struktur industri pengangkutan awam termasuk perkhidmatan bas supaya lebih cekap dan berdaya maju. Pelan Tindakan Jangka Masa Panjang di peringkat DBKL adalah dengan mengamalkan dasar perancangan dan pembangunan konsep *transit oriented development*, dengan izin. Konsep ini adalah memberi tumpuan kepada pembangunan kepadatan lebih tinggi di kawasan-kawasan berhampiran kemudahan terminal pengangkutan awam.

Bagi jangka masa pendek, DBKL akan terus mempertingkatkan kemudahan hentian bas dan teksi. Terminal bas dan rangkaian siar kaki berbumbung untuk mempertingkatkan mutu operasi pengangkutan awam. DBKL juga melaksanakan projek *Integrated Transport Information System* iaitu ITIS akan terus digunakan untuk mempertingkatkan keberkesanan pengurusan kemudahan rangkaian jalan raya dan juga membantu pengguna-pengguna jalan raya dalam perjalanan mereka. Kementerian Wilayah Persekutuan juga sedang dalam usaha untuk mewujudkan integrasi projek ITIS dengan pihak Polis Diraja Malaysia supaya ia akan lebih efisien. Sementara itu usaha-usaha untuk menambah baik operasi persimpangan jalan raya dan menambahkan kapasiti dan akan dilaksanakan secara berterusan. Di samping itu projek-projek melebar jalan raya termasuk persimpangan pembinaan '*missing*' link atau jalan bersambungan sedang giat dijalankan, sekian.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kenapakah khidmat bantuan polis trafik masih digunakan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas sedangkan sistem kawalan trafik berkomputer telah pun wujud.

▪ 1110

Tuan Yew Teong Look: Di peringkat DBKL, untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas, pihak DBKL telah mengenal pasti lapan lokasi yang biasanya berlaku kesesakan pada masa pagi dan enam lokasi pada masa puncak petang. Oleh itu untuk meringankan kesesakan lalu lintas, bantuan dari pihak polis bersama trafik DBKL buat masa sekarang masih perlu sehingga sistem pengangkutan awam dan juga sikap pemandu di Kuala Lumpur berada di tahap yang lebih berkesan. Sekian.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah ada usaha-usaha segera sekarang ini untuk membesarkan tempat-tempat *parking* di stesen-stesen LRT di ibu kota ini terutamanya. Apakah usaha-usaha untuk meningkatkan kecukupan komuter berbanding dengan sistem LRT lain kerana komuter itu adalah sangat lembap berbanding dengan sistem yang lain. Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, mengenai tempat *parking* dan sistem komuter. Memang Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL sentiasa memberi kerjasama kepada pihak Kementerian Kewangan melalui Jawatankuasa INSPAK... [Masalah sistem rakaman] Sistem pengangkutan awam yang sedia ada. Oleh itu, sebelum sistem pengangkutan awam sempurna, memang keadaan ini tidak dapat diselesaikan buat masa sekarang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Rizuan, saya ternampak Datuk Rizuan tadi sebelum Datuk Lee Chong Meng sebab lain sikit hari ini.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenapakah jalan di kawasan bandar dari lebuh raya yang menuju ke pusat bandar, sesetengahnya tidak dinaikkan tarafnya sehingga terjadi *bottle neck* dengan izin, dan terlalu banyak lampu isyarat, kenapakah pula Jalan Bangsar di persimpangan Jalan Brickfields dan Jalan Travers tidak dinaikkan tarafnya sehingga menjadi sesak apabila menerima kenderaan yang terlalu banyak dari Lebuh Raya Pantai Baru dan Lebuh Raya Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang agak spesifik iaitu sekarang saya memang tidak ada maklumat yang tepat. Walau bagaimanapun, usaha pihak DBKL telah mengenal pasti tempat-tempat yang dikira sesak dan telah mengambil langkah-langkah untuk membuktikan kesesakan dan tempat lokasi yang sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Jelas bahawa masalah ini menghantui semua dan jelas sentimen Yang Berhormat supaya perkara ini mahu juga diselesaikan.

10. **Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, berapakah jumlah peserta yang telah mendapat bantuan dalam program pembasmian kemiskinan misalnya bantuan [Program Kemiskinan Dalam Bandar).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat Tuan Rawisandran secara serentak bersama soalan bernombor 48 dari Ahli Yang Berhormat G. K. Loga Chitra bertarikh 12 Julai dan soalan bernombor 28 dari Ahli Yang Berhormat Tuan Munusamy bertarikh 23 Julai memandangkan soalan-soalan ini menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan Yang Berhormat, dan Tuan Rawisandran, Puan Loga Chitra dan Tuan Munusamy akan diberi peluang untuk soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merangka program pembasmian kemiskinan bandar atau PPKB di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan di bandar menjelang tahun 2010. Objektif PPKB adalah untuk membina keupayaan isi rumah miskin agar dapat meningkatkan pendapatan dan menikmati kualiti

hidup serta membawa perubahan minda dan sikap positif di kalangan kumpulan sasar. Terdapat tujuh jenis bantuan yang boleh dipohon oleh keluarga miskin dan miskin tegar bandar iaitu:

- (i) bantuan sewa rumah;
- (ii) bantuan kos persiapan kemasukan ke sekolah ataupun IPT;
- (iii) bantuan kos jagaan kanak-kanak;
- (iv) bantuan kos pengangkutan ke sekolah ataupun bagi ibu ke tempat kerja;
- (v) bantuan kos rawatan dialisis (sekiranya terdapat sakit yang berkenaan);
bantuan kos pendidikan dan latihan kemahiran; dan
- (vi) bantuan ihsan keluarga miskin di bandar

Di samping itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah bekerjasama dengan PBT ataupun Jabatan Pembangunan Persekutuan di peringkat negeri dalam usaha melaksanakan PPKB dan PBT juga JPP berperanan bagi mengenal pasti kumpulan sasar di kawasan masing-masing. Mengumpul maklumat pemohon berdasarkan borang yang diedarkan, mengemukakan maklumat pemohon kepada kementerian bagi tujuan mendapatkan peruntukan dan mengagihkan peruntukan tersebut kepada pemohon yang layak menerima bantuan tersebut. Bagi membantu menambahkan pendapatan golongan miskin pula, PBT juga menggalakkan golongan miskin menceburi bidang perniagaan melalui pemberian gerai-gerai seperti program pemberian gerai kepada ibu tunggal dan membantu mengembangkan perniagaan dari segi mempromosi produk mereka.

Dalam meluluskan pelan pembangunan, ada juga PBT atas inisiatif sendiri telah meletakkan syarat kepada pemaju untuk menyediakan beberapa unit kosong untuk keluarga miskin sebagai satu cara membantu pihak kerajaan dalam program pembasmian kemiskinan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini kementerian telah menerima sebanyak 7,184 permohonan daripada keluarga miskin dan miskin tegar di bawah PPKB. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,605 telah menerima bantuan dan jumlah selebihnya masih di peringkat semakan dan proses pembayaran.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Seri, adakah kerajaan bercadang untuk memberi kuasa kelulusan serta pilihan peserta yang layak ini di peringkat PBT masing-masing? Ia disebabkan saya mendapat maklumat bahawa banyak permohonan ini ditolak oleh kementerian tanpa sebarang sebab yang kukuh. Kadang kala ia mengambil masa yang begitu panjang untuk mendapat keputusan daripada kementerian.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, PBT ataupun JPP diberi peranan untuk mengumpul dan menyemak maklumat, mengesahkan maklumat mereka sama ada benar atau tidak mereka adalah keluarga miskin atau miskin tegar. Seterusnya dikemukakan kepada kementerian untuk kelulusan. Kadang kala maklumat itu tidak lengkap ataupun tidak terdapat bukti yang secukupnya. Oleh sebab apabila sebaik sahaja sesebuah keluarga itu didaftar sebagai keluarga

miskin, mereka akan dapat bantuan berterusan setiap bulan dan bertahun-tahun sehingga keluarga itu dikeluarkan daripada kategori kemiskinan. Oleh sebab itu kerajaan perlu berhati-hati. Saya setuju kementerian tidak sepatutnya ambil masa panjang. Saya telah mengenal pasti terdapat sesuatu yang perlu diperbaiki. Sebenarnya semalam dalam mesyuarat *post-Cabinet*, saya telah beri arahan supaya jangan beri orang miskin tunggu lama. Ini adalah satu perkara yang tidak sewajarnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Munusamy, kemudian Tuan Ir. Hiang A Li sebab Puan Loga Chitra tidak bangun tadi.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah semua pihak PBT telah melaksanakan program ini? Dari 4,605 kes yang telah diluluskan, bolehkan kita dapat angka mengikut keturunan?

■ 1120

Satu lagi soalan adalah berkenaan dengan kelulusan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, iaitu adakah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas supaya kelulusan ini boleh dapat dipercepatkan. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan program ini tidak mengikut kaum, dia tak kira kaum. Jadi, tidak ada soalan yang katakan kaum mana sepatutnya dibantu. Kalau dia miskin, semua rakyat Malaysia sepatutnya dibantu. Buat masa kini, kementerian sedang dalam proses kemas kini untuk dapat maklumat terperinci iaitu kaum yang mana, bilangan berapa.

Pada hari ini, belum dapat saya kemukakan kerana dia masih belum dikemas kini, dia banyak lagi tengah proses dan sistem pengkomputeran itu sedang di *upgrade* kan kerana ini adalah program baru dan saya mungkin pada satu hari pada masa depan kalau dapat maklumat itu, saya akan bagi tahu. Tak perlu adakan jawatankuasa khas. Ini adalah pentadbiran yang sepatutnya jabatan yang berkenaan atau bahagian yang berkenaan kena ambil tindakan. Ini perkara senang saja, kalau sah betul lulus, kita buat bayaran dan jangan tunggu lagi dan saya akan adakan cara dalam kementerian untuk memastikan kelewatan ini akan diatasi. Sekian.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Dato' Seri. Saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana mempunyai satu program pembasmian yang begitu baik dan begitu tepat sekali dan soalan tambahan saya adakah kementerian mempunyai satu mekanisme untuk memantau program ini supaya program ini berjaya dan memastikan golongan-golongan yang miskin, yang benar-benar memerlukan bantuan itu menikmati dalam program itu. Itu sahaja.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Memang kementerian berhasrat untuk mengadakan mekanisme atau satu sistem yang betul-betul berkesan. Seperti mana saya maklumkan bahawa ini merupakan satu program baru yang sebenarnya sejak penghujung tahun lepas sahaja konsep ini dan peruntukan ini disediakan. Tahun ini merupakan tahun pertama yang betul-betul kita laksanakan dan mekanisme

itu tetap akan diadakan dan akan diperbaiki dari semasa ke semasa dan dia merupakan satu projek kementerian. Kita perlu ada satu *performance index*s untuk mengukurnya dan memang saya ambil apa-apa maklum balas daripada ahli-ahli Yang Berhormat untuk kebaikan sistem ini.

11. **Datuk Chew Vun Ming** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, keengganan Kerajaan Filipina menubuhkan konsulatnya di Sabah serta melengah-lengahkan penerimaan rakyatnya apabila dihantar balik perlu ditangani dengan tegas oleh Kerajaan Malaysia. Ini kerana keadaan sebegini mempunyai implikasi seperti implikasi kos, keselamatan, sosial dan lain-lain. Apakah tindakan kerajaan supaya pihak Filipina memberi respons yang konkrit terhadap masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Kerajaan memang prihatin dengan masalah ini dan sentiasa berusaha cara bersama dengan kerajaan Filipina bagi mengatasi masalah berkenaan. Di atas keprihatinan inilah, kedua-dua kerajaan telah mencapai persetujuan semasa Mesyuarat Kedua Suruhanjaya Bersama Malaysia-Filipina pada tahun 1995 untuk membuka Pejabat Konsulat General Filipina di Kota Kinabalu, Sabah dan Pejabat Konsulat General Malaysia di Tawau City, Filipina. Pejabat Konsulat General Malaysia di Tawau City, Filipina telah dibuka pada 7 Disember 1995.

Walau bagaimanapun, sehingga kini kerajaan Filipina masih lagi belum membuka Pejabat Konsulat Filipina di Kota Kinabalu, Sabah. Dalam konteks hubungan diplomatik antara negara, adalah tidak wajar untuk Malaysia mendesak mana-mana negara untuk membuka pejabat konsulat negara tersebut di Malaysia. Perbincangan mengenai masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin ke Sabah masih lagi diteruskan. Kerajaan Malaysia akan menggunakan saluran diplomatik yang sedia ada untuk terus menyarankan agar kerajaan Filipina menyegerakan pembukaan pejabat konsulat Filipina di Kota Kinabalu, Sabah untuk kebaikan bersama...

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: [Bangun]

Datuk Chew Vun Meng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Hajah Dayang Mahani dan Tuan Maijol bin Mahap.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Sungguhpun sudah ada persetujuan...

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Chew Vun Meng selepas itu.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Sungguhpun sudah ada persetujuan untuk menubuhkan konsulat di Sabah tetapi apakah muslihat di sebalik keengganan ataupun kelambatan atau kelewatan kerajaan Filipina untuk menubuhkan konsulat tersebut? Mungkin kah ia ada kaitan dengan tuntutan terhadap negeri Sabah?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Sukar untuk kita menentukan apakah muslihat sebenar. Ditafsirkan dua sebab, sama ada politik ataupun sebab ketidakupayaan dari segi pentadbiran kerajaan berkenaan.

Kalau kita katakan ini sebab politik yang dikaitkan dengan soal tuntutan negara Filipina terhadap Sabah, sudah tentulah daripada awal lagi mereka tidak membuat persetujuan bersedia untuk mengatakan bahawa mereka akan membuka konsulat di Sabah sebagaimana kita telah bersetuju untuk mengadakan konsulat kita di Tawau City.

Jadi kalau ini alasannya, tidak sukar untuk kita terima kerana mereka sudah bersetuju. Kita masih berpandangan positif bahawa mereka belum membukanya kerana ada beberapa kelemahan atau beberapa kekurangan yang mereka terpaksa hadapi untuk memperbanyakkan pegawai-pegawai mereka, pejabat mereka di luar dari Kuala Lumpur. Sehingga sekarang pun mereka telah menunjukkan satu tindakan yang positif iaitu mereka mengadakan, menghantar pegawai-pegawai mereka dari Kuala Lumpur di sana secara berkala. Ertinya mereka mengadakan *mobile office* mereka dari semasa ke semasa dan kita menganggap ini bahawa ini adalah satu perkara yang positif. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Chew Vun Meng dulu.

Datuk Chew Vun Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah keadaan yang diguna pakai oleh kerajaan dalam mencegah rakyat Filipina yang dihantar balik tidak datang semula? Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, keadaan persekitaran sukar untuk kita memberi jaminan mereka yang dihantar pulang tidak datang ke mari. Pertama dari segi geografi, kawasan bersempadan terlalu luas. Lautannya begitu sibuk kerana ada faktor sejarah hubungan keluarga untuk mereka datang dan kembali dengan begitu senang dan ada soal sejarah. Itu adalah sebab mereka berulang-alik ke tempat itu.

Yang keduanya faktor ekonomi, faktor ekonomi ada kaitannya dengan faktor kestabilan di Selatan Filipina itu sendiri. Ertinya, tidak mudah kita katakan mereka tidak datang balik kerana bila mereka ke mari, mereka berhadapan dengan tekanan ekonomi yang begitu berat sekali dan ia ada kaitan dengan soal ketidakstabilan. Sebab itulah Malaysia juga mainkan peranan untuk membantu dari segi mewujudkan kestabilan, menjadi salah satu daripada anggota pemantauan antarabangsa bagi menjamin keadaan peperangan di antara puak-puak yang terlibat di Selatan Filipina dapat diselesaikan dengan segera.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini saya tidak nampak penghujung masalah ini. Ia telah diperkatakan begitu lama sudah dan yang menjadi mangsa, yang mengalami kerugian ialah kita sendiri iaitu rakyat Malaysia di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Tuan Maijol bin Mahap: Soalan saya ialah, kalaulah kerajaan Filipina terus enggan untuk menubuhkan konsulatnya di Sabah, apakah perancangan kerajaan secara agresif atau tindakan lanjut yang dibuat oleh kerajaan supaya akhirnya mereka ini akan menubuhkan konsulat itu. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada soalan tambahan. Kita juga tidak menganggap bahawa dengan terbukanya konsulat mereka di Filipina maka masalah dapat diselesaikan dengan segera. Kami percaya bahawa sekiranya konsulat dibuka di sana, ia mempermudah bagi kita untuk mengenal pasti akan mereka-mereka yang tidak mempunyai dokumen yang sah untuk menyatakan mereka adalah rakyat Filipina dapat disahkan oleh Pejabat Konsulat Filipina di Sabah. Itu adalah satu proses untuk mempermudah, tetapi ini tidak bermakna orang yang terus ingin datang dapat disekat semata-mata kerana konsulat itu ditubuhkan.

■1130

Jadi, dalam konteks penubuhan konsulat sebagaimana yang telah diberitahu, dulu kita telah membuat persetujuan pada tahun 1995. Malaysia telah menunjukkan satu sikap dan tindakan yang segera. Kita menubuhkan konsulat kita di Tawau sebagai menghargai atau menghormati persetujuan yang dibuat. Kita telah menubuhkan di sana dengan harapan agar mereka juga segera menubuhkan konsulat mereka di Sabah, tetapi sebagaimana yang diberitahu tadi malangnya sehingga sekarang mereka belum dapat.

Jadi peranan kita ialah terus mengingatkan mereka setiap kali perjumpaan pada setiap tahun seperti dalam perjumpaan yang kita sebutkan iaitu JCM. Itulah yang kita ingatkan. Sebagai langkahnya mereka telah menghantar wakil mereka setiap beberapa bulan sekali untuk memainkan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh konsulat mereka. Berilah kepercayaan kepada Kerajaan Malaysia untuk terus mengingatkan dan mengingatkan mereka lagi supaya perkara ini dapat diatasi dengan segera.

12. Tuan Tan Bon You minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah perancangan seterusnya jika perundingan Proton dengan syarikat kereta Volkswagen gagal. Adakah kerajaan akan mencari rakan kongsi yang lain. Adakah kemungkinan Proton akan digabungkan dengan Perodua sebagai langkah akhir jika tiada rakan kongsi antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini perbincangan di antara Proton dan Volkswagen sedang berjalan dengan lancar. Satu keputusan muktamad akan dibuat pada akhir tahun ini. Di samping itu pada masa yang sama, Proton juga telah menerima kertas cadangan daripada General Motors. Tuan Yang di-Pertua, Proton belum lagi berhasrat untuk mengadakan perbincangan dengan Perodua.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah pada pandangan Yang Berhormat, apakah faktor-faktor yang dikenal pasti yang

menyebabkan kemerosotan prestasi dan penjualan Proton berbanding dengan Perodua. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada banyak faktor. Kalau kita lihat dari segi *traction* nya pun Tuan Yang di-Pertua adalah kurang daripada kebiasaan yang dibuat oleh kereta-kereta nasional di luar negara seperti Jepun dan sebagainya. Contohnya macam Toyota, Honda dan sebagainya mereka mengeluarkan sebanyak satu juta untuk setiap model, tetapi Proton mengeluarkan *production* setahun hanya dalam lingkungan 200,000 unit. Maka ini *production* kosnya telah meningkat. Proton juga tidak berupaya mengeluarkan banyak model setiap tahun. Ini kerana kos untuk tiap-tiap model hendak dikeluarkan adalah lebih kurang 500 juta.

Jadi, dengan pengeluaran yang begitu rendah, maka kos per unit untuk R&D adalah tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kapasiti untuk pengeluaran adalah tinggi, lebih kurang di Shah Alam dan di Tanjung Malim jumlahnya lebih kurang 400,000 unit setahun, tetapi yang keluarannya lebih kurang 200,000 unit setahun. Ini satu faktor.

Yang kedua, dari segi kapasiti *engineering* nya agak kurang sedikit dan ini juga perlu dipertingkatkan. Dari segi jualan Tuan Yang di-Pertua, pasaran Proton kebanyakan dalam negara dan hanya sedikit luar negara. Ini juga kerana *competition* Tuan Yang di-Pertua. Dari segi jualan, kereta-kereta import kebanyakan mendapat insentif yang lain terutamanya dari segi *interest* bank ataupun *interest* bank yang dikenakan ke atas model keluaran lain agak rendah berbanding dengan kredit ataupun *interest* yang dikenakan terhadap kereta Proton.

Saya difahamkan bahawa ini adalah kerana pihak syarikat lain ataupun model lain atau kereta yang diimport telah memberi rebet kepada pembeli-pembeli ini. Maka itu, *interest* yang dikenakan ke atas kereta-kereta yang import ini adalah lebih rendah. Ini adalah antara perkara-perkara yang telah pun mengurangkan prestasi penjualan Proton, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah senario yang digambarkan oleh Yang Berhormat tadi adalah sesuatu yang menakutkan juga memandangkan daya persaingan tidak diperoleh oleh Proton. Kedudukan kewangan Proton amat getir dan gabungan merupakan penyelamat. Sekiranya gabungan ini tidak berlaku dan kedudukan kewangan semakin menurun, adakah ini bererti bahawa Proton akan mati? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bagi jaminan di sini bahawa kerajaan tidak akan biarkan Proton mati. Ini adalah kerana kita hendak menjaga nama baik negara kita dan Proton adalah kereta nasional. Kita telah bina Proton ini sehingga sekarang dalam keadaan yang baik, tetapi ya lah, kalau dari segi prestasinya memang agak menurunlah. Kalau kita lihat dari segi keuntungannya pada tahun 2003/2004 selepas cukai ialah RM510 juta. Kemudian ia menurun pada tahun 2004/2005 iaitu RM442 juta keuntungan selepas cukai. Pada tahun 2005/2006, keuntungan selepas cukai turun kepada RM46.7 juta. Ia turun laju.

Ini membimbangkan, tetapi saya boleh bagi jaminan bahawa kerajaan tidak akan biarkan begitu. Kerajaan akan mencari kaedah-kaedah yang akhirnya dapat membantu Proton. Setakat ini sedang berunding dengan Volkswagen. General Motors sudah menunjukkan minat dan sudah hantar *proposal* yang baru. Saya ingat sesuatu yang baik akan timbul Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih.

13. Tuan Chih Tiang Chai minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk menambahkan tempat di IKBN memandangkan permohonan besar daripada belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mengikuti pelbagai kursus di peringkat persijilan dan diploma dan pada masa yang sama adakah kementerian merancang untuk mengadakan kelas sambilan atau kelas malam untuk sesiapa saja yang berminat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian Belia dan Sukan menyedari jumlah permohonan semakin bertambah daripada belia lepasan SPM untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran di IKBN di seluruh negara. Bagi mengatasi masalah kekurangan tempat di IKBN, mulai sesi pengambilan Sesi Penggal Dua 2007 setiap IKBN dan IKTBN telah diarahkan untuk mengambil seramai 150 orang belia sebagai tambahan kepada kuota pengambilan sedia ada. Pelaksanaan program peningkatan kapasiti ini adalah menggunakan kemudahan sedia ada di IKBN dan IKTBN.

Ini bermakna pada sesi ini, kementerian telah berjaya meningkatkan jumlah pengambilan pelajar baru daripada 4,000 kepada 6,100. Oleh itu ada pertambahan sebanyak 2,100 orang. Kementerian juga siap membina infrastruktur pertambahan di bawah projek naik taraf Rancangan Malaysia Kelapan bagi tujuan menambah bilangan tempat di IKBN sedia ada. Melalui projek ini, kapasiti pelajar di IKBN Seri Iskandar, Perak akan meningkat daripada 200 kepada 800. Kapasiti IKBN Wakaf Tapai, Terengganu pula meningkat daripada 450 orang kepada 800 orang.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pula Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah merancang untuk menaik taraf IKBN Pertak, IKBN Dusun Tua, IKBN Jitra dan IKTBN Sepang bagi menyediakan lebih banyak peluang kepada para belia memasuki IKBN dan IKTBN. Dengan siapnya projek naik taraf ini, Kementerian Belia dan Sukan akan dapat menyediakan tambahan sebanyak 2,740 tempat kepada para belia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kursus sepenuh masa, IKBN dan IKTBN telah juga melaksanakan kursus jangka pendek khusus kepada belia dan pekerja industri yang berminat. Ia dijalankan mengikut kesesuaian, sama ada di hujung minggu ataupun selepas waktu bekerja. Selain dari kursus jangka pendek yang dirancang, IKBN juga telah melaksanakan kursus-kursus jangka pendek mengikut kehendak pelanggan. Selain daripada kursus kemahiran teknikal, IKBN juga mengadakan kursus-kursus jangka pendek lain seperti ICT dan bahasa Inggeris. Pada tahun 2006, seramai 800 orang belia telah mengikuti kursus ICT dan 600 orang belia mengikuti kursus bahasa Inggeris.

Tuan Chiu Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat ke atas jawapan yang diberi oleh pihak kementerian. Soalan tambahan saya ialah kalau Kementerian Pengajian Tinggi akan menubuhkan Agensi Kelayakan Malaysia untuk memantapkan lagi jaminan kualiti IPTA, IPTS, politeknik dan malahan kolej komuniti, apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian ini untuk memastikan kualiti IKBN adalah setaraf dengan institut latihan kemahiran luar negara. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Taraf IKBN-IKBN di bawah Kementerian Belia dan Sukan adalah seperti, tak sama dengan ILP, Institut Latihan Perindustrian. Dan satu daripada IKBN, iaitu Sepang adalah sama dengan diploma yang dikeluarkan oleh 'ITM', dan untuk setakat ini kita memang dalam peringkat sedang mengemas kini satu proses di mana kita akan membentuk satu jawatankuasa untuk memastikan bahawa diploma-diploma yang dikeluarkan oleh IKBN ini tidak akan jatuh tarafnya tetapi akan meningkat setaraf dengan institut-institut latihan yang lain di negara ini. Sekian terima kasih.

■ 1140

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kini terdapat bilangan belia yang besar, yang tercicir daripada sistem persekolahan sebelum mereka mengambil SPM, sudah tercicir dah. Ramai yang tercicir kerana kelemahan bahasa itu. Untuk belia kaum India, kaum Tionghoa, kaum Orang Asli, kaum Kadazan yang tercicir ini, bagaimana Kementerian Belia dan Sukan dapat membantu belia-belia yang tercicir sebelum mereka mencapai SPM ini dan bolehkah juga dalam latihan-latihan di pusat-pusat latihan ini dua bahasa digunakan satu bahasa Malaysia dan satu bahasa ibunda belia-belia ini supaya mereka dapat mengikut kursus-kursus yang ditetapkan ini. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Diploma-diploma yang dikeluarkan di IKBN ini bukan setaraf dengan Giat MARA. Di bawah MARA, iaitu memang ada program di mana pertuturan atau pun kelulusan bahasa Malaysia ini tidak ditetapkan, tetapi di bawah program-program yang dijalankan di bawah Kementerian Belia dan Sukan iaitu di bawah IKBN, memang kursus-kursus ini di dalam bahasa Malaysia dan bahasa adalah satu aspek yang penting. Kita memang faham dan prihatin kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tetapi diploma-diploma yang dikeluarkan oleh IKBN ini ada taraf bukan seperti yang Giat MARA. Oleh itu kalau tidak ada kelulusan dalam bahasa Malaysia ini, memang susah untuk mengikuti kursus-kursus di bawah IKBN dan itulah yang boleh dikatakan taraf IKBN. Saya akan bawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat kepada perhatian menteri tetapi buat masa ini, kelulusan bahasa Malaysia ini memang penting dalam kursus di bawah IKBN.

Puan G. K. Loga Chitra: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah Kementerian Belia dan Sukan akan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk

memperkenalkan kursus-kursus kemahiran untuk pelajar yang kurang minat dalam jurusan akademik dan membantu mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Belia dan Sukan sering bekerja dengan Kementerian Pelajaran dalam semua aspek iaitu sukan, belia dan juga kursus-kursus yang dikeluarkan oleh IKBN tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, berkenaan dengan program-program, Kementerian Pelajaran ada setakat SPM dan selepas SPM itu Kementerian Pengajian Tinggi.

Kita memang bekerja dengan Kementerian Pengajian Tinggi berkenaan dengan kursus-kursus yang dijalankan semasa memastikan bahawa apabila pelajar-pelajar kita yang keluar dari IKBN ini mendapat kerja, tetapi apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu memang sama dengan niat kerajaan yang sentiasa bekerja sama dengan Kementerian Pelajaran dalam aspek-aspek pelajaran dan juga sukan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang terakhir ya.

14. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) kos pengurusan dan perkhidmatan Hospital Gombak di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia; dan
- (b) adakah kementerian bercadang menyerahkan pengurusan dan perkhidmatan hospital ini kepada Kementerian Kesihatan. Jika tidak, apakah langkah-langkah peningkatan kualiti pengurusan sumber dan perkhidmatannya.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Osman Bungsu yang membawa soalan ini ke sidang Dewan Negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi jawapan,

- (a) Kos dan pengurusan perkhidmatan Hospital Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Gombak bagi tempoh lima tahun yang lepas, tahun 2002 sehingga 2006 berjumlah RM31.4 juta iaitu purata RM6 juta setahun.

Sementara,

- (b) Buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk menyerahkan pengurusan dan perkhidmatan HEOA kepada Kementerian Kesihatan kerana telah wujud satu kerjasama dan kesefahaman erat di antara JHEOA dengan Kementerian Kesihatan dari segi liputan perkhidmatan kesihatan iaitu bagi kampung-kampung Orang Asli di kawasan pendalaman di bawah tanggungjawab hospital JHEOA. Manakala kampung-kampung Orang Asli di kawasan pinggir bandar di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan.

Tambahan pula hospital JHEOA ini lebih fokus dan memberi tumpuan hanya kepada Orang-orang Asli dan satu-satunya hospital sedemikian rupa di dunia.

Ia juga beroperasi atas dasar ACF dengan izin *active case finding* iaitu doktor mencari pesakit tidak seperti hospital-hospital lain iaitu PCF dengan izin, *passive case finding* di mana doktor tunggu pesakit di hospital. Untuk Orang Asli kita pergi mencari pesakit kerana masih terdapat kes-kes tibi, kusta dan malaria di kalangan masyarakat Orang Asli. Rawatan kepada mereka pula, dibuat secara *family admission* dengan izin, bukan pesakit sahaja masuk hospital, malah suami atau isteri dan juga kesemua anak-anak juga masuk sama dan mereka ini diberi tanggung makan tempat tinggal, pakaian dan keperluan asas sepanjang masa pesakit di hospital.

JHEOA juga menyediakan khidmat khas penerbangan doktor udara atau EDU, dengan belanja RM1 juta setahun untuk helikopter sahaja ke kawasan pedalaman selain menyediakan klinik-klinik bergerak menggunakan pacuan empat roda. Lagi pun, kesemua 245 doktor, paramedik, dan juga jururawat adalah dipinjam daripada Kementerian Kesihatan dan dibayar gaji oleh JHEOA.

Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa mengambil langkah-langkah meningkatkan kualiti perkhidmatannya dengan menambah kelengkapan hospital iaitu dengan mewujudkan Unit Kecemasan dan Unit Hemodialisis yang sebelum ini tidak ada dan baru diwujudkan tahun lepas. Hospital ini juga telah mendapat tambahan doktor dan pegawai baru iaitu dua Pegawai Perubatan Kanan dan dua orang Pegawai Farmasi dan juga seorang Pegawai Sains Serangga. Di samping itu, kakitangan hospital ini sentiasa dihantar untuk kursus-kursus dan latihan yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan supaya ilmu dan kemahiran mereka bertambah untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat Orang Asli.

Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya... terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah di atas Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah kerana telah memberi perhatian yang penuh dalam melaksanakan peningkatan kualiti kesihatan di kalangan penduduk Orang Asli yang kebanyakannya terletak di kawasan luar bandar.

Soalan tambahan saya, apakah halangan-halangan yang menyebabkan kementerian ini tidak mahu menyerahkan perkhidmatan kesihatan ini kepada Kementerian Kesihatan kerana saya melihat Kementerian Kesihatan ini, fokusnya ialah untuk perkhidmatan di Semenanjung, di Sabah dan

Sarawak, pun diserahkan kepada Kementerian Kesihatan. Soalnya, apakah ini ada perkara-perkara yang sukar sangat beri kepada Kementerian Kesihatan.

Yang kedua, saya melihat kesihatan di luar bandar, terutama kawasan pedalaman masih lagi dalam keadaan kritikal, terutama di kawasan pedalaman dari segi penyakit tibi, penyakit deman denggi ini masih tidak dapat diatasi. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan tambahan. Tidak ada alasan mengapa kementerian tidak memberi semula atau memberi tanggungjawab kepada Kementerian Kesihatan untuk menguruskan Hospital Orang Asli di Gombak. Cuma kita merasakan bahawa, kita boleh beri yang terbaik. Ini adalah kerana, keseluruhan hospital yang ada di negara kita ini laksana lautan begitu luas tetapi Jabatan Orang Asli mengadakan satu hospital, umpama satu kolam.

■1150

Jadi lebih mudahlah dalam satu kolam ini kita jaga. Kalau ia masuk ke Kementerian Kesihatan, ia akan jadi lautan tidak ada tumpuan khusus, khas dan juga *specific* dengan izin, kepada masyarakat Orang Asli. Jadi tahap kesihatan Orang Asli ini kita tingkatkan dari semasa ke semasa dan kadar mereka keseluruhannya adalah *above average*, misalannya kalau untuk 100,000 masyarakat kita kurang daripada 1% keseluruhannya.

Namun untuk Orang Asli ia adalah tahap 11% daripada 100,000 bermakna tahap yang tinggi.

Begitu juga untuk kes Malaria dan juga kes Tibi adalah tinggi dan kita kena khusus bagi tumpuan khas dan kita merasakan wujudnya Hospital Orang Asli di Gombak ini yang satu-satunya di dunia, dapat memberikan tumpuan khusus khas kepada Orang Asli. Kita yakin jabatan kita dan kementerian ini dapat lakukan yang terbaik untuk membela tahap kesihatan Orang Asli secara keseluruhannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan soalan lisan telah cukup.

Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN SEWA BELI (SARAWAK) (PEMANSUHAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang"

[11 Julai 2007]

11.50 pagi

Timbalan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menyambung huraianya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung ucapan saya semalam.

Ordinan Pendaftaran Sewa Beli Sarawak (Bab 71), berkuasa pada 1 Februari 1934 dan terpakai di negeri Sarawak sahaja. Ordinan ini telah diisytiharkan sebagai Undang-undang Persekutuan sebelum Hari Malaysia mengikut perintah pengubahsuaian undang-undang. Pengisytiharan undang-undang sekarang sebagai Undang-undang Persekutuan 1965. Ordinan ini mengandungi 16 seksyen yang bertujuan untuk membuat peruntukan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran sewa beli.

Di bawah ordinan ini setiap perjanjian sewa beli di Sarawak perlu didaftarkan di pejabat daerah. Semua pegawai daerah di negeri Sarawak dilantik sebagai pendaftar bagi melaksanakan peruntukan dalam ordinan tersebut. Bayaran fi dikenakan adalah sebanyak RM5 bagi setiap pendaftaran dan resit akuan pembayaran dikeluarkan sebagai bukti pendaftaran.

Ordinan Pendaftaran Sewa Beli Sarawak ini mewajibkan pendaftaran kepada mana-mana orang yang memasuki transaksi perjanjian sewa beli. Perkara ini menyukarkan semua proses perjanjian sewa beli. Sekiranya perjanjian ini tidak didaftarkan, maka sesuatu perjanjian itu tidak boleh dikuatkuasakan dan tidak sah.

Transaksi perjanjian sewa beli di negara ini adalah termasuk dalam bidang kuasa Akta Sewa Beli 1967 iaitu Akta 212 yang mula dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 11 April 1968 dan terpakai di seluruh negara termasuk Sarawak.

Peruntukan-peruntukan di bawah akta ini adalah memadai, untuk melindungi kepentingan pihak-pihak yang memasuki perjanjian sewa beli ini.

Tuan Yang di-Pertua, ordinan ini wajar untuk dimansuhkan berdasarkan kepada sebab-sebab berikut:

- (i) ia memang menyukarkan pihak melakukan perjanjian sewa beli kerana berlakunya kerenah birokrasi yang mengakibatkan kelengahan yang tidak sepatutnya;
- (ii) keperluan pihak yang berkaitan di dalam perjanjian sewa beli supaya menghadiri diri di hadapannya atau melalui peguam cara dan mewakili bagi pihak-pihak dalam perjanjian tersebut. Ini adalah membebankan pihak yang terlibat;
- (iii) ordinan ini membenarkan mana-mana orang memeriksa salinan perjanjian di pejabat pendaftar setelah membuat bayaran yang

- dikenakan. Ini adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku kerana bertentangan dengan peruntukan berkaitan kerahsiaan;
- (iv) bagi bertujuan menguruskan bentuk dan kandungan perjanjian sewa beli dan hak serta tanggungjawab pihak terlibat kepada perjanjian itu, peruntukan di bawah Akta Sewa Beli 1967 adalah memadai. Peruntukan di bawah akta ini tidak mensyaratkan pendaftaran sewa beli di pejabat daerah;
 - (v) Ordinan Pendaftaran Sewa Beli Sarawak (Bab 71) dianggap lapuk dan sudah tidak diperlukan lagi;
 - (vi) melalui pemansuhan ordinan ini pihak penjamin tidak perlu menanggung kos-kos tidak langsung seperti bayaran akuan sumpah, yuran penyediaan perjanjian dan bayaran kepada agen/runner yang menguruskan pendaftaran di pejabat daerah;
 - (vii) pemansuhan ordinan ini secara langsung dapat mengurangkan beban tugas pegawai daerah selaku pendaftar serta penggunaan sumber manusia lain dalam menguruskan proses pendaftaran perjanjian sewa beli; dan
 - (viii) memastikan rakyat di Negeri Sarawak juga menikmati kemudahan memasuki perjanjian sewa beli yang sama seperti masyarakat di negeri-negeri lain di seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan ordinan ini sebenarnya telah mendapat persetujuan dan sokongan daripada Kerajaan Negeri Sarawak, Kamar Peguam Besar Negeri Sarawak, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan juga Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia kerana Bahagian II dalam Akta Sewa Beli 1967 iaitu Akta 212 disifatkan sudah mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak-pihak transaksi sewa beli, maka tidak ada justifikasinya untuk ordinan ini dikekalkan. Dalam masa peralihan pemansuhan ordinan ini, mana-mana dokumen atau surat-surat perjanjian sewa beli yang belum habis proses pendaftarannya boleh disempurnakan pendaftarannya. Dengan demikian setiap fi yang telah dibayar untuk pendaftaran ke atas dokumen atau surat perjanjian sewa beli tidak akan dikembalikan.

Dengan pemansuhan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli Sarawak (Bab 71) memudahkan pihak terlibat memasuki perjanjian sewa beli, di mana dapat mengurangkan kerenah birokrasi, mengurangkan kos dan menjimatkan masa memandangkan proses pendaftaran perjanjian sewa beli mengambil masa di antara seminggu hingga dua minggu.

Pemansuhan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli Sarawak (Bab 71) akan diikuti dengan pemansuhan pendaftaran ke atas sebarang dokumen atau surat perjanjian sewa beli di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007 ini mencadangkan tiga fasal yang dibahagikan kepada tiga seksyen yang antara lainnya seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Akta Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007.

Fasal 2 mengandungi peruntukan butiran untuk memansuhkan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71).

Fasal 3 mengandungi peruntukan bertujuan untuk mengadakan pengecualian dan peralihan di mana dengan pemansuhan ordinan di seksyen 2 tidak akan menjejaskan apa-apa dokumen atau surat cara sewa beli yang telah disempurnakan sebelum ordinan dimansuhkan itu. Fasal ini juga mengandungi peruntukan mengenai apa-apa dokumen atau surat cara sewa beli tidak akan dikembalikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud subseksyen 10(2), subseksyen 11 dan 12 Ordinan, apabila ordinan ini dimansuhkan di bawah seksyen 2, pendaftaran hendak tertakluk kepada peruntukan Ordinan Pustaka Negeri Sarawak 1999 (Bab 29) memegang, simpan salinan pendaftar dokumen atau surat cara sewa beli tersebut dalam masa enam bulan dari tarikh pemansuhan itu mengemukakan dokumen itu kepada Pemegang Simpanan Negeri yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV Bab 29 ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang terakhir sekali adalah rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Akta Sewa Beli 1967 adalah mencukupi untuk diguna pakai bagi melindungi kepentingan pengguna dan pihak berkaitan dalam transaksi perjanjian sewa beli di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71) dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

■1200

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua: Tiada ahli-ahli yang hendak berbahas? Silakan Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: *[Mencari sesuatu di atas meja]*

Timbalan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat, tiada perbahasan? Kalau tiada.... saya hendak minta Majlis memutuskannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.04 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak, dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, iaitu Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 ini, merupakan inisiatif strategik bagi melaksanakan perubahan dalam sistem perundangan dan keadilan negara dengan mengadakan peruntukan bagi tatacara yang berhubungan dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak.

Kanak-kanak yang dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah kebiasaannya terpaksa berhadapan dengan kecelaruan dari segi psikologi berikutan pengalaman menyakitkan sebagai mangsa penderaan. Secara teorinya, kanak-kanak terlalu lemah dan tidak sedar apabila terpaksa berhadapan dengan kompleksiti sistem perundangan.

Oleh sebab itu, kanak-kanak perlu dibantu agar tidak mengalami trauma yang berterusan dan membolehkan kanak-kanak memberikan keterangan di mahkamah dalam suasana yang selesa dan mesra kanak-kanak serta dapat meneruskan kehidupan harian yang biasa seperti kanak-kanak lain.

Bagi maksud ini, rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, perlulah diadakan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua Bahagian I, bahagian ini memperuntukkan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta ini.

Fasal 1(1) mengenai nama akta iaitu Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007.

Fasal 1(2) mengenai tarikh berkuat kuasa akta ini iaitu ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta.

Fasal 2 mentakrifkan perkataan “mahkamah”, “menteri”, “pegawai perubatan”, “pegawai polis”, “rakaman video”, “rangkaian secara langsung” dan “saksi kanak-kanak”.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II iaitu cara pemberian keterangan kanak-kanak oleh saksi kanak-kanak. Dalam Fasal 3(1) akta ini menyatakan seseorang saksi kanak-kanak boleh, pada mana-mana peringkat perbicaraan, memberi keterangan dalam salah satu atau gabungan cara yang berikut:-

- (a) dengan mengadakan satu pengadang di antara kanak-kanak itu dengan tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan;
- (b) dengan rangkaian secara langsung; atau
- (c) dengan rakaman video.

Fasal 3(2) pula menyatakan mana-mana keterangan yang diberikan tersebut hendaklah disifatkan sebagai keterangan dalam mahkamah terbuka. Bahagian ini juga mengadakan peruntukan pengadangan Fasal 4(1), menyatakan seorang saksi kanak-kanak semasa memberi keterangan di mahkamah boleh dihalang dengan cara suatu pengadang daripada melihat dan dilihat oleh tertuduh, atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan.

Fasal 4(2) menyatakan pengadang tidak boleh menghalang saksi kanak-kanak itu daripada boleh melihat dan dilihat oleh mahkamah, pendakwa, peguam bela dan juga jurubahasa.

Bahagian II juga memperuntukkan keterangan melalui rangkaian secara langsung.

Fasal 5(1) menyatakan jika saksi kanak-kanak memberi keterangan dengan rangkaian secara langsung dari suatu lokasi selain daripada bilik perbicaraan, lokasi tersebut disifatkan sebahagian daripada bilik perbicaraan.

Fasal 5(2) menyatakan mahkamah boleh membuat satu perintah. Rakaman video saksi kanak-kanak tersebut juga diperuntukkan di bahagian ini.

Fasal 6(1) menyatakan satu rakaman video saksi kanak-kanak, diberikan dalam keterangan hendaklah diterima sebagai keterangan pemeriksaan utama saksi kanak-kanak itu dan kandungannya hendaklah tertakluk kepada Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

Fasal 6(2) mengadakan peruntukan bagi penerimaan rakaman video.

Fasal 7 bahagian ini memperuntukkan bahawa suatu rakaman video terdahulu yang dibuat menurut Fasal 6, oleh seorang kanak-kanak yang mencapai umur 16 tahun sebelum memberi keterangan di dalam mahkamah boleh dibuktikan.

Pemeriksaan saksi kanak-kanak melalui perantara seperti jurubahasa atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh mahkamah diperuntukkan dalam Fasal 8 bahagian ini. Fasal ini juga mengadakan peruntukan tentang fungsi perantara. Perantara, tidak boleh mempengaruhi jawapan saksi kanak-kanak atau mengganggu saksi kanak-kanak itu semasa dia disoal.

Fasal 9 dalam bahagian ini memperuntukkan bagi orang dewasa yang menemani saksi kanak-kanak semasa saksi kanak-kanak itu memberi keterangan dalam mana-mana prosiding. Orang dewasa yang menemani saksi kanak-kanak itu tidak boleh mempengaruhi jawapan saksi kanak-kanak atau mengganggu saksi kanak-kanak.

▪ 1210

Dalam Fasal 10 akta ini juga memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengarahkan pegawai-pegawai mahkamah mengetepikan pakaian rasmi mereka semasa keterangan diberikan oleh saksi kanak-kanak. Jika mahkamah meragui mengenai umur seseorang saksi kanak-kanak, suatu perakuan oleh pegawai perubatan telah mencapai dan belum mencapai umur yang dinyatakan boleh diberi dalam keterangan dan mahkamah hendaklah mengisytiharkan umur saksi kanak-kanak itu dan hendaklah disifatkan sebagai umur sebenar saksi kanak-kanak itu melainkan dibuktikan sebaliknya. Ini dinyatakan dalam Fasal 11(1).

Dalam akta ini juga memperuntukkan saksi kanak-kanak yang menderita kurang upaya, seorang saksi kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan boleh selain daripada memberi keterangan, mengikut apa cara yang ditetapkan dalam Fasal 3(1) atau satu gabungan cara yang ditetapkan dalam fasal itu, memberi keterangan mengikut apa-apa cara lain yang menjadikannya boleh difahami. Keterangan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai keterangan lisan.

Fasal 13 akta ini memperuntukkan mahkamah boleh terus mendengar keterangan seorang saksi kanak-kanak jika semasa memberi keterangan saksi kanak-kanak itu mencapai umur 16 tahun. Sekatan kepada laporan dan penyiaran media mengenai butir-butir saksi kanak-kanak dan suatu prosiding yang boleh membawa kepada pengenalanpastian saksi kanak-kanak diperuntukkan dalam Fasal 14. Fasal ini turut mengadakan peruntukan penalti bagi ketidakpatuhan kepada peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III, Bahagian Am, Fasal 15 bahagian ini memperuntukkan menteri boleh membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang perlu atau sesuai manfaat untuk memberi kesan sepenuhnya kepada atau bagi melaksanakan peruntukan akta ini.

Fasal 16 dalam bahagian ini memperuntukkan Akta Keterangan 1950 iaitu Akta 56 dan Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) hendaklah terus terpakai kecuali setakat yang peruntukan-peruntukan itu secara nyata diubahsuaikan oleh akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan. Tuan Tay Puay Chuan, Dato' Rhina Bhar, Tuan Majjol Mahap, Tuan Munusamy, Puan Loga Chitra dan Datuk Hajah Dayang Mahani.

12.13 tgh.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita.

Syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan satu rang undang-undang mengenai keterangan saksi kanak-kanak yang di mana dalam rang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini menampakkan satu perlindungan kepada kanak-kanak sebagai saksi, sama ada memberi keterangan di dalam mahkamah ataupun luar mahkamah yang dapat memberi satu keadaan yang lebih selesa tanpa rasa takut dan gelisah ke atas seorang kanak-kanak yang dipanggil sebagai seorang saksi terutama sekali kalau kita lihat seksyen 3 yang dicadangkan mempunyai tiga bentuk seseorang kanak-kanak boleh memberi keterangan sebagai saksi di dalam ataupun di luar mahkamah iaitu peruntukan pertama ialah mengenai boleh mengadakan satu pengadang yang kalau kita lihat pengadang ini bermaksud kanak-kanak yang memberi keterangan di dalam mahkamah, maka boleh mengelakkan satu keadaan di mana kanak-kanak tersebut terpaksa mempunyai *eyes contact*, dengan izin, ataupun dari mata ke mata ataupun bertembung mata dengan tertuduh terutama sekali. Dalam keadaan sedemikian saya rasa kanak-kanak dapat memberi keterangan dalam keadaan yang selesa, yang lega, yang tidak harus takut kepada tertuduh.

Yang kedua ialah secara rangkaian langsung di mana kita telah menggunakan secara optimumnya perkembangan teknologi yang terbaru, yang terkini, yang biasa kita katakan sebagai *video conferencing*, dengan ini, tetapi dalam konteks ini ialah secara *video proceeding*, dengan izin, iaitu kanak-kanak memberikan sesuatu keterangan melalui rangkaian secara langsung iaitu tidak memberikan keterangan di dalam mahkamah. Ini adalah untuk mengelakkan juga pertembungan antara kanak-kanak sebagai seorang saksi dengan tertuduh, khususnya.

Yang ketiga ialah mengenai satu cara iaitu rakaman video. Saya rasa ini adalah satu cara yang baik kerana rakaman video ini akan diadakan oleh seorang pegawai polis yang memang dilatih untuk mengambil keterangan seseorang saksi. Jadi ia dapat dilakukan dalam masa yang singkat ataupun dengan izin, *first opportunity* sesuatu insiden ataupun kejadian jenayah berlaku. Sejurus

selepas kejadian tersebut, maka kanak-kanak sebagai seorang saksi dapat memberi keterangan dalam masa yang singkat sementara beliau masih mempunyai ingatan yang baru ataupun *fresh*. Ini adalah untuk memastikan bahawa ingatan kanak-kanak tidak lupa apabila beliau dipanggil di mahkamah untuk memberi keterangan kelak kerana pada kelazimannya sesuatu kes jenayah akan mengambil masa yang panjang untuk dibicarakan di mahkamah terbuka.

Ini adalah satu peruntukan yang saya rasa kita harus puji. Namun ada kelemahan dalam perkara tentang rakaman video, Tuan Yang di-Pertua, kerana ia adalah *silent*, dengan izin, ataupun tidak sebut sama ada pihak pembela dapat menjalankan pemeriksaan balas ke atas seseorang kanak-kanak yang memberi keterangan dalam bentuk rakaman video kerana kanak-kanak memberi keterangan dalam bentuk rakaman video adalah secara pemeriksaan utama iaitu sebagai satu keterangan yang bakal ataupun yang akan dibentangkan oleh pihak pendakwaan di mahkamah terbuka kelak semasa perbicaraan.

Ia adalah senyap, *silent*, tidak sentuh tentang sama ada pihak pembela berpeluang untuk mengadakan pemeriksaan balas ke atas kanak-kanak tersebut. Jadi saya berharap pihak pendakwaan dalam bab atau konteks ini haruslah mempunyai satu sikap yang terbuka iaitu dapat mengizinkan pihak pembela untuk memanggil kanak-kanak tersebut sebagai saksi untuk diperiksa balas oleh pihak pembela dengan menggunakan cara yang telah ditentukan oleh seksyen 3 sebentar tadi iaitu secara pengadang ataupun secara rangkaian langsung di mana kepentingan kanak-kanak tersebut dapat dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang perantara dan juga kanak-kanak yang dipanggil sebagai seorang saksi boleh ditemani oleh seorang dewasa. Saya rasa ini adalah peruntukan yang sekali lagi memberi keselesaan, kepercayaan dan keyakinan kepada kanak-kanak untuk memberi keterangan sama ada di dalam ataupun di luar mahkamah kerana biasanya kanak-kanak adalah lebih selesa dengan seorang perantara ataupun seorang dewasa yang biasa menemaninya untuk memberi keterangan.

■1220

Saya juga ingin menyentuh tentang seksyen 6, subseksyen 8 iaitu apabila kanak-kanak memberi keterangan dalam bentuk rakaman video, maka mahkamah haruslah mengingatkan diri mereka melalui keterangan rakaman video tersebut, mahkamah hendaklah menilai dan membuat satu pendapat sama ada saksi kanak-kanak itu memiliki akal yang cukup dan faham tentang kewajipan bercakap benar kerana kanak-kanak tersebut memberi keterangan dalam bentuk tidak mengangkat sumpah. Pada kebiasaannya kalau di dalam mahkamah kanak-kanak yang di bawah umur 16 tahun diberi peluang untuk memberi keterangan dengan memilih sama ada mengangkat sumpah ataupun tidak mengangkat sumpah. Pada masa-masa lepas adalah menjadi amalan utama hakim yang mengadili kes-kes perbicaraan mengingatkan diri mereka bahawa hendaklah sentiasa memikir dan menilai sesuatu keterangan yang diberikan oleh kanak-kanak yang tidak mengangkat

sumpah sama ada mereka memiliki akal yang cukup sempurna dan faham tentang kewajipan bercakap benar.

Syabas, kerana dalam konteks ini kementerian ataupun kerajaan mewajibkan dalam bentuk suratan ataupun dalam akta memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah pada masa sekarang mengikut akta menilai dan membuat suatu pendapat tentang kanak-kanak tersebut sebagai seorang saksi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, dalam rang undang-undang ini isu yang berbangkit ialah soal kanak-kanak yang mungkin trauma apabila mereka menjadi saksi, maka dari segi emosi dan tekanan ini boleh membawa kesan kepada mereka. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang penggunaan sistem rangkaian secara langsung untuk mendengar keterangan daripada kanak-kanak ini sebagai saksi untuk mengelakkan masalah trauma yang kanak-kanak tersebut hadapi.

Bersetuju kah Yang Berhormat iaitu bahawa kalau boleh bilik yang disediakan untuk rangkaian secara langsung ini ialah jauh dari bilik perbicaraan sekurang-kurangnya di tingkat tiga atau pun di bangunan lain untuk mengelakkan kanak-kanak ini bertemu dengan penjenayah ataupun saudara mara penjenayah, dan yang lebih penting ialah untuk mengelakkan mereka ini bertembung dengan media yang mengambil gambarnya dan sebagainya. Walaupun dia memberi keterangan dalam bilik menggunakan rangkaian secara langsung, mungkin kalau dia berdekatan akan menyebabkan dia bertembung juga dengan si penjenayah dan sebagainya. Ini akan memberi kesan kepada kanak-kanak yang menjadi saksi ataupun dengan kata lain ialah; bersetuju kah Yang Berhormat bahawa mesti ada laluan khas, laluan yang tidak diketahui oleh sesiapa untuk kanak-kanak ini datang ke bilik yang akan digunakan sebagai rangkaian secara langsung supaya kanak-kanak yang kita tahu trauma ini tidak tertekan walaupun dalam bilik yang lain. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat kerana itulah tujuan sebenar kerajaan adakan peruntukan akta ini iaitu membolehkan sesuatu keterangan tersebut diberikan secara rangkaian secara langsung. Saya rasa rangkaian secara langsung ini tidak semestinya dilakukan dalam satu bangunan yang sama. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya rasa ia boleh juga dilakukan di tempat yang jauh, malah di luar negara menggunakan teknologi terkini sekarang yang boleh dilakukan di mana-mana sahaja. Saya rasa kekhuatiran Yang Berhormat itu tidak akan wujud kerana pihak pendakwa akan mengadakan satu cara yang selamat, yang tidak mengakibatkan satu trauma yang akan bakal terjadi kepada kanak-kanak apabila dipanggil sebagai seorang saksi kelak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang seksyen 12 yang juga memperuntukkan bagi kanak-kanak kurang upaya boleh memberi keterangan di luar daripada tiga

kaedah yang telah disebutkan di dalam seksyen 3 tadi iaitu tidak secara menggunakan pengadang, rakaman video ataupun rangkaian secara langsung. Saya rasa ini adalah satu peruntukan yang sekali lagi dapat melindungi ataupun memberi kemudahan kepada kanak-kanak yang kurang upaya untuk memberi keterangan mereka dalam keadaan yang mereka rasa selesa dan sesuai.

Seterusnya, yang akhir sekali ialah mengenai perlindungan kanak-kanak yang dipanggil sebagai seorang saksi untuk dilaporkan identitinya di dalam media. Saya rasa ini adalah satu perkembangan yang positif di mana pada masa sekarang cuma mangsa-mangsa rogol sahaja ditekah dilaporkan identitinya di akhbar ataupun media.

Sekarang ini dengan adanya ataupun dengan lulusnya rang undang-undang ini, maka identiti kanak-kanak ini dapat dilindungi ataupun tidak disiarkan ataupun disebarakan melalui akhbar ataupun media massa.

Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan, Dato' Rina Bhar.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang membahaskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007. Dengan rang undang-undang ini, seseorang saksi kanak-kanak tidak mengalami trauma atau takut apabila memberi keterangan di mahkamah kerana boleh memberi keterangan dalam mana-mana cara yang tersebut di dalam seksyen 3, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hairan sebab apa rang undang-undang ini tidak menjadi sebagai sebahagian Akta Keterangan 1950 dan Kanun Tatacara Jenayah. Dengan ini saya mohon jawapan untuk soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 4(2)(a) pada pandangan saya, maksud mahkamah ialah majistret atau hakim. Adakah orang awam di dalam mahkamah berhak untuk melihat dan mendengar seseorang saksi kanak-kanak memberi keterangan. Di bawah seksyen 5(1):

“Jika saksi kanak-kanak memberi keterangan dengan cara rangkaian secara langsung dari suatu lokasi selain bilik perbincangan, lokasi itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada bilik perbincangan yang di dalamnya prosiding itu dijalankan, bagi maksud seksyen ini.”

Bolehkah lokasi itu berada di mana-mana selain daripada bangunan mahkamah atau mesti ada di dalam bangunan mahkamah?

Di bawah seksyen 6(5),

“...jika saksi kanak-kanak yang telah memberi keterangan di bawah diperiksa utama dengan suatu rakaman video dan dipanggil untuk diperiksa utama selanjutnya di bawah subseksyen (4), dia boleh memberi keterangan dengan cara mengadakan sesuatu pengadang di antara kanak-kanak itu dengan tertuduh atau kanak-kanak

yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan atau dengan cara rangkaian secara langsung.”

Pilihan cara yang disebut di dalam rang undang-undang ini ada hak saksi kanak-kanak atau hak majistret dan hakim? Soal balas adalah penting dalam perbicaraan. Jikalau saksi kanak-kanak telah memberi keterangan dengan sesuatu rakaman video, adakah peguam tertuduh atau kanak-kanak yang dituduh atas mana-mana kesalahan berhak untuk mengekshaskan soal balas dibuat dengan mengadakan sesuatu pengadangan di antara kanak-kanak itu dengan tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan ataupun dengan rangkaian secara langsung atau pilihan cara di bawah rang undang-undang ini adalah hak majistret dan hakim sahaja.

■1230

Di bawah seksyen 6(8), adakah majistret atau hakim mesti memaklumkan kepada saksi kanak-kanak yang masih mentah sebelum ia memberi keterangan ia faham tentang kewajipan bercakap benar.

Di bawah seksyen 8, apa-apa pemeriksaan saksi kanak-kanak boleh dijalankan melalui mahkamah. Sebab pandangan saya maksud mahkamah ialah majistret ataupun hakim bolehkah seksyen ini melucutkan hak peguam tertuduh atau kanak-kanak yang dituduh atas mana-mana kesalahan di atas soal balasnya.

Di bawah seksyen 11, jikalau sijil beranak dikemukakan dalam mahkamah, bolehkah majistret atau hakim meragui umur tetap seseorang saksi kanak-kanak. Bukankah lebih baik jikalau isi di dalam seksyen ini untuk mengemukakan sijil beranak.

Di bawah seksyen 12, saksi kanak-kanak yang mengalami apa-apa ketidakupayaan boleh memberi keterangan mengikut apa-apa cara lain yang boleh difahami. Dalam seksyen ini, ketidakupayaan termasuk lain-lain penyakit mental. Sebelum saksi kanak-kanak boleh memberi keterangan yang sakit jiwa, mesti diperiksa oleh doktor jiwa dan satu sijil mesti dikeluarkan untuk memberi keputusan bahawa dia boleh memberi keterangan.

Saya tahu di dalam rang undang-undang ini ada disebutkan mengikut akta keterangan atau *Criminal Procedure Code*, tetapi saya tengok rang undang-undang ini bukan jelas dan mesti bila peguam hendak buat kes ini hendak buat hukum lain. Kalau rang undang-undang ini adalah sebagai sebahagian akta keterangan dan *Criminal Procedure Code* lagi senang, dan dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Majjol Mahap.

12.33 tgh.

Tuan Majjol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakam setinggi tahniah. Terima kasih kepada pihak kerajaan kerana rang undang-undang yang digubal ini adalah baik dalam usaha mempertahankan hak saksi kanak-kanak.

Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 dibentangkan hari ini adalah suatu rang undang-undang yang penting, kerana ia bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara yang berhubung dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak dan perkara lain yang berkaitan dengannya. Malahan rang undang-undang ini akan membolehkan kewujudan bantuan khas kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa dan juga saksi-saksi dan juga membolehkan penambahbaikan dibuat terhadap usaha menangani kanak-kanak yang menghadapi trauma.

Peruntukan seperti ini memang sudah lama digunakan di negara-negara lain seperti di Scotland dan juga di England. Saksi kanak-kanak mengikut takrifan rang undang-undang ini ialah seorang di bawah umur 16 tahun dipanggil atau dicadangkan dipanggil untuk memberi keterangan dalam mana-mana prosiding, tetapi tidak termasuk seorang tertuduh atau seorang kanak-kanak yang dituduh atas mana kesalahan.

Manakala Fasal 3(1)akta ini menyatakan seorang saksi kanak-kanak boleh bila-bila masa di peringkat perbicaraan memberi keterangan dalam mana-mana satu atau gabungan bicara yang berikut:

- (i) dengan mengadakan suatu pengadang di antara kanak-kanak itu dengan tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan;
- (ii) dengan rangkaian secara langsung; atau
- (iii) dengan rakaman video.

Saya amat bersetuju dengan fasal ini kerana tatacara mahkamah dan protokol haruslah diubahsuai, di mana saksi kanak-kanak terlibat. Malahan saya ingin menyeru kepada hakim dan juga majistret untuk lebih prihatin dengan kehendak ataupun keterangan saksi kanak-kanak supaya dalam usaha kita cuba menegakkan proses keadilan kita harus memastikan keadaan psikologi dan masa depan saksi kanak-kanak tersebut adalah terpelihara dengan baik.

Untuk ini, mungkin adalah perlu bagi pegawai-pegawai mahkamah diberi latihan dalam psikologi kanak-kanak supaya saksi-saksi tidak harus menjadi mangsa keadilan. Saya juga mengalu-alukan peruntukan dalam Fasal 9, di mana orang dewasa boleh menemani saksi kanak-kanak itu tanpa mempengaruhi testimoni saksi kanak-kanak itu. Ini akan memberi keyakinan dan juga keselesaan kepada saksi kanak-kanak itu.

Selanjutnya saya ingin menegaskan perlunya *a speedy trial* dengan izin, dalam kes-kes yang melibatkan saksi kanak-kanak. Ini kerana memendakkan masa perbicaraan akan mengurangkan tekanan atau stres terhadap saksi kanak-kanak itu. Malahan dalam menanggukkan mana-mana kes yang melibatkan kanak-kanak, mahkamah haruslah mengambil kira kesan negatif terhadap saksi kanak-kanak tersebut. Sejauh mana yang boleh, penanggukan perbicaraan mestilah dielakkan.

Selain itu Fasal 14 rang undang-undang itu mengemukakan satu sekatan atas media. Di mana media masa tidak dibenarkan mendedahkan atau menyiarkan apa-apa butiran atau gambar

mengenai saksi yang boleh membawa kepada pengenalpastian saksi berkenaan. Saya berpendapat bahawa fasal ini adalah sangat penting dan menjamin masa depan saksi kanak-kanak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah untuk saksi kanak-kanak yang di bawah umur 16 tahun. Saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini akan menyokong dan memperjelaskan lagi seksyen 118 dan juga 133A, Akta Keterangan 1950. Seksyen 118 memperuntukkan bahawa:

“All persons shall be competent to testify unless court considers that they are prevented from understanding the questions put to them or from giving rational answers to those questions by tender years, extreme old age, disease, whether of body or mind, or any other cause of the same kind”, dengan izin.

Seksyen 113A...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan.

Tuan Maijol bin Mahap: Silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan takrifan tadi iaitu kanak-kanak yang disebut oleh Yang Berhormat, 16 tahun ke bawah ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa takrifan kanak-kanak ini 16 tahun ke bawah ataupun ada peringkat umur yang lebih sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi tengok wayang, kadang-kadang 12 tahun ke bawah itu takrifan kanak-kanak dia. Bukan 16 tahun ke bawah dia tidak bagi pun kalau tengok wayang ataupun pergi Genting Highlands, tempat *entertainment* di situ.

Takrifan itu saya rasa mungkin berbeza-beza maka barangkali perlu ada satu takrifan yang lebih standard sebenarnya. Saya tidak tahu kalau sekiranya di tempat lain takrifnya 16 tahun bukan kanak-kanak, apakah dia boleh dicabar ataupun tidak. Itu saya perlukan penjelasan Yang Berhormat.

■1240

Tuan Maijol bin Mahap: Di Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, *majority age* ialah 18 tahun. Ertinya kalau seseorang itu membuat kontrak dengan sesiapa, dia harus mempunyai umur tidak kurang daripada 18 tahun dari segi sivilnya. Dalam jenayah seperti ini yang melibatkan unsur jenayah, saya kurang pasti tapi kerajaan telah memilih 16 tahun. Ada rasionalnya, kalau terlalu muda pun mendatangkan masalah juga. Saya berpendapat bahawa 16 tahun itu adalah umur yang sesuai bagi kes ini dan bukan 18 tahun. Itu pendapat sayalah. Kalau saya boleh teruskan.

Seksyen 133(a) dalam *Evidence Act* (Akta Keterangan) mengatakan bahawa dengan izin,

“Where, in any proceedings against any person for any offence, any child of tender years called as a witness does not in the opinion of the court understand the nature of an oath, his evidence may be received, though not given upon oath, if, in

the opinion of the court, he is possessed of sufficient intelligence to justify the reception of the evidence and understands the duty of speaking the truth."

Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen ini semua orang termasuk kanak-kanak boleh memberi keterangan sebagai saksi. Jadi apa yang rang undang-undang ini buat ialah untuk memperuntukkan dan memperjelaskan lagi bagaimana saksi kanak-kanak itu memberi keterangan dalam mahkamah iaitu dengan menggunakan satu pengadang atau melalui rangkaian secara langsung dan rakaman video. Ini adalah satu inovasi yang baik bagi saya. Saya juga berpendapat bahawa rang undang-undang ini tidak akan memberi lesen kepada semua saksi kanak-kanak untuk memberi keterangan di mahkamah kerana pihak yang menentukan dan memutuskan sama ada saksi kanak-kanak itu layak atau boleh memberi keterangan adalah mahkamah.

Jadi bukan semua kanak-kanak boleh menjadi saksi. Jadi wajarlah dan saya juga menyokong seksyen 16 rang undang-undang ini yang memperuntukkan *saving clause* di situ dengan izin, di mana peruntukan Akta Keterangan 1950 dan juga Kanun Tatacara Jenayah dan *Criminal Procedure Code [Akta 593]* akan terus diguna pakai berhubung dengan keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak di mahkamah. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Loga Chitra.

12.43 tgh.

Puan G. K. Loga Chitra: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan tentang Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan rang undang-undang ini yang mengambil kira tentang keperluan mengenai keterangan saksi kanak-kanak. Dengan ini, saya ingin mengajukan beberapa soalan dan pandangan mengenai rang undang-undang ini kepada Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini, pegawai perubatan ditafsirkan sebagai seorang yang berdaftar dan berkhidmat dengan hospital kerajaan ataupun seorang pelatih perubatan yang berdaftar dan beramal dengan hospital pelatih perubatan sesuatu universiti. Adakah doktor-doktor yang berdaftar dengan *Malaysian Medical Council* dengan izin, diberi kebenaran untuk memeriksa saksi kanak-kanak di bawah Fasal 11 kerana mereka juga telah berdaftar sebagai pengamal perubatan profesional. Memandangkan objektif rang undang-undang ini adalah untuk mendapatkan keterangan yang terbaik daripada saksi kanak-kanak-kanak, dengan ini kepakaran dalam memperoleh keterangan semestinya perlu diberi keutamaan.

Yang kedua, mengikut Fasal 9, orang dewasa yang menemani saksi kanak-kanak hendaklah mempunyai pertalian keluarga dan tidak mempunyai kaitan dengan orang kena tuduh atau OKT, kerana ada kemungkinan bahawa mangsa kanak-kanak itu mengenali OKT atau ahli keluarganya serta kemungkinan beliau memilih ahli keluarga OKT sebagai orang dewasa untuk mengiringinya. Ini akan mempengaruhi keterangan saksi kanak-kanak.

Yang ketiga, saya difahamkan kerja khidmat saksi telah diberi latihan dan persoalannya adalah apakah kriteria pemilihan mereka.

Yang keempat, saya difahamkan kakitangan JKM diberi Kursus Khidmat Sokongan Saksi. Pandangan saya adalah mengenai kelayakan minimum mereka kerana jika yang terpilih dari Jawatankuasa Pelindung Kanak-kanak dan Jawatankuasa Juvana Daerah, saya percaya pelantikan mereka ke jawatan tersebut semata-mata berdasarkan kedudukan dan khidmat sosial mereka dalam masyarakat dan bukan kelayakan asas dan latihan dalam bidang undang-undang atau psikologi kanak-kanak.

Yang kelima, lebih 61% kes yang melibatkan kanak-kanak ditangguhkan. Kita sedia maklum bahawa ada kemungkinan peguam-peguam bela atau pihak pendakwa memohon agar kes mereka ditangguhkan atas sebab-sebab yang tertentu tetapi pada pandangan saya, saya berpendapat bahawa pihak mahkamah mesti memberi keutamaan kepada kes kanak-kanak supaya tidak membebankan saksi kanak-kanak tersebut.

Yang keenam, saya ingin menyentuh tentang kewujudan bengkel interaktif. Saya difahamkan bengkel interaktif ini adalah satu bentuk *supplementary system* dengan izin, bagi membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah dan juga kepada ibu bapa mereka. Saya mohon dari Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan apakah isi kandungan atau *content*, bengkel ini serta berapakah kekerapan bengkel ini diadakan pada setiap tahun.

Yang ketujuh, keterangan saksi kanak-kanak yang kurang upaya boleh diterima di mahkamah. Soalan saya adalah, sejauh manakah individu yang menterjemahkan mesej ini bertauliah dalam bahasa isyarat ataupun *sign language* dengan izin, yang boleh disalahtafsirkan untuk mensabitkan orang kena tuduh.

Rangkaian secara langsung atau dengan izin, *live link* diselenggarakan oleh kakitangan mahkamah iaitu pegawai sistem maklumat. Soalan saya adalah sejauh manakah persediaan diambil semasa *live link* jika berlaku gangguan bekalan elektrik ataupun kerosakan peralatan kerana saya percaya ini akan menjejaskan prosiding mahkamah dan ini yang melibatkan saksi kanak-kanak. Pegawai polis erti kata dalam rang undang-undang ini terkandung di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini, apakah peranan mereka dalam akta ini? Ini adalah kerana penggunaan perkataan "Pegawai Polis" hanya dinyatakan sekali sahaja dalam rang undang-undang ini. Jika seorang Pegawai Polis mengambil pengaduan asal dengan izin, *initial complaint*, adakah mereka diberi latihan cara menerima *statement* saksi kanak-kanak.

Kesimpulannya, memberi keterangan di mahkamah adalah rumit buat diri seorang kanak-kanak apalagi untuk orang dewasa. Mereka masih mentah dan perlu berdepan dengan soalan-soalan yang berat di mahkamah. Di samping itu, tidak boleh dinafikan bahawa suasana mahkamah berhadapan dengan hakim, peguam, pihak pendakwa dan Pegawai Polis akan membuatkan mereka

merasa tidak selesa dan fobia. Tambahan pula, kejadian jenayah yang sebelum ini berlaku dan rasa takut pada tertuduh masih berada dalam ingatan.

Akhir kata saya menyokong rang undang-undang ini demi menjaga kesejahteraan saksi kanak-kanak itu sendiri dan mengharapkan pengalaman mereka dalam proses perundangan menjadi lebih mesra. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

12.49 tgh.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007. Saya juga mengalu-alukan rang undang-undang ini yang memberi perlindungan kepada saksi kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, kajian di negara-negara yang memperuntukkan keterangan saksi kanak-kanak seperti di Amerika Syarikat mendapati bahawa terdapatnya percanggahan pendapat mengenai kebenaran keterangan yang diberikan oleh kanak-kanak terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan penderaan seksual. Sesetengah pihak seperti pendakwa raya dan pakar kanak-kanak berpendapat bahawa di dalam kes-kes yang sedemikian, kanak-kanak secara amnya tidak akan menipu.

■ 1250

Sesetengah pihak yang lain seperti peguam bela dan ahli-ahli psikologi pula berpendapat, kadang-kadang teknik temu duga yang prejudis dan tidak sesuai akan menyebabkan kanak-kanak untuk cenderung mereka cerita terutamanya apabila mereka di bawah tekanan untuk membuat sesuatu kenyataan yang dimahukan oleh penemu duga tersebut. Perdebatan mengenai isu ini telah mengakibatkan agensi-agensi pelaksana undang-undang di negara tersebut untuk mewujudkan *standard investigatory protocol* dengan izin, untuk memastikan bahawa keterangan yang diberi oleh kanak-kanak tersebut dijalankan dalam suasana yang bersesuaian untuk memastikan kebenaran keterangan kanak-kanak yang terlibat.

Satu soalan berkenaan dengan perkara ini, adakah dengan lulusnya rang undang-undang ini, kita juga akan mewujudkan piawaian protokol penyiasat ini apabila kanak-kanak diminta untuk memberi keterangan. Adakah kita sudah mempunyai kepakaran-kepakaran yang diperlukan untuk menangani segala isu yang mungkin timbul akibat dari peruntukan undang-undang yang sedemikian? Kita tidak mahu kanak-kanak ini mengalami trauma yang lebih teruk dalam percabaran di mahkamah pula. Saya minta penjelasan berkenaan dengan perkara ini. Beberapa perkara yang lain yang saya telah catatkan, telah pun dibangkitkan oleh rakan-rakan saya. Oleh itu, saya tak payahlah bangkitkan perkara-perkara itu, dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Hajah Dayang Mahani.

12.51 tgh.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan juga saya kesempatan dan ruang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007. Terlebih dahulu izinkanlah saya merakamkan tahniah juga kepada kementerian kerana berjaya membentangkan satu rang undang-undang yang saya rasa begitu sensitif kepada keperluan perlindungan tekanan psikologi terhadap kanak-kanak yang akan dijemput untuk menjadi saksi.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kanak-kanak merupakan aset dalam menerajui era pembangunan negara. Kanak-kanak merupakan tunggak kepada peneraju masa hadapan negara kita. Mereka umpama lembaran kain putih yang perlu dicorakkan oleh golongan dewasa dan kehadiran kanak-kanak dalam kehidupan merupakan rahmat dan kebahagiaan dalam kehidupan manusia yang perlu disyukuri terutamanya kepada mereka yang bergelar ibu dan bapa. Keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan golongan ini seharusnya diberi perhatian dan diberi perlindungan yang sewajarnya. Ini adalah kerana dunia yang semakin moden ini, tidak bermakna tidak mempunyai cabaran dan rintangan.

Semakin canggih sesebuah negara itu, maka semakin hebatlah cabaran dan masa hadapan yang dihadapi. Golongan kanak-kanak bagi saya, bersifat *fragile* yang mudah dieksploitasi dan mudah disakiti oleh golongan dewasa. Oleh itu, penjagaan dan perlindungan yang sewajarnya hendaklah dipertingkatkan terutamanya dari segi perundangan. Undang-undang merupakan alternatif yang mampu meringankan beban dan memberi keadilan kepada masa hadapan golongan kanak-kanak, di negara kita khasnya dan di dunia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan usul ini ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini, tidak lain dan tidak bukan, ialah semata-mata untuk membincangkan peruntukan rang undang-undang yang berkaitan dengan keterangan golongan kanak-kanak yang dijadikan saksi dalam satu-satu prosiding dan golongan kanak-kanak yang dimaksudkan dalam rang undang-undang ini adalah merujuk kepada mereka yang berumur di bawah 16 tahun yang akan dipanggil atau dicadangkan untuk dipanggil memberi keterangan dalam mana-mana kes prosiding tidak termasuk seorang tertuduh atau seorang kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan.

Dengan adanya peruntukan ini, seseorang saksi kanak-kanak boleh memberikan keterangan dalam salah satu atau gabungan cara, antaranya dengan mengadakan satu pengadang di antara kanak-kanak itu dengan tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh. Walau bagaimanapun, pengadang atau perkiraan lain itu tidak boleh menghalang saksi kanak-kanak daripada boleh dilihat dan dilihat oleh mahkamah pendakwa, peguam bela dan juru bahasa sesuai dengan memberikan keselesaan kepada kanak-kanak yang dijemput untuk memberi saksi.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saksi kanak-kanak yang kurang berupaya juga boleh memberi keterangan dengan rangkaian secara langsung atau rangkaian video yang mana

keterangan saksi disifatkan seolah-olah diberi oleh saksi tersebut dalam keterangan secara lisan terus di hadapan mahkamah. Seorang saksi kanak-kanak juga boleh ditemani oleh seorang dewasa semasa memberi keterangan dalam mana-mana prosiding. Walau bagaimanapun, orang dewasa yang menemani tidak boleh memberi galakan kepada saksi itu untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan kepada saksi kanak-kanak tersebut yang mungkin boleh mempengaruhi jawapan saksi atau mengganggu saksi ketika disoal, juga adalah tidak dibenarkan.

Sekali lagi, peruntukan ini memperlihatkan dan menunjukkan bahawasanya kerajaan begitu prihatin untuk memberi keselesaan kepada kanak-kanak tersebut untuk berasa lebih yakin untuk memberi keterangan khasnya kepada kanak-kanak yang seperti mana yang telah disebut oleh rakan-rakan yang bercakap sebelum saya atau yang membahaskan rang undang-undang sebelum saya, kepada kanak-kanak yang melalui tekanan trauma. Saya amat bersetuju dengan pandangan doktor yang mana memang sesuai satu lorong yang tidak diketahui ataupun satu laluan khas diberi kepada kanak-kanak ataupun lebih baik lagi kalau ianya dapat dilakukan di bangunan yang berasingan supaya tidak bertembung dengan ahli keluarga yang tertuduh.

Rang undang-undang ini juga menyatakan dalam fasal 14, bahawa satu sekatan ke atas media di mana media massa tidak dibenarkan mendedahkan atau menyiarkan apa-apa butiran atau gambar mengenai saksi yang boleh membawa kepada pengenalan saksi berkenaan. Barang siapa yang didapati berbuat sedemikian, dan didapati bersalah akan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya sekali. Ini adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan saksi kanak-kanak daripada dipengaruhi oleh hasutan luar dan untuk melindungi mereka daripada sebarang ancaman dan ugutan yang mana akan mengganggu mana-mana prosiding yang masih belum selesai.

Saya juga berpendapat, ini adalah satu perkembangan yang begitu positif yang memberikan perlindungan yang amat diperlukan oleh kanak-kanak. Seperti mana kita semua sedia maklum, apabila sesuatu itu berlaku dan yang melibatkan anak-anak sebagai saksi, memang mereka akan merasa takut dan apatah lagi hendak memberi penerangan di mahkamah, sedangkan hendak memberi keterangan kepada ibu bapa sekalipun menjadi satu tekanan yang luar biasa kepada kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, keganasan yang berlaku dewasa ini kebanyakannya adalah daripada perlakuan orang dewasa dan mangsanya terdiri dari kanak-kanak dan hanya segelintir sahaja daripada golongan kanak-kanak ini yang melakukan kegiatan jenayah. Mereka cenderung diperlakukan daripada melakukan sesuatu perbuatan yang tidak diingini. Itu pun disebabkan paksaan dan hasutan daripada golongan dewasa. Keadaan ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Profesor Puerto Sergio Behentio, iaitu seorang yang memperjuangkan hak kanak-kanak yang terkenal di seluruh dunia. Menurutnya bilangan kanak-kanak yang menjadi mangsa adalah lebih tinggi berbanding bilangan kanak-kanak yang melakukan kesalahan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2004 sahaja, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia telah melaporkan sebanyak 1,656 kes penderaan kanak-kanak dengan bilangan kes yang tertinggi melibatkan pengabaian dan penderaan kes kanak-kanak. Ini merupakan jumlah kes yang telah dilaporkan, tetapi bayangkan bagaimana pula dengan kes-kes yang tidak dilaporkan ataupun belum sempat dilaporkan, adakah ini diambil peduli? Atau adakah ia mempunyai bukti yang jelas dan nyata untuk menyabitkan seseorang dewasa terlibat dalam kes tersebut. Inilah masalahnya yang perlu juga kita fikirkan. Tidak semua yang bersalah itu disabitkan hukuman walaupun mereka sebenar-benarnya bersalah. Salah satu faktor adalah kekurangan bukti yang jelas dan samar-samar serta ketiadaan keterangan daripada saksi khasnya seorang kanak-kanak ataupun sekumpulan kanak-kanak yang terlibat dalam sesuatu kejadian...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi apa..?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tidak, dalam masa 5 minit. Boleh dipertimbangkan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada petang ini. Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Hajah Dayang Mahani sudah selesai? Sila sambung ucapan.
2.33 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya laluan untuk menyambung perbahasan yang dibentangkan. Sebentar tadi saya baru sahaja mengatakan bahawa pada tahun 2004, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia telah pun melaporkan sebanyak 1,656 kes penderaan kanak-kanak dengan bilangan kes yang tertinggi melibatkan pengabaian dan penderaan seks kanak-kanak dan ini merupakan jumlah yang besar dan seperti mana yang telah saya katakan tadi, ini adalah hanya menyentuh kepada perkara-perkara yang telah dilaporkan dan apa pula akibatnya ataupun adakah kita mengambil satu penekanan kepada mereka-mereka yang tidak melaporkan diri kerana dalam kes-kes seperti ini biasanya kanak-kanak enggan untuk membuat laporan kerana biasanya si mangsa seolah-olah menjadi orang yang tertuduh.

Masalahnya juga ialah tidak semua kesalahan itu dapat disabitkan kepada pesalah kerana faktor kekurangan bukti yang jelas dan samar-samar dan salah satu faktor adalah kekurangan bukti yang mungkin hanya dapat diberikan seorang kanak-kanak ataupun sekiranya kanak-kanak itu enggan dalam keadaan yang takut jadi perkara ini tidak dapat disempurnakan. Sekiranya perkara ini terbiar dan berleluasa maka eksploitasi terhadap kanak-kanak akan terus berleluasa. Dengan adanya

peruntukan seperti ini diharapkan kerajaan dapat membanteras kes-kes jenayah dan keganasan di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak seharusnya diberi kesempatan dan peluang menerusi peruntukan ini untuk memberi keterangan sebagai saksi kerana mereka merupakan golongan yang terlibat secara langsung dalam satu-satu kejadian yang berlaku. Penglibatan mereka ini adalah sangat diperlukan dalam satu-satu prosiding yang menemui jalan buntu dan tidak mempunyai seorang saksi pun melainkan seorang kanak-kanak.

Kes keganasan rumah tangga dan penderaan contohnya adalah melibatkan kanak-kanak secara terus sama ada dia sebagai mangsa yang didera atau sebagai saksi kepada penderaan ibunya ataupun saudara-saudaranya yang lain. Oleh itu sesungguhnya keperluan keterangan seorang saksi kanak-kanak adalah sangat-sangat diperlukan dalam pendebatan sesuatu kes pembicaraan.

Ini adalah kerana tidak semua kes yang dibicarakan adalah melibatkan golongan dewasa semata-mata. Apabila tiba masanya mahkamah turut berhadapan dengan kes yang melibatkan kanak-kanak, sama ada sebagai defendan dan plaintif pengusulan rang undang-undang ini umpama menyediakan payung sebelum hujan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang wajar diambil kira ialah cara pendekatan kita yang kita gunakan supaya kanak-kanak ini tidak takut untuk memberi keterangan. Saya semasa makan tengah hari tadi bercerita dengan Yang Berhormat Mumtaz dan sebagai seorang peguam, beliau juga memberi pengalamannya sendiri apatah lagi kepada seorang kanak-kanak.

Sebagai seorang peguam pun kalau sekiranya dia mungkin tidak cukup pengalaman untuk berhadapan dengan mahkamah diwakili oleh umpamanya penduduk yang mempunyai *lawyer* secara fizik yang besar ataupun *body language* sahaja boleh menggerunkan kanak-kanak, orang tua apa lagi kanak-kanak. Jadi kita tidak mahu kanak-kanak itu dalam keadaan yang trauma untuk memberikan penerangan ataupun sebagai saksi yang boleh dengan cara sukarela dengan cara mudah untuk membantu dalam kes-kes yang sekarang ini menjadi masalah ataupun tidak diselesaikan melainkan ada bukti-bukti dan bukti yang dapat dinyatakan oleh seorang kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sesi persidangan ini merupakan sesi yang terakhir untuk saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, izinkanlah juga saya merakamkan junjungan kasih dan ribuan terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah berkhidmat selama berapa tahun?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Dua penggal, Tuan Yang di-Pertua.

Izinkan saya untuk merakamkan junjung kasih dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang kini bersemayam di takhta Kerajaan Negeri Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Syed Putera

Jamalullail, kerana memberi saya ruang dan peluang untuk menyumbang kepada Dewan yang mulia ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga saya rakamkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan juga mantan Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berbahagian Tun Dr. Mahathir dan Ketua Wanita UMNO Malaysia, Dato' Seri Rafidah, Ketua Menteri Sabah yang telah mengangkat nama saya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terima kasih khususnya Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua atas tunjuk ajar, teguran, bimbingan yang berguna sepanjang sidang berjalan di mana saya rasa begitu bertuah menjadi sebahagian daripada Ahli Dewan yang mulia ini dan menyumbang setakat yang saya mampu tetapi yang lebih membanggakan saya ialah pengalaman yang dapat saya timba, yang telah mengayakan pengetahuan saya tentang pentadbiran dan perundangan negara. Yang Berbahagia selalu menegur tentang tanggungjawab kita bersama iaitu *collective responsibility* yang mana saya tidak mungkin akan dapat lupakan. Persahabatan antara Ahli-ahli Dewan amat saya sanjung, mudah-mudahan persahabatan di Dewan yang mulia ini akan berterusan dan bila datang ke Sabah, carilah Dayang, insya-Allah *I will make you feel very much at home* dan dengan kata yang sedemikian...

■1440

Tuan Yang di-Pertua: Apabila pergi ke Sabah, cari Dayang?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Carilah saya, Dayang. Saya *simple*, lain kali Dayang Mahani hendak gunakan perkataan "Dayang" itu sebagai slogan... [Ketawa] Okey, carilah saya, manalah tahu sesat ke Sabah dan saya boleh jadi *tour guide*. Dan dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong. Mudah-mudahan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 menepati kehendak ianya digubal, dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang terbabit dan memberi manfaat kepada kes-kes yang perlu diselesaikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz kemudian Dr. Haji Mohd. Puad.

2.40 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut sama mengizinkan saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007.

Pertama sekali saya hendak ucapkan syabas kepada Kerajaan Malaysia kerana telah memberi satu pengiktirafan kepada kanak-kanak seluruh negara sempena 50 tahun kemerdekaan, dengan membenarkan mereka turut sama memberikan keadilan kepada kes di mahkamah, di mana mereka dibenarkan menjadi saksi secara legal sekarang. Saya mempunyai beberapa soalan untuk

dikemukakan kepada kementerian khususnya berkenaan dengan pemakaian Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007.

Yang pertama berkenaan dengan had pemakaian akta ini, adakah ini hanya terhad kepada kes-kes jenayah dan tidak sama terpakai kepada kes-kes sivil, memandangkan di bawah seksyen 16, dengan jelas mengatakan bahawa akta ini, peruntukan Akta Keterangan 1990 dan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] terus terpakai. Jadi saya minta penjelasan, adakah perkara sama akan dipakai kepada kes-kes yang melibatkan kes sivil.

Yang kedua, oleh kerana keterangan saksi ini akan turut terpakai kepada kes-kes jenayah, bagaimanakah pula caranya untuk pihak peguam bela mengemukakan proses *impeachment of credibility* dengan izin, *of the infant witness*.

Sebab kalau dalam kes-kes biasa di mana saksi yang memberi keterangan kita meragui kredibilitinya, kita boleh membuat satu proses *impeachment proceedings*, jadi adakah kanak-kanak yang memberi keterangan juga akan terbabit dalam proses *impeachment proceedings* ini, sekiranya *demeanor of witness*, kita ragu.

Yang ketiga, adakah saksi kanak-kanak ini sedar dan benar-benar memahami akan hakikat kebenaran keterangan yang diberikan dan sekiranya keterangan yang diberikan palsu, adakah saksi kanak-kanak ini akan juga dituduh di bawah *perjury* dan akan dikenakan hukuman kerana kepalsuan keterangan yang diberikan oleh pihak mereka.

Yang keempat, adakah prosedur yang sama untuk mengambil keterangan kanak-kanak sekiranya ini juga terpakai dalam kes-kes sivil, adakah semua prosedur untuk mengambil keterangan kanak-kanak ini akan juga dipakai dalam kes-kes sivil dan sekiranya dipakai juga dalam kes-kes sivil, siapakah yang akan menanggung kos jurubahasa, pakar kanak-kanak dan semua peralatan yang digunakan bagi memastikan kes sivil itu boleh mengguna pakai saksi kanak-kanak.

Yang kelima juga dalam keadaan biasa, di mana keterangan kanak-kanak dalam kes sivil dibenarkan kanak-kanak menjadi saksi, sekiranya kes dibenarkan untuk kes jenayah, adakah keterangan kanak-kanak ini tidak memerlukan sebarang kolaborasi dengan dokumen atau saksi-saksi lain sebelum kes itu boleh diputuskan dan dihukumkan.

Seterusnya tentang apakah dan bagaimanakah *weight* ataupun beratnya keterangan kanak-kanak sekiranya hanya saksi kanak-kanak ini yang ada dan menjadi *sole eyewitness* dalam sesuatu kes. Adakah pihak hakim boleh memutuskan sebarang pertuduhan berdasarkan kepada *sole eyewitness* yang juga merupakan kanak-kanak ini.

Yang keenam soalan saya adalah, berapakah kes jenayah terbaru yang meliatkan kanak-kanak daripada 2006 dan 2007 dan berapakah jumlah mahkamah kanak-kanak di seluruh negara kerana kita lihat di bawah pentafsiran mahkamah, diletakkan bahawa terhad kepada Mahkamah Tinggi, seksyen, majistret, dan juga mahkamah bagi kanak-kanak.

Untuk menyenangkan bagi kita mendapatkan keterangan saksi dan kanak-kanak, saya mencadangkan dalam kes-kes yang melibatkan kes-kes sivil sekarang ini adalah menjadi satu perkara atau amalan biasa dan popular di kalangan hakim-hakim untuk mengarahkan peguam-peguam dan saksi-saksi menyediakan soalan dan jawapan bertulis untuk dikemukakan kepada mahkamah, yang kemudiannya akan disahkan oleh saksi-saksi bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan, kefahaman soalan-soalan yang dikemukakan kepada saksi terutama dalam kes ini melibatkan saksi kanak-kanak.

Yang ketujuh, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan latihan kursus kepada pegawai pendakwa raya, kerana bagi saya keterangan saksi kanak-kanak ini memerlukan kemahiran khas, sebagaimana kita lihat Kementerian Pelajaran menyediakan latihan yang berbeza kepada guru yang akan mengajar di sekolah rendah, sekolah menengah dan juga Kementerian Pengajian Tinggi untuk pensyarah-pensyarah.

Jadi adakah pihak kerajaan akan melaksanakan cadangan dan latihan yang terbaik dan khusus kepada pegawai pendakwa raya bagi memastikan kita boleh mengambil manfaat yang sebenar-benarnya kepada kesemua keterangan saksi yang dikemukakan oleh kanak-kanak.

Yang seterusnya lagi dari segi bila mana keterangan diberikan dalam bentuk video, adakah pihak peguam bela yang mengendalikan kes ini berhak untuk mengambil nota keterangan ini dalam bentuk salinan, setelah kes ini tamat untuk mereka membuat sebarang penghujahan berdasarkan kepada keterangan yang diberikan melalui video ataupun rakaman-rakaman tertentu tadi.

Saya juga turut bersetuju dengan apa yang telah dihujahkan dan dibahaskan Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar berkenaan dengan cara untuk menentu sahkan umur saksi kanak-kanak, kerana kita percaya kebanyakan dan majoriti daripada kanak-kanak yang akan menjadi saksi dalam kes keterangan saksi-saksi kanak-kanak ini adalah rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, sebagaimana dalam kes-kes yang lain, saya rasa kita tidak memerlukan anggapan umur ditentukan oleh mahkamah, tetapi tarikh lahir berdasarkan kepada surat beranak akan menjadi satu benda prima untuk menentu sahkan umur seorang kanak-kanak yang akan menjadi saksi.

Begitu juga saya ingin mengetahui, apakah yang dimaksudkan dengan kanak-kanak yang berumur masih mentah, saksi kanak-kanak yang masih mentah iaitu di bawah seksyen 6(8), adakah ini berbeza dengan kanak-kanak lain?

Saksi masih mentah ini berapakah umur mereka yang dihadkan dan yang terakhir, sejauh manakah keperluan dan kebolehan seorang peguam untuk meminta kepada mahkamah bagi mengemukakan keterangan saksi kanak-kanak khususnya sekiranya saksi ini diperlukan dalam kes-kes sivil. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad.

2.47 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada satu dua perkara sahaja secara ringkas untuk dibangkitkan.

Yang pertama ialah kalau tadi Yang Berhormat Puan Mumtaz membangkitkan apakah rang undang-undang ini juga akan diguna di Mahkamah Sivil, saya juga ingin menanyakan apakah ia juga boleh diguna pakai di Mahkamah Syariah? Mengenai dengan kanak-kanak ada dua isu. Satu seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu kanak-kanak yang masih mentah, tetapi ini mungkin sudah diperjelaskan dalam Fasal 6(8) iaitu mahkamah akan menentukan dan membuat penilaian pendapat tentang saksi kanak-kanak itu memiliki akal yang cukup ataupun tidak.

Cuma mengenai OKU ini, iaitu kalau dia bisu, pekak dan sebagainya mungkin mudah sebab kita boleh menggunakan bantuan orang-orang yang mahir dalam bahasa bisu dan pekak. Tetapi yang terencat akal ini bagaimana sebenarnya untuk kita mengendalikan kalau sekiranya Orang Kurang Upaya, kanak-kanak kurang upaya ini adalah dalam kategori yang terencat akal. Apakah dia akan diterima sebagai saksi. Seperkara lagi ialah tentang ditemani oleh orang dewasa ini, saya ingin penjelasan iaitu siapakah yang akan menentukan orang dewasa yang akan menemani kanak-kanak ini, sama ada keluarga kanak-kanak ini ataupun mahkamah mempunyai kuasa yang muktamad dalam menentukan orang dewasa yang menemani kanak-kanak ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah oleh kerana seperti mana yang saya sebutkan dalam pertanyaan awal di sesi pagi tadi tentang kanak-kanak ini, biasanya dia adalah orang yang trauma apabila akan dijadikan sebagai saksi. Sebab itulah dia memerlukan khidmat sokongan dan antaranya yang perlu diberi perhatian ialah kaunselor yang mempunyai kemahiran dalam bidang psikologi, yang tujuannya bukan untuk mempengaruhi jawapan kepada kanak-kanak ini, tetapi tujuannya adalah untuk memberikan semangat kepada kanak-kanak ini untuk menjadi saksi.

▪ 1450

Jadi apakah khidmat seperti ini akan diberikan kepada kanak-kanak ini supaya dia mendapat kaunseling ataupun khidmat nasihat psikologi untuk dia tidak tertekan untuk menjadi saksi. Dan oleh sebab perkara ini adalah perkara yang baru yang melibatkan penggunaan video dan apa yang disebut di sini sebagai rangkaian secara langsung, saya berharap bahawa rang undang-undang ini akan disertakan dengan penyediaan kakitangan yang mahir dalam penggunaan video dan sebagainya. Supaya ia tidak nanti menjejaskan

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, sila.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik di atas perbincangan semua Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan rakaman video. Tidakkah kita terfikir, apa pandangan Yang Berhormat sebab teknologi sekarang ini sudah canggih dan mungkin bukan saja video, dan ia telah pergi kepada VCD, CD,

digital dan sebagainya tapi dalam peruntukan ini hanya video. Apakah itu dapat merangkumi semua bentuk rakaman yang akan datang menerpa ke arah kita dari semasa ke semasa kerana apabila ia menjadi undang-undang, kalau dia guna dalam bentuk CD, adakah dia juga dianggap itu adalah rakaman? Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tan Sri, Yang Berhormat, Yang Berhormat Tan Sri. Itu saya kata tadi bahawa perkara ini harus kita hati-hati, jangan nanti maksudnya sebab itu saya kata soal kakitangan yang terlatih ini, kita bimbang nanti bahan ini boleh terlepas keluar juga akibat daripada kakitangan yang tidak jujur dan sebagainya. Ini boleh berlaku, kita boleh lihat dalam kes ketuk ketampi pun boleh dikeluarkan gambar itu walaupun benda itu berlaku dalam lokap. Itu saya kata perkara ini tidak boleh berlaku dalam kes ini, dalam keadaan ini kita hendak menjadikan kanak-kanak ini saksi yang tidak tertekan, trauma, tiba-tiba benda ini keluar.

Jadi sebab itulah saya menyebut tentang laluan khas untuk kanak-kanak ini nanti kalau sekiranya dia dibawa ke mahkamah walaupun di bilik lain tetapi ada laluan khas. Kalau sekarang pun kita tengok dalam kes yang sedang berlaku ini, saksi boleh tutup muka. Jadi dalam kes ini kenapa kita tidak menyediakan satu laluan khas untuk kanak-kanak ini supaya tidak berlaku tekanan ataupun nanti dia bertembung dengan keluarga penjenayah dan sebagainya.

Jadi itu antara perkara yang saya ingin bangkitkan. Dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat bersara kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani, maksud saya, bersara dari Dewan Negara, bukan bersara dari segi politik. Mudah-mudahan tahun hadapan masuk Dewan Rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk jawab dan menggulung.

2.53 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan juga yang telah pun mencelah dalam perbahasan sebentar tadi.

Pertamanya Yang Berhormat Senator Tay Puay Chuan, dia bertanya sama ada pihak pembelaan berpeluang menjalankan pemeriksaan balas bagi keterangan yang diterima di bawah Fasal 6(1). Pihak pembela mempunyai hak untuk memeriksa balas saksi kanak-kanak mengikut rang undang-undang ini.

Dalam Fasal 16 memperuntukkan Akta Keterangan 1950 dan Kanun Tatacara Jenayah hendaklah terus terpakai melainkan yang secara nyata diubahsuai oleh rang undang-undang ini. Oleh yang demikian, walaupun rakaman video telah diterima sebagai keterangan dalam pemeriksaan pertama, terdapat peruntukan di dalam seksyen 138, Akta Keterangan yang memperuntukkan tatacara susunan pemeriksaan saksi iaitu dimulai dengan pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula, sama ya.

Kemudian Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi bertanya bila saksi bagi kanak-kanak, bilik saksi bagi kanak-kanak haruslah jauh daripada Mahkamah Terbuka untuk mengelakkan pertembungan dengan OKT, OKT bukan OKU, orang kena tuduh ataupun keluarga OKT ini. Bilik-bilik saksi kanak-kanak adalah berjauhan dengan Mahkamah Terbuka malahan kanak-kanak tersebut diasingkan daripada saksi-saksi yang lain. Justeru isu pertembungan dengan OKT atau keluarga OKT tidak timbul.

Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar telah merujuk kepada Fasal 5 rang undang-undang, sama ada lokasi untuk rangkaian secara langsung boleh diadakan di mana-mana tempat. Jawapannya ialah lokasi di mana kanak-kanak itu memberikan keterangan secara langsung boleh dibuat di mana-mana tempat sama ada di luar atau dalam bangunan mahkamah mengikut kemudahan rangkaian secara langsung yang ditetapkan dan disediakan oleh mahkamah. Hendak buat RTM pun boleh juga ya, secara langsung.

Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar juga bangkit tentang Fasal 11 berkenaan anggapan umur kanak-kanak. Mengapa tidak guna Sijil Kelahiran kanak-kanak tersebut sebagai bukti umur?

Fasal 11 digubal bagi menangani masalah kanak-kanak yang diragui umurnya terutamanya kanak-kanak yang tidak mempunyai sijil kelahiran. Kalau ada, kita guna pakailah, tidak ada masalah. Ini dalam keadaan yang dia tidak ada kerana banyak juga kawasan-kawasan di negara kita masih merupakan kawasan yang jauh, *isolated* dengan izin. Jadi kadang kala ada di kalangan warga kita yang tidak mempunyai sijil beranak. Jadi dalam keadaan beginilah kita akan menggunakan Fasal 11 ini. Jika kanak-kanak telah mempunyai sijil kelahiran maka tiadalah keraguan mengenai umur kanak-kanak itu. Dengan demikian, Fasal 11 adalah tidak terpakai.

Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar juga bangkit seksyen 4(2A), sama ada orang awam boleh melihat saksi kanak-kanak. Fasal 4(2) bertujuan untuk menjamin hak orang yang boleh melihat saksi kanak-kanak. Dan yang boleh dilihat oleh saksi kanak-kanak tersebut semasa perbicaraan berjalan. Ini bagi memastikan tatacara asas semasa pemeriksaan saksi kanak-kanak dijalankan tidak dilanggar dengan adanya pengadangan. Ini adalah kerana pengadangan adalah bertujuan untuk menghalang saksi kanak-kanak daripada melihat tertuduh. Berkenaan dengan orang awam, mereka tiada hak yang dijamin di bawah rang undang-undang ini untuk melihat dan dilihat oleh saksi kanak-kanak ini. Kerana keperluan berbuat demikian berbanding dengan hak mahkamah, pihak pendakwa, peguam dan jurubahasa yang berurusan secara terus dengan kanak-kanak semasa perbicaraan.

Lagipun Yang Berhormat, kalau orang ramai, kalau dia boleh tengok kanak-kanak ini bahaya juga sebab OKT punya keluarga pun boleh duduk di situ, dia boleh pandang kat budak tu, dia pun boleh bagi pengaruh yang menakutkan kepada budak itu sebab dia kenal katalah di kalangan orang ramai itu, dia nampak itu keluarga si OKT, orang kena tuduh. Jadi itu juga boleh mempengaruhi budak itu, sebab itu orang ramai tidak ada hak dalam perkara ini.

Yang Berhormat juga bertanya berkenaan perlu kah saksi kanak-kanak yang kurang upaya diperiksa oleh pakar sakit jiwa sebelum memberikan keterangan. Keperluan pakar sakit jiwa untuk memeriksa saksi kanak-kanak yang kurang upaya adalah bergantung pada keadaan kanak-kanak tersebut. Dalam keadaan biasa, semua orang adalah berwibawa untuk memberi keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa mereka tidak boleh memahami soalan yang dikemukakan kepada mereka atau tidak dapat memberikan jawapan yang rasional kepada soalan itu. Oleh sebab umur terlalu muda, terlalu tua, penyakit sama ada penyakit tubuh atau penyakit otak atau ada sebab lain yang seumpamanya ini diperuntukkan di bawah seksyen 118, Akta Keterangan 1950.

Yang Berhormat, di sini kita hendak bagi ruang kepada kanak-kanak yang boleh memberi keterangan tetapi mereka memohon supaya diadakan pengadangan untuk menjaga saksi itu. Jadi kalau dia di bawah Akta Keterangan, memang tidak boleh bagi keterangan, dalam hal ini pun tidak bolehlah *because* Akta Keterangan dengan izin, 1950 itu dia diguna pakai melainkan kalau sekiranya ada dalam akta ini yang mengatakan seksyen-seksyen di bawah Akta Keterangan dan CPC itu tidak boleh diguna. Jadi soal sama ada budak itu sakit jiwa ke, apa ke, itu memang perlu ditentukan oleh Akta Keterangan 1950. Kalau itu tidak boleh, tidak bolehlah, ini cuma hendak membantu kanak-kanak itu kalau sekiranya dia memohon untuk menggunakan peruntukan di bawah akta rang undang-undang ini untuk membantu dia memberi keterangan ya.

■1500

Oleh demikian, mengikut peruntukan ini selagi saksi kanak-kanak yang kurang upaya itu boleh memahami soalan yang dikemukakan kepada mereka atau dapat memberikan jawapan yang rasional kepada soalan yang dikemukakan, saksi ini ialah layak untuk memberikan keterangan. Bagaimana saksi yang kurang upaya ini boleh memberikan keterangannya, diperuntukkan dalam Fasal 12 rang undang-undang ini iaitu mengikut apa-apa cara lain yang menjadikan keterangan saksi kanak-kanak kurang upaya ini boleh difahami sebagai contoh melalui tulisan, isyarat atau dengan bantuan pengantara iaitu kaum keluarga yang faham bahasa atau isyarat kanak-kanak yang kurang upaya tersebut. Jika terdapat keperluan untuk pihak pendakwaan atau mahkamah merujuk kanak-kanak yang kurang upaya ini kepada pakar sakit jiwa, maka perkara tersebut akan dibuatlah kalau ada permohonan.

Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar juga bertanya mengapa rang undang-undang ini tidak dimasukkan dalam Akta Keterangan 1950 dan Kanun Tatacara Jenayah. Rang undang-undang ini dibuat secara berasingan bagi memastikan suatu peruntukan khas bagi menangani keterangan saksi kanak-kanak dibuat. Dalam rang undang-undang ini terdapat ubahsuaian dibuat terhadap Akta Keterangan 1950 dan juga Kanun Tatacara Jenayah. Contohnya ubahsuaian terhadap seksyen 264, Kanun Tatacara Jenayah yang mengehendaki keterangan saksi diambil dengan kehadiran tertuduh dan seksyen 133A, Akta Keterangan 1950 berkenaan penerimaan keterangan saksi kanak-kanak yang masih mentah. Dengan memasukkan peruntukkan rang undang-undang ini dalam Kanun

Tatacara Jenayah dan Akta Keterangan 1950 akan menimbulkan kekeliruan mengenai pemakaian undang-undang tersebut. Oleh demikian, perlu dibuat satu undang-undang yang khusus berkenaan dengan pemberian keterangan saksi kanak-kanak ini.

Dalam keadaan ini, peruntukkan dalam Akta Keterangan 1950 dan Kanun Tatacara Jenayah akan terus terpakai jika tiada peruntukan secara khusus dalam rang undang-undang ini, tidak membatalkan mereka. Jadi, itu satulah. Yang keduanya kalau...., *it's neater*. Ia lebih kemas kalau kita adakan akta khusus daripada kita masuk dalam Akta Keterangan 1950 dan juga dalam *Criminal Procedure Code*. Kalau tidak, saya kena datang ke Dewan dua kali, betul tak? Kerana saya kena pinda kedua-dua akta ini. So, dengan izin *I have to come to Parliament twice because* kalau nak dimasukkan dalam akta berkenaan, kita ada dua akta so kita buat kerja dualah. Lebih baik kita khusus kepada satu sahaja dan diguna pakai untuk kedua-duanya, bagi Akta Keterangan 1950 dan juga bagi CPC, *is neater and more efficient* lah.

Kemudian, Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar ada bangkit berkenaan dengan seksyen 51, *live link*, Lokasi boleh menjadi bilik perbicaraan. Bolehkah lokasi boleh diadakan di mana-mana pun? Mengikut peruntukan seksyen 5, lokasi bilik perbicaraan boleh diadakan di mana-mana tempat yang mempunyai kemudahan rangkaian secara langsung dan lokasi itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada bilik perbicaraan. Di mana-mana pun boleh.

Kemudian Yang Berhormat Loga Chitra bertanya tentang pegawai perubatan. Sama ada termasuk pegawai perubatan swasta kerana mereka juga mempunyai kepakaran. Mengikut takrif seksyen 2, pegawai perubatan yang dimaksudkan ialah mereka yang berdaftar dalam Perkhidmatan Awam termasuk pengamal perubatan berdaftar dalam mana-mana hospital pelatih. Takrifan ini ialah bertujuan untuk menjelaskan pemakaian Fasal 11 iaitu untuk mendapatkan suatu perakuan pegawai perubatan sekiranya terdapat keraguan mengenai umur tepat saksi kanak-kanak tersebut. Dalam keadaan ini, perakuan pegawai perubatan yang dikeluarkan tersebut boleh terus diterima oleh mahkamah tanpa perlu pegawai perubatan itu datang dan memberikan keterangannya di mahkamah. Seksyen ini tidak menghalang bagi pegawai perubatan swasta untuk memberikan keterangan pakar mereka.

Walau bagaimanapun, jika pegawai perubatan yang ada ialah pegawai perubatan swasta, pegawai perubatan tersebut perlu datang dan memberikan keterangannya di mahkamah. Keterangan pegawai perubatan swasta ini boleh diterima di bawah seksyen 45 Akta Keterangan 1950 iaitu peruntukkan berkenaan dengan pendapat saksi pakar. Ini seperti mana yang saya sebut tadi, dia kena dibaca bersama dengan Akta Keterangan 1950. Yang Berhormat Senator Loga Chitra juga bertanya apakah kelayakan minimum pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat atau JKM, yang mengendalikan kanak-kanak dalam program khidmat saksi.

Untuk makluman Yang Berhormat, kelayakan minimum Pegawai Khidmat Saksi JKM ialah mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya Diploma, Gred kemasukan S27. Dari masa ke

semasa, pegawai JKM diberi latihan berkenaan perundangan dan tatacara pengendalian kes kanak-kanak. Selain itu, Pegawai Khidmat Saksi dipilih daripada kakitangan JKM yang biasa dan yang berpengalaman mengendalikan kes kanak-kanak.

Puan Loga juga bertanya berkenaan dengan apakah alternatif yang ada di dalam keadaan di mana berlakunya gangguan bekalan elektrik atau gangguan sistem. Jika berlakunya gangguan-gangguan bekalan elektrik atau sistem semasa prosiding sedang berjalan, alternatif yang ada adalah untuk menggunakan pengadang. Seterusnya melalui Fasal 15(2)(a) dan (b), Menteri boleh membuat apa-apa peraturan untuk menetapkan tatacara yang hendak digunakan bagi apa-apa maksud akta dan untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan dan pentadbiran, kemudahan kepada saksi kanak-kanak. Puan Loga juga bertanya berkenaan dengan apakah peranan pegawai polis di dalam akta ini, adakah mereka diberi latihan. Peranan pegawai polis di dalam akta ini ialah sebagai pegawai perakam teknikal semasa rakaman keterangan kanak-kanak dan juga saksi di dalam bentuk video dan CD yang dijalankan di Unit Perlindungan Kanak-kanak PDRM sesuai dengan Kanun Prosedur Jenayah, pegawai polis berpangkat sarjan dan ke atas telah dilatih untuk menjadi pegawai perakam teknikal.

Sehingga kini, PDRM mempunyai seramai 85 orang pegawai perakam teknikal di mana 72 orang pegawai berpangkat dari Inspektor, *deputy superintendent* Polis dan seramai 13 anggota berpangkat sarjan dan *sergeant major* telah dilatih bagi memenuhi kehendak akta bagi memenuhi kehendak akta. Daripada jumlah yang disebutkan ini, terdapat 65 pegawai daripada kaum Melayu, sembilan pegawai dari kaum Cina, lapan pegawai dari kaum India dan tiga pegawai dari lain-lain kaum. Ini adalah persediaan PDRM bagi berhadapan dengan kanak-kanak dari pelbagai kaum yang akan dirakamkan keterangan mereka. Yang Berhormat Munusamy bertanya dengan lulusnya rang undang-undang ini, adakah kita punyai kepakaran untuk melaksanakan rang undang-undang ini. Bagi memastikan kepakaran pegawai yang mengendalikan kes kanak-kanak yang menjadi saksi di mahkamah, langkah-langkah berikut telah diambil:

- (i) latihan kepada kakitangan JKM atau Jabatan Kebajikan Masyarakat, akan dibuat penambahbaikan dengan menambahkan kekerapan dan keberkesanan latihan yang diberi;
- (ii) memantapkan modul Program Khidmat Saksi berdasarkan penilaian terhadap kandungan... [*Membelek-belek dokumen di atas meja*] Mata pun tak nampak dah. Kandungan... saya pun tak nampak... Serta memasukkan kandungan baru mengikut keperluan semasa;
- (iii) menghantar pekerja khidmat saksi yang telah diberi latihan awal di dalam negara untuk menjalani *training of trainers* (TOT) di luar negara dengan perkongsian *best practices*.

Pegawai saya punya tulisan, cantik.

■1510

Yang Berhormat Munusamy juga bertanya berkenaan dengan, apakah kandungan bengkel interaktif dan kandungannya. Bengkel interaktif ialah satu program yang melibatkan ibu bapa dan penjaga dalam proses pemulihan kanak-kanak bermasalah. Model bengkel interaktif menggunakan pendekatan psikologi dan kaunseling dalam proses pemulihan kanak-kanak yang bermasalah tingkah laku, *demeanor*. Komponen utama model pemulihan bengkel inisiatif ini ialah pelantikan dan penaksiran, interaksi kaunseling, interaksi pendidikan, intervensi retorik. Kepakaran yang telah kita lakukan, kita telah pun pada tahun 2004 melatih ibu bapa semua 245, 2005 - 916 dan 2006 -1,652 ibu bapa yang telah pun kita berikan latihan ini.

Objektif bengkel interaktif ini ialah mewujudkan satu bentuk hubungan yang positif serta perasaan saling memahami antara ibu bapa, penjaga dan anak-anak mereka untuk dijadikan sebagai asas dalam membantu mereka menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi bersama dan membentuk sebuah keluarga harmoni dan sejahtera. Pendekatan psikologi dan kaunseling dalam proses pemulihan kanak-kanak yang bermasalah tingkah laku ini pendekatan yang kita lakukanlah. Kemudian, Yang Berhormat Mumtaz tanya bagaimana pemakaian rang undang-undang ini. Adakah ia boleh digunakan untuk kes-kes sivil? Rang undang-undang ini tidak bermaksud pemakaiannya hanya kepada kes-kes jenayah sahaja.

Memandangkan dalam rang undang-undang ini hanya merujuk kepada Akta Keterangan 1950 dan CPC, jadi ia juga diguna pakai untuk sivil, kes cerai semua pun ada tuntutan. Ia juga terpakai kepada kes-kes sivil termasuklah kes-kes penceraian, hak penjagaan dan sebagainya. Selagi saksi yang terlibat yang perlu memberikan keterangan ialah seorang kanak-kanak. Ini dinyatakan dalam tajuk panjang rang undang-undang ini. Dalam kebanyakan kes kanak-kanak yang terlibat dengan kes jenayah lebih banyak diperlukan memberikan keterangannya di mahkamah. Kanak-kanak yang menjadi mangsa dalam kes jenayah ini lebih mengalami trauma dan perlu dilindungi daripada terus mengalami trauma yang berpanjangan.

Kes sivil pun, penceraian juga ada trauma. Kadang-kadang kita tengok kalau ibu dan bapa bergaduh pun trauma kepada kanak-kanak. Mereka perlu dilindungi daripada terpaksa berhadapan dengan tertuduh ataupun kedua-dualah yang bertelingkah di dalam mahkamah ini. Mengikut tinjauan yang dijalankan di Lembah Klang dan Negeri Sembilan terhadap pegawai-pegawai mahkamah yang terlibat dalam kes-kes sivil dan *matrimony* seperti peguam, Peguam Kanan Persekutuan, pendaftar, hakim-hakim dan majistret didapati amat jarang sekali kanak-kanak perlu dipanggil dalam kes-kes ini. Ini sebagai maklumatlah kerana kes-kes sivil dan *matrimony*.

Tinjauan ini juga mendedahkan bahawa seratus peratus daripada responden menyatakan bahawa tiada keperluan menggunakan pengadangan atau rangkaian secara langsung semasa kanak-kanak ini dipanggil sebagai saksi. Ini kes sivil ya. Berdasarkan kepada tinjauan ini, kemungkinan peluang kanak-kanak menggunakan pengadangan dan rangkaian secara langsung

semasa memberikan keterangannya dalam kes-kes sivil dan *matrimony* adalah amat kecil. Terdapat kebimbangan yang ditimbulkan oleh responden-responden yang saksi kanak-kanak ini terpaksa menjadi bagi menentang ibu atau bapa mereka dalam kes penceraian atau terpaksa dipanggil untuk memilih antara ibu atau bapa mereka dalam mendapatkan hak penjagaan.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan sedemikian terdapat cara yang telah diamalkan sejak sekian lama yang hakim biasanya akan memanggil kanak-kanak tersebut dalam kamar tanpa kehadiran ibu atau bapa, atau kedua-duanya sekali. Setakat ini cara yang telah diamalkan ini amatlah berkesan dan kanak-kanak ini berasa lebih selesa semasa memberikan keterangan.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Minta laluan. Terima kasih. Berdasarkan kepada pengalaman saya di mahkamah, antara kes sivil yang banyak melibatkan kanak-kanak bukan hanya terikat kepada kes-kes *matrimony*, tetapi dalam kes sekarang sebagaimana yang dilaporkan dalam Dewan Negara, banyak kes-kes kemalangan jalan raya melibatkan kanak-kanak. Kita bimbang sekiranya tidak dipantau secara baik, keterangan saksi kanak-kanak akan menyebabkan insurans terpaksa membayar berjuta-juta ringgit kalau hanya mereka menjadi *sold eyewitness*. Itu yang saya maksudkan. Saya mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah, dia kalau begitu maknanya hari ini kita bercakap sama adakah rang undang-undang ini boleh digunakan untuk kanak-kanak? Boleh, dalam kes sivil, tidak menjadi masalah. Jadi, kemudian Yang Berhormat Mumtaz juga siapakah saksi yang masih mentah. Dalam bahasa Inggerisnya, *tender years*. Sebenarnya tidak ada takrifan berkenaan dengan siapa saksi kanak-kanak yang masih mentah. Jadi kita pun tidak tahu *five years old* kah, sepuluh tahun kah, bawah kah. Ini adalah umur kematangan seseorang kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain adalah berbeza.

Jika takrifan diberikan akan menyebabkan ketidakadilan kepada kanak-kanak yang masih belum mencapai kematangan, tetapi undang-undang telah menetapkan umur matang tersebut. Penentuan sama ada seorang kanak-kanak masih mentah adalah dibuat di mahkamah sendiri. Untuk mahkamah mencapai kepada pendapat tersebut, mahkamah akan dibantu oleh pendakwa atau peguam. Satu *inquiry* akan dibuat untuk tujuan tersebut. Mahkamah juga akan menentukan sama ada kanak-kanak yang masih mentah itu mempunyai akal yang cukup dan faham tentang kewajipannya bercakap benar.

Soalan-soalan yang dikemukakan kepada kanak-kanak ini adalah soalan yang mudah seperti berapa umur dia, apa nama ibu bapa dia, di mana sekolah dia dan sebagainya. Kalau yang itu pun dia jawab, kalau tanya apa nama bapa apa, saya tidak tahu. Itu maknanya hendak menipulah itu. Nama bapa sendiri pun dia tidak tahu kan. Jadi, kita tanya soal-soal yang mudah.

Suatu situasi juga diberikan bagi mengetahui sama ada kanak-kanak itu faham tugasnya untuk bercakap benar. Saya bagi contohnya di sini, soalan pendakwa dalam mahkamah. Jika 'A' yang pecahkan cermin tingkap itu, tetapi saya katakan bahawa 'B' yang pecahkan. Adakah saya

berkata benar? Biasanya kanak-kanak akan jawab bahawa penyوال itu telah berbohong dalam situasi tersebutlah. Ini *very simple test* yang kita bagi untuk kita tengok sama ada dia berbohong ataupun tidak.

Melalui *inquiry* ini mahkamah akan membuat satu pendapat bahawa kanak-kanak tersebut memiliki akal yang cukup dan faham tentang kewajipan bercakap benar. Dalam kebanyakan kes di mahkamah saksi kanak-kanak ini telah lulus *inquiry* ini dan boleh memberikan keterangan di mahkamah sama ada secara sumpah ataupun tanpa sumpah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mumtaz tanya adakah keterangan kanak-kanak perlukan *colobration* mengikut seksyen 133A - Akta Keterangan 1950.

Keterangan kanak-kanak yang diambil tanpa sumpah perlulah disokong dengan satu keterangan material untuk mensabitkan seseorang tertuduh. Jika keterangan tersebut diambil dengan sumpah, maka keterangan saksi kanak-kanak ini akan diterima sama seperti penerimaan saksi dewasa lain tanpa keperluan keterangan *collaboration*. Ini kita guna pakai Akta Keteranganlah.

Yang Berhormat juga tanya berapakah jumlah mahkamah kanak-kanak yang terdapat di Malaysia? Mahkamah yang mengendali kes kanak-kanak spesifik hanya terdapat di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Bagi negeri-negeri lain, tidak ada mahkamah yang spesifik bagi mengendalikan kes kanak-kanak.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad bertanya, apakah rang undang-undang ini terpakai kepada Mahkamah Syariah? Rang undang-undang ini tidak terpakai kepada Mahkamah Syariah mengikut Perkara 122A, Perlembagaan. Walau bagaimanapun, Mahkamah Syariah boleh mengadakan tatacara yang serupa jika suatu rang undang-undang bagi pemakaian keterangan saksi kanak-kanak di Mahkamah Syariah digubal.

■1520

Dr. Haji Mohd. Puad juga bertanya, siapa yang menentukan orang dewasa yang menemani kanak-kanak? Pihak mahkamah yang mempunyai kuasa untuk menentukan orang dewasa yang akan menemani kanak-kanak memberi keterangan berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh pegawai pendakwa atau pendakwa raya melalui pegawai khidmat saksi.

Yang Berhormat Puan Mumtaz bertanya berkenaan dengan *impeachment proceedings*, adakah terpakai. Saya tidak boleh baca tulis yang diberikan oleh pegawai saya ini. Saya ingat saya beri terus kepada Yang Berhormat sekejap lagilah ya. Kalau yang ini pun saya tidak dapat hendak baca, tetapi saya rasa dia semua bergantung kepada Akta Keterangan. Saya tidak boleh baca.

Yang Berhormat Puan Mumtaz bertanya adakah kanak-kanak juga tertakluk kepada... Sama ada kanak-kanak tertakluk kepada *impeachment proceedings* adalah bergantung kepada sama ada keterangan kanak-kanak itu diambil secara bersumpah atau tidak. Yang Berhormat, saya beri sekejap lagi ya? Saya tak berapa boleh baca. Yang dua ini saya beri sekejap lagi ya? Ada jawapannya.

Kemudian Puan Mumtaz bertanya bolehkah peguam mendapatkan sesalinan nota prosiding dan sesalinan rakaman yang berkenaan? Pihak peguam boleh membuat permohonan untuk mendapatkan nota prosiding, manakala rakaman audio hanya untuk kegunaan hakim majistret sahaja. Yang ini kita tidak boleh bagilah, kalau kita bagi nanti terlepas kepada semua orang nanti. Sebab itu kita kawal sedikit.

Kemudian, adakah latihan khusus diberikan kepada pendakwa raya untuk mengendalikan saksi kanak-kanak? Latihan secara khusus kepada semua pegawai kehakiman dan perundangan termasuk timbalan pendakwa raya telah diberikan dan akan diberikan dari semasa ke semasa. Latihan ini dibuat di pelbagai institusi termasuk di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan iaitu ILKAP.

Kemudian yang akhir sekali saya tengok tadi ada Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin bertanya, oleh kerana kita sebut rakaman video, jadi Yang Berhormat tolong tengok kepada muka surat empat iaitu tafsiran. Di situ ada menyebutkan, apakah itu rakaman video:

“Rakaman video berhubung dengan saksi kanak-kanak, ertinya suatu rakaman video mengenai keterangan lisan saksi kanak-kanak, dalam bentuk temu bual yang diadakan antara seorang pegawai polis dengan saksi kanak-kanak, yang diungkapkan dalam apa-apa format, dibuat bagi tujuan penerimaannya sebagai keterangan pemeriksaan utama saksi kanak-kanak.”

Jadi kalau ada kemajuan dalam kita punya teknologi itu, ia termasuklah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Senator yang mengambil bahagian dan yang mana saya tidak jawab itu, sila rujuk balik kepada saya tetapi sudah tentu ada dua keping di sini untuk Yang Berhormat Puan Mumtaz. Saya beri kepada pegawai, saya suruh dia taip. Saya percaya Yang Berhormat pun tidak boleh baca juga apa yang ditulis di sini.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sesungguhnya menjawab itu tidak merupakan syarat untuk mutlak kerana jawapan Yang Berhormat merupakan ucapan penggulungan, *winding-up a debate* dan tidak perlu Yang Berhormat menjawab tiap-tiap satu butiran dengan terperinci. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah cuba tetapi disebabkan satu dua masalah teknikal, tidak mencatatkan penggulungan perbahasan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Maslah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAKMAL PATOLOGI 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.28 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawalan makmal patologi yang ditubuhkan oleh individu, perkongsian, syarikat dan badan berkanun serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terus huraikan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, makmal patologi adalah sebuah *facility* yang digunakan bagi tujuan memberi perkhidmatan penganalisan dan pemeriksaan *sample* tisu atau bendalir manusia atau apa-apa hasil badan manusia atau untuk menilai apa-apa perubahan dalam keadaan fisiologi manusia bagi maksud mencegah atau mendiagnosis atau merawat penyakit manusia. *Sample* tisu atau bendalir manusia terdiri daripada kahak, darah, air mani, air kencing, najis, tisu badan atau organ badan.

Prosedur menerima, mengumpul dan menyimpan *sample* tisu atau bendalir manusia, penyediaannya untuk ujian mesti mengikut piawaian antarabangsa. Ujian kemudiannya dilakukan secara manual atau menggunakan peralatan dengan izin, *semi automated* atau *automated*. Hasil keputusan makmal bergantung kepada pegawai yang menjalankan ujian dan juga jenis peralatan yang digunakan. Bagi menghasilkan keputusan makmal berkualiti, maka kedua-duanya harus dikawal. Perkhidmatan makmal patologi adalah untuk mengesahkan diagnosis penyakit-penyakit seperti kanser, infeksi, penyakit-penyakit metabolik dan lain-lain.

■ 1530

Di samping itu khidmat rundingan pakar patologi bagi tujuan rawatan dan jagaan berterusan pesakit juga di samping perkhidmatan makmal patologi. Semua perkhidmatan ini dilakukan untuk beberapa kategori profesional kesihatan. Terdapat tiga kategori profesional kesihatan yang terdapat

dalam satu makmal patologi, ini yang terdiri daripada Pakar Patologi, Pegawai Saintifik dan Juruteknologi Makmal Perubatan.

Pakar Patologi adalah seorang pengamal perubatan yang berdaftar yang mempunyai kelayakan, latihan, pengalaman dalam disiplin patologi. Beliau berperanan dalam memberi interpretasi klinikal, menyediakan laporan ujian dan juga khidmat rundingan. Sementara Pegawai Saintifik adalah orang yang memegang Ijazah Sarjana Muda Sains atau paling tinggi Doktor Falsafah yang mempunyai pengalaman bekerja di makmal patologi. Mereka terdiri daripada Ahli Kaji Kuman, Ahli Kimia Hayat, Ahli Genetik dan Ahli Kimia. Sementara Juruteknologi Makmal Perubatan pula adalah seorang pemegang Diploma Teknologi Makmal Perubatan yang membantu dalam membuat ujian di makmal.

Tuan Yang di-Pertua, Makmal Patologi yang sedia ada terdapat dalam beberapa bentuk iaitu Makmal Patologi yang menjalankan ujian tertentu seperti Makmal Transfusi Perubatan, Makmal Toksikologi, Makmal Terapeutik, Makmal Patologi Orang dan Makmal Patologi di hospital atau klinik swasta.

Di sektor swasta, dianggarkan terdapat 200 Makmal Patologi bersendirian dengan izin, *standalone* dan 90 Makmal Patologi di hospital swasta di negara ini. Dianggarkan seramai 42 Pakar Patologi; 100 Pegawai Saintis; dan 1000 Juruteknologi Makmal Perubatan yang berkhidmat di Makmal Patologi swasta persendirian. Manakala bilangan yang berkhidmat dengan Makmal Patologi di hospital swasta masih dalam perhitungan dan akan muktamad bila selesai proses pendaftaran dan perlesenan di bawah Akta Kemudahan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan Peraturan-Peraturan 2006.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menggubal Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007 telah bermula sejak tahun 1987 dengan komitmen yang ada di Kementerian Kesihatan sekarang supaya Makmal Patologi harus dikawal, maka rang undang-undang ini dapat dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Dalam menggubal Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007, kementerian telah mengambil kira rungutan pengguna mengenai perkhidmatan makmal, pandangan pakar-pakar patologi dari sektor awam dan swasta, pandangan agensi-agensi kerajaan yang lain, badan-badan berkanun serta pihak-pihak yang berkepentingan dalam Makmal Patologi. Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007 dijangka dapat menjamin kepentingan dan keselamatan pengguna, orang ramai dan juga keselamatan profesional kesihatan yang berkhidmat di makmal tersebut.

Tuan Yang di-Pertua di bawah rang undang-undang ini jenis Makmal Patologi terbahagi kepada pengkhususan patologi anatomi, patologi kimia, mikrobiologi perubatan dan hematologi serta terbahagi lagi kepada kelas-kelas tertentu mengikut kompleksiti ujian-ujian yang dijalankan.

Rang undang-undang ini memastikan supaya Makmal-makmal Patologi yang dikawal selia memberikan keputusan makmal yang betul, boleh dipercayai, tepat pada waktunya, mengamalkan

metodologi dan prosedur-prosedur yang sesuai mengikut piawaian makmal, dilengkapi alat-alat makmal yang sesuai dan mencukupi serta mempunyai sistem simpanan dan rekod bagi mengajikan kakitangan yang berkeelayakan dan berpengalaman.

Rang undang-undang ini juga dicadangkan bertujuan mengawal penubuhan dan perkembangan Makmal Patologi agar ianya lebih saksama dan tidak tertumpu di bandar-bandar besar atau kawasan-kawasan tertentu sahaja. Ini bagi memastikan permohonan menubuhkan makmal patologi tidak dilakukan di kawasan yang telah pun dengan izin, *saturated* atau *over-supply* dengan makmal tersebut.

Rang undang-undang ini juga bertujuan mengawal pengendalian dan aktiviti makmal patologi. Lesen yang diberikan di bawah rang undang-undang ini dikehendaki mematuhi setiap undang-undang profesion kesihatan supaya tidak bertentangan dengan amalan dan kod etika profesion masing-masing. Obligasi ini termasuk organisasi jagaan diuruskan dengan izin *manages care organization* yang mempunyai kontrak dengan makmal patologi.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti perkhidmatan dikawal bermula dengan penubuhan makmal sehinggalah kepada kaedah penyelenggaraan, pengendalian dan penyediaan makmal patologi. Beban tanggungjawab ini adalah diletakan kepada pemegang lesen. Rang undang-undang ini memastikan Makmal Patologi diperiksa dari masa ke semasa, memastikan hanya profesional kesihatan yang berkeelayakan dilantik sebagai orang yang bertanggungjawab, memastikan perjalanan makmal mengikut piawaian yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang akan digubal di bawah rang undang-undang yang dicadangkan ini.

Pemegang lesen dimestikan melantik orang yang bertanggungjawab dengan izin, *person in charge*. Beliau boleh melantik dirinya atau seorang yang berkeelayakan seperti yang dibenarkan oleh ketua pengarah mengikut kelas dan pengkhususan makmal patologi yang ditubuhkan. Kepentingan orang ramai termasuk keselamatan dan hak pengguna dijaga di bawah rang undang-undang ini, ini termasuk mewajibkan pemeliharaan maklumat pesakit disimpan di dalam rekod dan kerahsiaan maklumat. Maklumat patologi hanya dibenarkan menjalankan ujian atas permintaan seorang pegawai perubatan berdaftar. Ini bertujuan supaya penjagaan kesihatan pesakit diuruskan oleh mereka yang berkeelayakan dan berdaftar dari segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, ketua pengarah kesihatan diberi kuasa untuk menutup mana-mana makmal patologi yang menimbulkan bahaya kepada orang ramai. Harga bagi ujian makmal juga dikawal melalui satu jadual fi dalam peraturan-peraturan yang akan digubal kemudian.

Hak pengguna untuk mengadu ketidakpuasan hati terhadap mana-mana makmal patologi swasta dipelihara oleh rang undang-undang ini kerana setiap Makmal Patologi dikehendaki mewujudkan mekanisme ketidakpuasan hati pelanggan dengan izin, *prevent mechanism*. Hak pengguna mendapatkan khidmat berkualiti juga dijamin selain daripada kawalan ke atas profesional dan peralatan makmal, kualiti perkhidmatan dijamin melalui peruntukan yang boleh mengenakan

syarat melalui sistem jaminan kualiti dengan izin, *quality assurance* dan atau proses akreditasi antarabangsa. Tambahan juga kementerian diberi kuasa memberi arahan perintah dan juga garis panduan berhubung semua perkara berkaitan kualiti dan *standard* makmal patologi.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak menghalang ujian makmal dilakukan oleh individu bagi dirinya dalam ujian paras glukosa darah atau ujian kehamilan.

■1540

Ia juga tidak mengawal Makmal Patologi yang khusus ditubuhkan bagi tujuan penyelidikan, memandangkan ianya penting bagi perkembangan teknologi dan faedah pada negara.

Rang undang-undang ini memberi kuasa kepada Kementerian Kesihatan untuk menjalankan penguatkuasaan supaya peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam rang undang-undang ini dipatuhi. Rang undang-undang ini juga mengawal pengiklanan oleh Makmal Patologi yang dilesenkan supaya tidak mengelirukan orang awam atau melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I iaitu Fasal 1 dan 2, akta yang dicadangkan memperkatakan mengenai perkara permulaan.

Bahagian II iaitu Fasal 3 dan 4 yang dicadangkan bertujuan untuk menetapkan kawalan suatu Makmal Patologi melalui kelulusan dan pelesenan.

Bahagian III iaitu Fasal 3 hingga 11 akta yang dicadangkan menetapkan tatacara untuk memperoleh suatu kelulusan untuk menubuhkan atau menyelenggarakan satu Makmal Patologi.

Bahagian IV, Fasal 12 hingga 23 akta yang dicadangkan menetapkan tatacara dan kuasa memohon, memperoleh dan perkara lain yang berkaitan dengan pelesenan Makmal Patologi.

Bahagian V, fasal 24 hingga 29 akta yang dicadangkan memperuntukkan bagi tanggungjawab pemegang lesen dan orang yang bertanggungjawab.

Bahagian VI, fasal 31 hingga 34 akta yang dicadangkan memperuntukkan bagi penggantungan dan pembatalan kelulusan atau lesen oleh sama ada Ketua Pengarah atau Menteri.

Bahagian VII, fasal 35 hingga 37 akta yang dicadangkan memperuntukkan bagi penutupan Makmal Patologi sama ada atas arahan Ketua Pengarah atau atas kerelaan pemegang lesen sendiri.

Bahagian VIII, fasal 38 hingga 43 akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan am yang berhubung dengan kelulusan atau lesen.

Bahagian IX, fasal 44 dan 45 akta yang dicadangkan memperuntukkan bagi piawaian dan kualiti yang hendaklah diselenggarakan.

Bahagian X, fasal 46 akta yang dicadangkan memperuntukkan bagi penubuhan Jawatankuasa Penasihat Makmal Patologi dalam semua premis.

Bahagian XI fasal 47 hingga 52 akta yang dicadangkan memberikan definisi organisasi jagaan yang diurus dan hubungan antara organisasi jagaan yang diurus dan Makmal Patologi.

Bahagian XII iaitu Fasal 52 hingga 68 akta yang dicadangkan menetapkan peruntukan penguatkuasaan akta ini termasuk pelantikan pegawai yang diberi kuasa serta kuasa-kuasa mereka mengkompaun kesalahan dan permulaan prosiding.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian XIII akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan perkara pelbagai, antara lainnya termasuk kuasa-kuasa menteri mempertimbangkan rayuan, memberi pengecualian, menentukan sumbangan kebajikan dan menetapkan peraturan-peraturan dan lain-lain. Peruntukan untuk mengadakan Jadual Fi, mengawal selia iklan oleh Makmal Patologi, peruntukan untuk menjaga kerahsiaan maklumat pesakit-pesakit.

Rang undang-undang ini akan melibatkan implikasi kewangan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan buat masa ini. Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007 adalah perlu untuk memastikan perkhidmatan kesihatan selamat, berkualiti kepada pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat yang menyokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawalan makmal patologi dan perkara-perkara yang berkaitannya dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Tuan Munusamy a/l Mareemuthu: *[Bangun]*

Tuan Ahmad bin Hussin: *[Bangun]*

Dato' Rhina Bhar: *[Bangun]*

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Munusamy, Tuan Ahmad bin Hussin, Dato' Rhina Bhar dan Puan Puan Mumtaz binti Md. Nawi.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucap tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan semua pegawai kementerian yang telah berjaya untuk membawa satu rang undang-undang selepas 20 tahun seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Cuma saya ada dua, tiga perkara yang saya ingin mendapat keterangan.

Bahagian III, Fasal 5(1) berkenaan dengan premis-premis yang bersesuaian untuk diadakan sebagai makmal patologi. Apa akan jadi kepada premis-premis yang ada sekarang yang tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam rang undang-undang ini? Adakah premis-premis ini

akan diminta pindah ataupun adakah premis-premis ini ataupun pemegang-pemegang lesen ini diberi kelonggaran untuk terus menjalankan perniagaan di premis-premis tersebut?

Dalam Bahagian V, Fasal 24 dan 25 berkenaan dengan kelayakan dan orang-orang yang bertanggungjawab menjalankan Makmal Patologi ini, adakah pegawai-pegawai seperti Pakar Patologi, Pegawai Saintifik mencukupi untuk menjalankan makmal-makmal ini dan adakah ruang diberi kepada mereka yang ada sekarang yang menjalankan perniagaan ini diberi latihan dan kemudahan bagi mereka memberi latihan yang sebenarnya kepada mereka.

Satu perkara lagi adalah Bahagian X, Fasal 46 berkenaan Jawatankuasa Penasihat Makmal Patologi. Siapa yang akan menjadi ahli-ahli jawatankuasa dan apa fungsi jawatankuasa?

Perkara yang seterusnya adalah berkenaan dengan Bahagian XIII, Fasal 69 berkenaan dengan Makmal Patologi yang dikecualikan seperti klinik dan hospital swasta. Siapa akan bertanggungjawab terhadap makmal-makmal seperti ini?

Jadual 74, Jadual Fi yang ditetapkan oleh Menteri. Adakah jadual ini ditetapkan bagi setiap jenis pemeriksaan yang diperlukan dan apakah fi-fi ini ditetapkan juga bagi klinik-klinik dan makmal-makmal hospital swasta yang dikecualikan daripada rang undang-undang ini.

Satu lagi adalah berkenaan dengan iklan. Iklan, adakah Makmal Patologi ini dikenakan, mempamerkan harga-harga bagi setiap pemeriksaan yang diperlukan? Ini adalah dua tiga dan beberapa klasifikasi yang saya ingin dapatkan daripada Menteri. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ahmad bin Husin

■1550

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk sama-sama turut membahaskan Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kementerian kerana telah sekian lama wujudnya Makmal Patologi, dan kini barulah satu rang undang-undang yang komprehensif yang telah dibawa ke Dewan yang mulia ini, kita bahaskan bersama demi untuk melindungi kesihatan rakyat negara ini, dan setelah 20 tahun kita telah dipersembahkan satu rang undang-undang yang memang sangat komprehensif, jitu dan juga memberi kesan yang mendalam kepada keseluruhan rakyat Malaysia hendaknya.

Saya ada beberapa perkara yang hendak dibangkitkan di sini iaitu, terutama sekali tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang tiga perkhidmatan yang telah dibentangkan, yang pertama sekali ialah tentang Pakar Patologi itu sendiri yang mempunyai disiplin atau profesional dalam bidang ini; dan yang kedua, ada disebut tentang Pegawai Sains iaitu Ahli Kimia, Ahli Genetik dan ahli Pakar Kuman.

Di sini saya ingin mendapat sedikit penjelasan kerana katanya Pegawai Sains yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains dari universiti sama ada peringkat *Master* dan *Ph.D* tidak

terdapat di dalam akta ini. Cuma disebut tentang para doktor dan *specialist*. Saya harap perkara ini dapat diberi penerangan kerana mungkin pihak saintis kita ini merasa kecil hati. Biasalah kerana mereka ini adalah yang menentukan ujian yang dijalankan oleh yang disebut tadi, Juruteknik Makmal Perubatan dan mereka juga menentukan tentang adalah betul mengikut prosedur yang ditentukan;

yang ketiga, mereka ini memenuhi keperluan *quality control*; yang keempat, ialah memastikan tentang QC dan *validate reagents* dan *equipment*, dengan izin; yang kelima ialah mengesahkan hasil ujian makmal; dan yang keenam ialah tentang menjalankan ujian makmal khas seperti ujian molekular seperti *nuclear acid test* dan PCR.

Perkara-perkara ini penting kerana mereka ini terlibat 100% dalam makmal dan mereka sentiasa berada di situ dan merekalah yang sebenarnya yang *practical man*. Jadi dalam ini tidak disebut, saya dengan sendirinya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menenangkan, memberi sedikit *injection* kepada ahli-ahli sains yang ada dalam negara kita ini, saya harap kementerian dapat mengambil perhatian serius, kerana saya mendengar perkara-perkara ini terkeluar daripada kementerian. Sebab itu saya dengan ikhlas menyatakannya. Kalau boleh mereka ini yang mana perlukan Khas Untuk Penyandang, *Personal to Holder*, untuk Jusa 'C' pun apa salahnya diberikan keistimewaan, kerana mereka sebenarnya menjaga benda yang kita sendiri tidak bertanggung hendak jaga. Mereka telah berkorban sesungguhnya.

Kalau sekiranya Ketua Pengarah memberi rekomen yang terbaik kerana mereka telah mempamerkan kerja-kerja yang terbaik, jadi apa salahnya pihak kementerian, janganlah ditangguhkan.

Saya tahu ada beberapa kes di kementerian yang sepatutnya diberikan KUP – Khas Untuk Penyandang, *Personal to Holder* kepada saintis-saintis kita ini. Berilah mereka sedikit insentif kerana ini pengorbanan mereka yang sangat tinggi. Kemudian oleh sebab disebut tentang Fasal 46 tadi, jawatankuasa penasihat dan kalau boleh mereka ini dimasukkanlah di dalam jawatankuasa ini, kerana mereka adalah ahli, kerana kita tidak hendak pertembungan antara doktor dan Ahli Sains ini, kalau boleh mereka ini selalu disebut oleh Tuan Yang di-Pertua, *collective responsibility*, tanggungjawab bersama dan untuk meng *highlight* kan juga taraf kesihatan negara ini dan menaikkan juga nama Kementerian Kesihatan Malaysia itu sendiri.

Seterusnya tentang kerahsiaan. Yang ini sangat penting untuk pihak kementerian melihat tentang bagaimana kita hendak menjaga kerahsiaan apabila perkara ini telah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan setelah dibuat ujian dan sebagainya.

Yang kedua, apabila ujian telah dibuat, bagaimana perkara-perkara ini, pembuangannya supaya tidak menjejaskan alam sekitar kerana maklum sahajalah perkara-perkara yang telah di *test* dan sebagainya, hendak dibuang darah dan sebagainya, yang inilah yang akan menentukan tentang taraf kesihatan dan juga *environment* kita. Saya harap perkara ini dapat dipantau oleh pihak kementerian apabila undang-undang ini diluluskan.

Saya dapati tentang penguatkuasaannya, tentang kakitangannya nanti supaya mencukupi untuk memantau perkara ini supaya kesemua sekali yang menjalankan *business* atau aktiviti Makmal Patologi ini dipantau secara terus-menerus, khasnya apabila lesen telah dikeluarkan, mereka harus mempamerkan lesen-lesen mereka di tempat yang jelas dan kita semua dapat melihatnya. Bila diiklankan pun, kita dapat melihat tentang kesahihan aktiviti yang dibuat oleh makmal tersebut, dan finya juga saya dengar ada kompelin mengatakan Menteri Kesihatan sendiri ada menyebut tentang ada juga hospital swasta, dan klinik swasta yang mempunyai caj yang tinggi dan bagaimana kita hendak menangani caj nanti.

Biarlah kementerian dapat mengeluarkan satu peraturan yang mana boleh kita ikuti bagaimana caj yang hendak dikenakan supaya mereka yang *lower income group*, dengan izin, mereka yang dari desa dan kampung pun dapat merasa nikmat tentang kesihatan itu sendiri, akan dapat ujian yang sebenarnya. Bagi klinik-klinik yang swasta dan klinik patologi yang telah menjalankan aktivitinya sebanyak 200. Jadi mereka ini ada yang tidak dilesenkan dan saya hendak tahu banyak mana yang belum dilesenkan, yang belum sampai tahap justifikasi sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang ini.

Seterusnya tentang penutupan makmal patologi yang dimasukkan dalam seksyen 35 dan 37 tadi. Bagaimanakah kaedahnya apabila kita hendak gantungkan sesuatu klinik patologi tadi? Apakah Ketua Pengarah atau Menteri boleh menggantungkannya, dan berapa lama pula masa diberi kepada klinik tadi untuk merayu supaya dapat dilepaskan daripada penggantungan tadi.

▪ 1600

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kita berharaplah seluruh rakyat Malaysia ini mendapat nikmat kesihatan yang terperingkat kerana dengan kesihatan sahaja kita dapat membangun dan mencecah 50 tahun merdeka.

Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dato' Rhina Bhar.

4.00 ptg.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-Undang Makmal Patologi 2007.

Isu-isu yang akan saya bangkitkan ialah, pertama, dari segi penguatkuasaan, Malaysia terkenal dengan kelemahan serta ketidakseragamannya. Makmal Patologi adalah suatu makmal yang penting dari segi perubatan dan R&D, maka pemantauan yang konsisten perlu dilakukan.

Fasal 14(1) memperuntukkan sekurang-kurangnya dua pegawai diberi kuasa akan tetapi tidak dihuraikan jenis latar belakang pegawai tersebut. Pegawai kerajaan yang tidak berpengetahuan luas tentang definisi sains dan patologi mungkin akan dipermainkan atau ditipu oleh pengusaha makmal.

Cadangan saya ialah perlu diketengahkan penguatkuasaan serta pegawai yang berpengetahuan tentang sains dan patologi kerana ia bersifat teknikal serta mengelakkan pegawai ditipu dan diberi maklumat salah. Pelan yang ditubuhkan bagi tujuan ketidakpuasan hati pelanggan dikuatiri tidak adil dan lebih ke arah kebajikan pemegang lesen. Contoh yang dapat dilihat sering kali berlakunya aduan dari para pelanggan berkenaan ketidakpuasan hati perkhidmatan yang diberikan.

Fasal 27(1) merujuk kepada mekanisme pelanggan. Cadangan, Jawatankuasa khas berkenaan aduan yang dianggotai oleh pegawai yang berkelayakan perlu diwujudkan bagi mengambil tindakan ke atas setiap aduan pelanggan. Tindakan susulan perlu diambil segera.

Beberapa Jadual Fi yang ditetapkan oleh pihak berkenaan. Ini kerana makmal menjalankan aktiviti yang berbeza serta perkhidmatan yang ditawarkan turut berbeza. Fi yang bersesuaian serta mengikut perkhidmatan yang ditawarkan perlu diperkenalkan. Cadangan, kita tidak mahu adanya ketidakseimbangan antara fi dalam makmal yang sama. Fi mestilah berdasarkan faktor yang dikehendaki di atas.

Fasal 74(1) menyebut tentang menteri yang boleh membuat peraturan penetapan fi bagi Makmal Patologi. Cadangan, Menteri perlu diberi penerangan jelas oleh pegawai yang berkelayakan akan ketetapan fi ke atas Makmal Patologi.

Iklan kempen promosi yang dilancarkan oleh makmal terdedah kepada penyalahgunaan maklumat. Makmal mungkin menyiarkan iklan yang tidak tepat, promosi yang mengelirukan, perkhidmatan yang tidak wujud serta pelbagai maklumat yang tidak betul kepada masyarakat.

Fasal 71 tidak dibenarkan menyiarkan maklumat yang keliru. Isu, bagaimana pengawalan iklan sedangkan hari ini kita lihat iklan tidak dapat dikawal. Media massa yang mengutip keuntungan berlumba-lumba, berganding bahu dengan pelanggan mereka bagi mempromosi sesuatu produk dan perkhidmatan yang akhirnya pelanggan tertipu. Cadangan, bersedia kah pihak berkuasa untuk memantau iklan yang di luar kawalan. Apakah mekanisme yang bakal diwujudkan kerana sejak dulu lagi kita sedia maklum, iklan di Malaysia tidak ada sekatan.

Penjualan dan kebocoran maklumat sulit pelanggan perlu dipantau. Kita tidak mahu maklumat pesakit pelanggan dijual kepada pihak tertentu bagi tujuan keuntungan dan komersial. Pelanggan mempunyai hak sepenuhnya untuk mengklasifikasikan apa-apa keputusan sebagai sulit dan persendirian.

Fasal 81(1) menyebut menjadi kesalahan bagi mana-mana pendedahan maklumat sulit pelanggan. Isu, bagi tujuan perdagangan komersial, maklumat pelanggan bakal dilelong dari satu makmal ke satu makmal. Kebocoran ini perlu dikawal. Lihat sahaja bagaimana nombor telefon bimbit kita boleh di dapat dengan mudah oleh bank-bank, *credit card company* dan syarikat jualan langsung. Contohnya, pelanggan telah memenangi hadiah peraduan gores dan menang dan sebagainya. Cadangan, pemantauan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membangkitkan soal-soal berikut:

- (i) isu berkenaan makmal swasta dan pengawalan dari segi undang-undang. Sejauh mana undang-undang boleh mengawal makmal swasta yang bebas membeli peralatan luar, mengenakan caj mengikut deskripsi sendiri serta penggunaan ubat-ubatan dan bahan kimia yang tidak dikawal selia;
- (ii) Fasal 14, rang undang-undang iaitu pegawai yang diberi kuasa memantau perlu dilantik dari kalangan yang berpengetahuan teknikal. Dikhuatiri pegawai yang tidak berpengetahuan teknikal bakal ditipu oleh penguasa makmal terutamanya makmal swasta;
- (iii) sejauh mana keberkesanan keputusan rekod yang dikeluarkan oleh makmal swasta. Adakah kerajaan memantau dengan menguji semula keputusan itu. Bagaimana dengan orang ramai, adakah mereka dilindungi jika keputusan tidak tepat;
- (iv) isu-isu lain yang boleh dibangkit ialah berkenaan rekod penyampaian caj yang dikenakan, bagaimana yang sepatutnya dikenakan oleh kerajaan;
- (v) dari segi promosi dan kempen, bagaimana ia diselenggarakan. Kita tidak mahu ada maklumat salah yang mengelirukan orang ramai; dan
- (vi) sejauh mana rahsia keputusan disimpan. Bagaimana orang ramai mendapat jaminan. Kita tidak mahu ia menjadi seperti isu CTOS - Credit Tip-off Service Sdn. Bhd. yang menjual maklumat kewangan peribadi orang ramai semurah RM25. Ini perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Mumtaz.

4.10 ptg.

Puan Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan untuk saya untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007. Sebagaimana yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sebelum ini, saya juga ingin turut membahaskan, apakah kos dan fi Makmal Patologi ini dikawal oleh mana-mana undang-undang kerana kita melihat kepada profesional-profesional lain, mereka mempunyai satu akta khas yang mengawal kos dan fi. Ini kerana, kita lihat kebanjiran Makmal Patologi sebagaimana yang telah diberitahu tadi, terdapat 200 Makmal Patologi persendirian dan 90 Makmal Patologi yang berkaitan dengan hospital swasta terdapat di negara kita. Saya pohon untuk mendapatkan, apakah akta yang mengawal kos dan fi untuk semua ujian-ujian yang dilaksanakan di bawah Makmal Patologi.

Yang kedua, apakah standard dan piawai Makmal Patologi yang diterima pakai di negara kita dan mengikut piawaian negara mana dan adakah ini berdasarkan kepada piawaian antarabangsa. Setakat ini, pernah kah ada mana-mana Makmal Patologi negara kita yang telah pun didakwa akibat tidak memenuhi piawaian antarabangsa ini. Pihak-pihak manakah yang akan membuat kawalan dan seliaan kepada semua jenis rawatan dan prosedur yang dibuat di bawah Makmal Patologi sama kos yang dikenakan setimpal atau tidak dengan khidmat yang diberikan kerana perkara kalau kita lihat di negara kita telah pun menjadi satu kemestian kepada mana-mana pesakit untuk mendapatkan khidmat Makmal Patologi dan mereka mungkin tidak boleh bezakan yang mana baik ataupun tidak kerana tidak tahu sama ada perkara ini betul atau tidak dibuat oleh petugas-petugas di Makmal Patologi ini.

Seterusnya dari segi 'kepemunyaan' iaitu *ownership* kepada Makmal Patologi ini berapakah Makmal Patologi yang dipunyai oleh organisasi ataupun tuan punya yang berasal daripada warganegara asing ataupun syarikat-syarikat asing yang terdapat di negara kita dan sekiranya ada, berapa peratus hak pemilikan mereka terhadap Makmal Patologi di Malaysia ini.

Seterusnya adakah Makmal Patologi ini juga akan tertakluk kepada FTA di antara negara kita dengan Amerika Syarikat sekiranya perkara ini diluluskan. Seterusnya lagi berkenaan pengesahan halal ataupun haram semua prosedur-prosedur yang dibuat ataupun bahan-bahan yang diambil untuk kegunaan Makmal Patologi adakah ia dipantau oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan sekiranya tidak dipantau, apakah mekanisme yang digunakan bagi memastikan kesemua *treatment* dan juga prosedur yang dibuat di Makmal Patologi tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Saya juga ingin bertanya tentang maksud Pelan Mekanisme Ketidakpuasan hati bagi pelanggan Makmal Patologi. Apa yang dimaksudkan dengan Pelan Mekanisme Ketidakpuasan hati bagi pelanggan Makmal Patologi. Ini saya tidak tahu apa maksudnya. Seterusnya lagi, daripada yang dibentangkan tadi terdapat Makmal Patologi di negara kita ini, adakah Makmal Patologi haram yang dikesan di negara kita. Apakah badan yang menyelia Makmal Patologi ini kalau kedokteran kita ada MMA, kalau peguam kita ada *Bar Council*, untuk Makmal Patologi ini belum wujud atau sudah ada yang mengawal selia keseluruhan Makmal Patologi di seluruh negara.

Saya juga ingin merujuk kepada seksyen di mana dikatakan bahawa Makmal Patologi akan hanya perlu menyimpan rekod-rekod berkenaan dengan laporan hasil ujian hematologi ini bergantung kepada apa yang diarahkan oleh ketua pengarah, jadi berdasarkan kepada kes-kes kita melihat adalah sukar sekiranya ketua pengarah mengehadkan tempoh tertentu bagi penyimpanan data dan rekod kerana kemungkinan data dan rekod ini akan diperlukan pada masa akan datang dan saya ingin tahu kalau perkara ini diberikan sebarang tempoh, berapa lama kah tempoh yang diberikan bagi sesebuah makmal itu menyimpan sebarang rekod dan data berkaitan dengan ujian yang dikenakan ataupun yang dibuat oleh Makmal Patologi.

Saya juga ingin bertanya berapakah Makmal Patologi milik kerajaan dan berapakah masa yang diambil untuk mana-mana pelanggan atau pesakit mendapatkan ujian di Makmal Patologi sekiranya boleh diberikan beberapa contoh sebab kita takut kebanjiran Makmal Patologi persendirian ini wujud akibat ketidakmampuan pihak kerajaan menyediakan Makmal Patologi yang mencukupi di hospital-hospital kerajaan dan ini sebenarnya akan menzalimi rakyat yang miskin yang tidak mampu untuk mendapatkan khidmat di Makmal Patologi persendirian.

Berkenaan dengan *insurance coverage* apakah penganan insurans khususnya dari segi *professional indemnity insurance* kepada mana-mana Makmal Patologi adakah ia diwajibkan dan sekiranya ada berapakah kos yang dikenakan kepada kesemua Makmal Patologi untuk mengambil insurans kerana kita khuatir makmal ini akan ada yang akan membuat kerja-kerja yang tidak mematuhi standard dan perkara ini mungkin membahayakan nyawa pesakit ataupun pelanggan sendiri dan ini memerlukan satu perlindungan insurans.

Di bawah seksyen 37 saya ingin mendapatkan maksud kerugian yang dibuat ataupun akibat penutupan sesebuah makmal itu tidak ada pihak yang akan terlibat ataupun boleh diberikan manfaat dari sudut tuntutan kewangan. Apakah yang akan berlaku sekiranya sesebuah Makmal Patologi itu ditutup, apakah kesannya kepada pelanggan, di manakah mereka boleh mendapatkan ganti rugi kerana seolah-olah seksyen 37 ini memberikan pengecualian sekiranya mereka itu ditutup atas arahan kementerian, di manakah liabiliti dan siapakah yang akan bertanggungjawab di atas kerugian yang ditanggung oleh pesakit ataupun persatuan yang mendapatkan khidmat patologi tersebut.

Untuk seksyen 39, diberitahu bahawa mana-mana orang yang melanggar seksyen ini mereka dikatakan melanggar subseksyen (1) sebagai melakukan kesalahan iaitu 39, subseksyen (5), seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan. Kita lihat di semua seksyen lain, semua kesalahan ataupun denda itu mereka terus perinci kan berapakah jumlah denda ataupun penjara yang dikenakan kepada pelanggar akta ini tetapi untuk seksyen ini tiada dikenakan ataupun diperincikan terus apakah denda kepada mereka yang melanggar subseksyen (1), seksyen 39, Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007, adakah ini bermaksud kita kena *refer* kepada seksyen 83 akta yang sama.

Begitu juga saya ingin mendapatkan berapakah bilangan ahli patologi di hospital-hospital kerajaan sehingga kini dan berapakah gaji yang dibayar kepada mereka kerana kita bimbang dengan tertubuhnya Makmal Patologi yang begitu banyak di seluruh negara kita akan kehilangan tenaga-tenaga mahir iaitu Pakar-pakar Patologi di hospital-hospital kerajaan dan kalau boleh dinyatakan skala gaji mereka dan insentif kepada mereka bagi memastikan tidak berlaku pengaliran keluar pakar ini kepada pihak swasta dan juga berapa ramai ahli patologi asing yang digaji oleh kerajaan di hospital-hospital kerajaan sehingga kini.

Saya juga ingin bertanya kepada kabinet kerajaan, kemudahan di Makmal Patologi di hospital kerajaan adakah ia setanding dengan kemudahan-kemudahan Makmal Patologi di hospital

swasta dan kapasiti pengendalian kes-kes yang dirujuk di hospital kerajaan sehingga kini di seluruh negara. Kalau boleh kita dapatkan data daripada 2005 sehingga 2007, berapa kes yang mampu dikendalikan pihak kerajaan di Makmal Patologi kerajaan kerana kalau yang diberitahu antara hasil ujian Makmal Patologi melibatkan kes-kes kanser. Saya rasa kes kanser ini banyak di seluruh negara, berapa kes yang mampu ditanggung oleh Makmal Patologi kerajaan.

Seterusnya juga di bawah seksyen 43 dikatakan bahawa semua Makmal Patologi yang berdaftar boleh dikesan ataupun boleh di ketahui kesahihan mereka dan pihak yang ingin mendapatkan pendaftaran atau kesahihan Makmal Patologi ini boleh membeli dengan fi tertentu berdasarkan cabutan atau *search*. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk perkara-perkara yang membabitkan peguam, kemungkinan ataupun membabitkan isu-isu tertentu, mereka boleh membeli cabutan untuk mendapatkan kesahihan Makmal Patologi tetapi bagi keperluan orang ramai saya mencadangkan pihak kementerian agar menyediakan internet dan saluran khas untuk orang ramai boleh menyemak sama ada Makmal Patologi yang mereka dapat khidmat itu merupakan Makmal Patologi yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai lesen tanpa mereka perlu membuat cabutan di mana-mana tempat untuk mengesahkan kewujudan Makmal Patologi ini secara berlesen.

■1620

Seterusnya di bawah seksyen 45(3) dikatakan bahawa,

“Jika Ketua Pengarah berpendapat bahawa penggunaan apa-apa kelengkapan dalam makmal patologi berlesen atau cara apa-apa hasil badan manusia digunakan, dikumpulkan, dikendalikan, disimpan atau diangkut atau apa-apa kegiatan lain yang dijalankan adalah memudaratkan kesihatan dan keselamatan mana-mana orang di dalamnya atau selainnya tidak sesuai bagi maksud yang diniatkan, Ketua Pengarah boleh, melalui notis bertulis, mengarahkan pemegang lesen untuk berhenti menggunakan kelengkapan atau hasil badan manusia atau menghentikan kegiatan itu.”

Kita lihat ini ada perbezaan dengan rang undang-undang yang telah diluluskan semalam iaitu Rang Undang-undang Biokeselamatan, di mana di bawah Rang Undang-undang Biokeselamatan, pihak pengusaha diminta memberi satu notifikasi kepada pihak kementerian sekiranya mereka ingin membuat satu perkara. Jadi dalam kes Makmal Patologi ini adakah Makmal Patologi diminta ataupun dimestikan untuk membuat satu notifikasi kepada ketua pengarah sekiranya mereka ingin membuat apa-apa aktiviti sebagai mana yang telah diperincikan di bawah seksyen 45(3) iaitu tentang angkut hasil badan manusia ataupun kegiatan yang boleh memudaratkan kesihatan atau keselamatan mana-mana orang di dalamnya.

Seterusnya di bawah seksyen 54(3), *“Jika makmal patologi atau premis itu adalah jenis yang bergerak, pegawai yang diberi kuasa boleh menyita makmal patologi atau premis tersebut.”*

Saya ingin mendapatkan maklumat daripada pihak Yang Berhormat, apakah dan berapakah bilangan Makmal Patologi yang bergerak. Jenis apakah Makmal Patologi yang bergerak supaya kita boleh mengenal pasti wujud perkara macam ini dan biasanya apa jenis Makmal Patologi yang bergerak.

Seterusnya juga berkait dengan jenayah. Adakah Makmal Patologi kita di Malaysia ini mempunyai kemahiran sebagai mana yang kita lihat kalau kita tengok dalam TV, cerita CSI. Iaitu bagaimana pegawai-pegawai polis itu mempunyai kemahiran yang begitu tinggi dari segi mengesan DNA pesalah-pesalah ataupun pelaku-pelaku jenayah, adakah kita juga di negara kita mempunyai makmal patologi yang boleh mengesan penjenayah-penjenayah ini dan sekiranya ada berapa buah makmal yang ada.

Di bawah seksyen 65 dikatakan bahawa,

“kos memegang barang ataupun segala benda yang disita akan menjadi hutang kepada orang yang didapati bersalah melakukan suatu kesalahan.”

Saya ingin tanya bagi kes-kes yang mana mahkamah mendapati orang yang dituduh tidak bersalah, siapakah yang akan menanggung kos barang-barang yang disita? Ini kerana kita pasti kos untuk memegang barang-barang yang disita melibatkan makmal patologi ini adalah tinggi. Sekian, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dr. Mohd. Puad.

4.23 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan rang undang-undang ini kerana ia adalah begitu penting iaitu melibatkan soal Makmal Patologi. Makmal Patologi ini seperti mana yang kita maklum, ia adalah makmal yang akan membuat kajian terhadap penyakit seperti kanser, metabolik dan sebagainya.

Oleh itu, dengan adanya rang undang-undang ini, selepas ini Makmal Patologi swasta ini yang sebelum ini tidak dikawal maka sekarang ini mereka perlu memohon lesen ataupun diberikan lesen supaya Makmal Patologi ini akan dikendalikan oleh pakar-pakar yang berkelayakan. Ini akan menjamin supaya mutu kesihatan di negara kita ini adalah terkawal.

Ini sebab, sebelum ini kita sering mendengar kes-kes seperti makmal x-ray dikendalikan oleh mereka yang tidak berkelayakan ataupun kedai-kedai *optical* sebagai contohnya tidak dikendalikan oleh orang yang berkelayakan. Dia mudah sahaja, dia kata kiri nampak kah, kanan tak nampak. Jadi mudah kerja itu tapi dengan adanya lesen ini iaitu kecuali hospital kerajaan, maka yang swasta ini sekarang ini dia kena memohon balik untuk mendapatkan lesen dan dia dapat mengendalikan Makmal Patologi ini dengan kawalan oleh pihak kementerian.

Maka dalam soal ini saya ingin menyentuh pertama ialah tentang tempoh lesen ini. Tempoh lesen ini ialah selama tiga tahun. Jadi saya fikir perkara ini adalah terlalu lama sebenarnya tempoh lesen tiga tahun ini. Sepatutnya dua tahun. Jadi dua tahun tempoh lesen itu, kalau sekiranya tiga

tahun ini adalah terlalu lama. Jadi kalau dua tahun, maka dia akan memastikan dalam tempoh dua tahun ini mereka akan menjalankan Makmal Patologi ini dengan lebih profesional dengan lebih berhati-hati. Maksudnya menjaga kualiti mereka kerana untuk memastikan mereka akan mendapat sambungan atau *extension* dengan izin, kepada lesen mereka itu. Jadi saya harap ini boleh diberikan pertimbangan iaitu daripada tiga tahun dipendekkan kepada dua tahun.

Satu lagi tentang pemeriksaan premis ini. Saya harap maksudnya pemeriksaan premis ini tidak dilakukan hanya sebelum lesen itu dikeluarkan. Iaitu mestilah ada pemeriksaan secara berkala untuk memastikan bahawa makmal patologi ini mempunyai kualiti ataupun standard yang tertentu seperti mana yang telah digariskan oleh pihak kementerian dan dikendalikan oleh mereka yang benar-benar berkelayakan. Kadang-kadang kita mendengar kes macam di India itu anak dia pun boleh sama sekali *join* dengan dia untuk buat pembedahan *maternity*. Jadi ini adalah membimbangkan sebenarnya takut nanti ia boleh berlaku di negara kita.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini ialah yang disebutkan tentang mekanisme ketidakpuasan hati. Saya ingin bangkitkan di sini, kenapakah pemegang lesen yang akan menyediakan mekanisme ini. Kenapa bukan pihak yang berkuasa ataupun pihak kementerian. Jadi kalau sekiranya pemegang lesen yang akan menyediakan mekanisme ketidakpuasan hati ini. Maka apakah maksudnya mereka ini akan bersikap jujur sebenarnya dari segi menyediakan mekanisme ini, sebab mereka ini berniaga. Sebab ini Makmal Patologi swasta. Mereka berniaga sebenarnya.

Saya hendak menyentuh juga tentang menggeledah dan menyita tanpa waran ini. Maksudnya pihak yang berkuasa boleh menggeledah dan menyita tanpa waran premis-premis makmal patologi ini. Saya ingin kepastian apakah maksudnya apabila mereka menggeledah tanpa waran ini, mereka hadir di kalangan mereka sahaja atau ada pegawai polis yang turut hadir. Saya perlukan penjelasan ini, sebab dalam rang undang-undang tidak disebut siapakah sebenarnya yang boleh datang dan menyita tanpa waran ini. Tidak disebut kehadiran pegawai polis.

Satu lagi ialah tentang yuran makmal patologi ini. Saya begitu hairan iaitu kenapakah ia tidak dimasukkan dalam rang undang-undang ini dari segi kawalan yuran ini. Apa yang kita dengar tadi bahawa ia akan digubal kemudian. Jadi saya memerlukan penjelasan tentang yuran, sebab ini kita tidak mahu bahawa makmal patologi swasta ini menjadikan ini sebagai *business*. Terutamanya sekarang ini memang kita memerlukan perkhidmatan daripada makmal patologi ini untuk kita memastikan apakah penyakit kita.

Dahulu kita ada kes-kes iaitu mereka yang mendapatkan perkhidmatan daripada makmal patologi ini dimaklumkan tidak ada apa, tak ada penyakit kanser pun, tapi lima enam bulan lepas itu bila pergi ke hospital pakar dia ada kanser. Jadi sebab itulah saya amat bersetuju dengan rang undang-undang ini supaya kita dapat mengawal makmal patologi ini untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Musa.

4.29 ptg.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Makmal Patologi. Saya ada satu dua sahaja yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang lain sudah pun dibahaskan oleh rakan-rakan saya.

Pertama, semasa penubuhan makmal-makmal patologi ini sebelum pemberian lesen ini adakah kakitangan ataupun pegawai daripada kementerian sendiri turun padang melihat adakah makmal ini betul-betul ditubuhkan ataupun selepas pemberian lesen baru kementerian turun padang.

■1630

Yang kedua, saya ingin tahu juga iaitu tiap-tiap negeri, adakah penguatkuasaan atau kakitangan yang mencukupi untuk melawat makmal-makmal patologi ini supaya perkara-perkara yang membimbangkan tidak berlaku. Kita takut pada hari ini apabila Makmal Patologi swasta ditubuhkan, sudah tentulah keuntungan yang difikirkan oleh pekongsi syarikat-syarikat tersebut. Jadi kita takut kalau ada syarikat atau lembaga pengarahnya tiga orang, seorang sahaja yang ada pakar perubatan atau ahli patologi, yang dua lagi itu adalah daripada orang yang lain. Kita juga takut yang dua ini akan tekan yang seorang ini dan kata, "*Kamu kena ikut apa-apa arahan daripada kami.*" Kita takut inilah penyelewengan yang akan berlaku dan ujian-ujian diberi adalah ujian-ujian yang tidak relevan.

Jadi inilah perkara-perkara yang kita minta supaya kementerian mengawasi. Lagi satu, adakah selepas kementerian mendapati bahawa ada makmal-makmal yang menyeleweng ini, hanya ditutup makmal itu sahaja atau adakah tindakan lain yang diambil terhadap lembaga pengarah syarikat tersebut? Jadi, sekian dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin, Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar, Yang Berhormat Puan Mumtaz, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Musa kerana turut serta membahaskan dalam rang undang-undang tersebut.

Seperti yang saya terangkan tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa tujuan roh dan semangat, kenapa kementerian akhirnya selepas 20 tahun berani ke hadapan untuk bawa rang undang-undang ini ke Parlimen, sebelum itu di Dewan Rakyat, sekarang di Dewan Senat adalah semata-mata kerana kita prihatin tentang apa sebenarnya yang berlaku bila akta ini tidak ada.

Pertama sekali, kita semua tahu bahawa sekarang ini sesiapa pun boleh buka makmal patologi, sama ada dia ada pengalaman atau tidak ada pengalaman, sama ada dia pakar patologi atau tidak, sama ada dia pengamal perubatan atau tidak, mereka boleh buka. Mereka boleh namakan apa juga jenis makmal patologi. Mereka boleh buka dengan hanya meminta lesen daripada kerajaan tempatan, itu satu.

Kedua, mereka boleh pameran dan mereka boleh iklankan apa juga perkhidmatan di bawah entiti perniagaan. Tidak ada undang-undang yang kita boleh ambil dan hadapkan mereka ke mahkamah. Atau mereka boleh mengenakan fi sesuka hati mereka yang mereka rasa patut. Apatah lagi makmal-makmal yang dikatakan dimonopoli yang berselerak di bandar-bandar tertentu. Itu kita tidak tengok lagi siapakah pegawai-pegawai yang mengendalikan makmal tersebut. Apakah peralatan-peralatan yang mereka gunakan itu mempunyai dan mengikuti piawaian-piawaian tertentu. Ini juga tidak boleh dilakukan oleh kita kerana kita tidak ada peruntukan undang-undang bagi mengawal selia kewujudan makmal-makmal tersebut.

Sebab itulah kita memberanikan diri kepada dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *political will* di bawah kepimpinan kementerian yang baru untuk kita bawa supaya bukan sahaja kita pastikan mereka yang hendak buka perkhidmatan makmal patologi swasta ini berkelayakan, mereka juga memastikan kena mengikuti peraturan-peraturan tertentu dari sudut kepegawaian atau modal insan.

Kedua, memastikan peralatan-peralatan itu adalah sesuai yang akan ditetapkan dalam peraturan yang diberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau dahulu pelanggan atau pesakit tidak boleh kompelin, katakan kalau dia pergi ke makmal patologi 'A' di swasta, tiba-tiba diperiksa darahnya, dia dikatakan ada Hepatitis 'C'. Dia pun susah hati, berminggu-minggu tidak boleh tidur, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian dia pergi ke makmal kerajaan, pergi hospital dan periksa, tiba-tiba didapati bahawa keputusan tersebut adalah negatif.

Jadi dia boleh membebel seorang diri sahaja Tuan Yang di-Pertua, kerana dia tak boleh kompelin. Dengan adanya akta tersebut, ada mekanisme-mekanisme tertentu untuk dia menyuarakan kompelinnya atau rasa ketidakpuasan hati dan jika orang yang bertanggungjawab itu tidak respons kepada ketidakpuasan hati pelanggan ini, dia boleh didenda sehingga RM50,000.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, secara holistiknya rang undang-undang ini adalah untuk memastikan bahawa ada elemen-elemen kebertanggungjawaban atau apa yang kita panggil *autoregulation*. Maknanya kita memberi tanggungjawab sepenuhnya kepada pemegang lesen. Inilah dia ciri-ciri apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita katakan, "*first class mentality*" iaitu dengan ada rasa tanggungjawab yang tinggi kepada orang yang kita amanahkan, maka mereka rasa terpanggil untuk menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab ini. Jika mereka tidak menunaikan tanggungjawab ini kerana mereka adalah tergolong di dalam orang-orang profesional, pemegang lesennya mesti pengamal perubatan.

Kalau pegawai sains, dia hendak membuka syarikat yang berbentuk memberikan perkhidmatan makmal patologi, dia kena cari *partner* dia dengan pengamal perubatan berdaftar iaitu pegawai perubatan yang berdaftar mengikut Akta Perubatan 1971. Tidak kiralah sama ada dia rakyat atau bukan rakyat. Kalau dia bukan rakyat, dia mesti juga berdaftar sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau tidak dapat saya berikan secara terperinci umpamanya jumlah yang tertentu mengikut tahun-tahun yang tertentu, saya mohon menjawabnya secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

■ 1640

Pertama sekali Yang Berhormat Munusamy kata, premis yang sedang berjalan sekarang. Premis yang sedang berjalan, jalanlah macam biasa tetapi bila kita kuatkuasakan akta tersebut, dia diberi masa sehingga enam bulan untuk melengkapkan apa juga kekurangan bagi memastikan lesen dia itu boleh diteruskan beroperasi.

Kedua, ramai juga Yang Berhormat tadi tanya sama ada pasal jawatankuasa penasihat mengenai kerahsiaan, mengenai fi, mengenai sisa buangan klinikal, mengenai penguatkuasaan, iklan dan maklumat kerahsiaan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini jawatankuasa penasihat yang diperuntukkan dalam akta tersebut adalah bagi memastikan perjalanan organisasi makmal patologi itu berjalan dengan baik dan siapa yang melantik mestilah 'orang yang bertanggungjawab' tadi, OYB, 'orang yang bertanggungjawab'. Dia akan melantik kerana dia ada sifat dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *autoregulation* tadi. Jadi kalau dia lantik penasihat itu dia lebih bertanggungjawab bagi memastikan perjalanan aktiviti-aktiviti dalam makmal patologi itu berjalan dengan baik dan jika dia tidak buat kita juga mempunyai kuasa untuk bawa dia ke mahkamah.

Kedua adalah mengenai fi. Seperti saya katakan tadi semua sekali kuasa ini ada kuasa pada menteri dan bila undang-undang ini diputuskan sekarang ini tidak ada keseragaman dalam *fee*, makmal patologi swasta boleh sewenang-wenangnya menetapkan *fee* kadang-kadang tidak masuk akal dan kadang-kadang oleh sebab elemen iklan yang agresif pengguna boleh terpengaruh. Sekarang ini untuk pengetahuan Dewan yang mulia, orang yang hendak buat ujian di makmal patologi ini mesti mendapat cadangan daripada doktor perubatan atau doktor pergigian. Sekarang ini dia lalu sahaja dekat premis makmal patologi itu dia boleh panggil, boleh iklan dia kata ada bayar berapa ringgit ada 100 *test* boleh buat.

Sekarang ini tidak bolehlah bila akta ini diluluskan dan diguna pakai, hanya pegawai perubatan atau pegawai pergigian yang boleh mencadangkan sesuatu ujian itu dibuat kepada pesakit.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Mohon laluan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Nanti, belum lagi. Yang Berhormat Munusamy, mengenai iklan tadi saya sudah jawab, *fee* pun akan ditentukan bila peraturan ini diguna pakai dan digubal bila menteri ada kuasa untuk menentukan *fee* dan peraturan-peraturan lain.

Yang Berhormat Munusamy juga tanya fasal jawatankuasa penasihat, ini pun saya sudah terangkan dan antara fungsi jawatankuasa penasihat ini adalah untuk memastikan kualiti, standard, *assurance* yang diamalkan dalam makmal tersebut mengenai piawaian-piawaian tertentu dan sudah pasti mengambil kira faktor-faktor keselamatan dan juga keselamatan pekerja di premis tersebut.

Yang Berhormat Senator Ahmad Husin menyatakan mengapa pegawai saintifik tidak disebut. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa pegawai atau pengamal perubatan sahaja dia tidak selesai, dia perlu satu rangkaian *networking* yang *complete* daripada jururawat sampai kepada pegawai sains dalam memastikan rawatan pesakit itu adalah yang terbaik. Jadi saya terima cadangan Yang Berhormat dan insya-Allah dalam peraturan-peraturan makmal yang diberi kuasa kepada menteri kita akan pastikan kehadiran pegawai-pegawai saintifik ini menetapi roh, semangat dan kehendak dalam rang undang-undang tersebut. Buat masa ini kita mengiktiraf pegawai perubatan yang ada disiplin patologi dan juga mengiktiraf pegawai saintifik umpamanya mengkaji kuman, kaji macam-macam lagi kajilah bagi memastikan diagnosis pesakit itu dapat ditentukan pada kadar yang lebih segera.

Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar menanyakan pegawai yang diberi kuasa mengikut Akta 14. Untuk pengetahuan Dewan mengikut Fasal 2 Rang Undang-undang Makmal Patologi menyatakan bahawa pegawai yang diberi kuasa ertinya mana-mana ahli patologi, pegawai sains atau juruteknologi makmal atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah di bawah Fasal 52 iaitu Ketua Pengarah boleh melantik pegawai yang diberi kuasa sebagaimana yang disifatkannya perlu bagi memastikan akta tersebut dapat berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Ahmad Husin juga menyatakan bahawa tatacara penggantungan dan pungutan makmal di bawah Fasal 35, hingga Fasal 37, saya hendak maklumkan bahawa memang kuasa dalam akta tersebut banyak diberikan kepada dua institusi iaitu institusi ketua pengarah dan juga institusi menteri. Ini adalah perkara biasa dalam rang undang-undang mana-mana pun bagi memastikan bukan hendak bagi banyak kuasa kepada ketua pengarah atau menteri tetapi adalah untuk memastikan akta tersebut dapat berjalan dengan baik dan kita semua tahu ketua pengarah dan menteri adalah institusi dan sudah pasti mereka akan diberi nasihat secukupnya bagi memastikan perjalanan dan fasal-fasal dalam akta tersebut dapat berjalan dengan baik.

Umpamanyalah dalam hal penutupan ini, jika ketua pengarah mendapati bahawa makmal mendatangkan bahaya besar kepada orang awam, ketua pengarah boleh perintahkan makmal ditutup dan orang yang terkilan dengan keputusan ini boleh merayu kepada menteri dalam masa 30 hari dan ini dinyatakan dalam Fasal 72(2)(g) dan menteri boleh selepas meneliti rayuan itu secara

menyeluruh boleh mengesahkan, membatalkan atau mengubah apa juga keputusan yang dibuat oleh ketua pengarah.

Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar juga ingin menanyakan sejauh mana boleh mengawal penguatkuasaan. Saya setuju dengan Yang Berhormat kita ada banyak rang undang-undang, *bill* macam-macam kita lulus, perkara yang paling susah kita hendak lakukan adalah penguatkuasaan.

■1650

Seperti saya katakan tadi, dalam bacaan rang undang-undang ini adalah selari dengan akta *Private Healthcare Facility Act*. Jadi dia sebenarnya saling bantu-membantu dan buat masa ini kita tidak ada sangat masalah besar dalam penguatkuasaan dan dalam rang undang-undang ini kita telah pun memohon 60 jawatan daripada JPA dan ada jawatan tambahan bagi memastikan kita mempunyai satu kekuatan dalam pengawalan undang-undang tersebut.

Yang Berhormat Puan Mumtaz bertanyakan..., banyak perkara ini, mana yang saya sempat saya jawab, saya jawablah. Pertama sekali pelan mekanisme ketidakpuasan hati di bawah Fasal 27.

Seperti saya nyatakan tadi kita menyerahkan tugas kepada orang yang bertanggungjawab, *person in charge* dalam organisasi itu untuk membentuk satu pelan mekanisme bagi memastikan apa juga aduan. Pelan ini akan di garis panduan dalam peraturan-peraturan yang akan kita tetapkan kemudian.

Yang Berhormat Puan Mumtaz juga bertanyakan kuasa Ketua Pengarah dalam memastikan rekod dan juga kerahsiaan data itu sampai bila.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tempoh ini akan kita tentukan bila kiat buat peraturan tetapi memang wajib untuk menyimpan data-data dan rekod tersebut dan kita akan pastikan bahawa rekod ini tidak akan dijual, dicuri macam CTOSlah... [*Ketawa*] Kita ada punitif yang berat bagi mereka-mereka yang menjual rahsia. Jadi, mungkin tidak ada peraturan tertentu, maka dia boleh jual dengan harga RM25...

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya minta laluan bolehkah?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Nanti hendak terangkan ini. Banyak ini, Puan Mumtaz. Kedua penutupan makmal. Apabila penutupan dibuat atas arahan Ketua Pengarah? Ketua Pengarah akan menentukan prosedur, pertama sekali tentang pemindahan data-data dan juga spesimen kepada makmal patologi yang lain sebab apabila kita tutup sudah pasti ada kerja-kerja *histopathology* atau hematologi atau ujian darah yang tidak sempat dikendalikan oleh makmal tersebut, sebelum dia ditutup kita pastikan pertama spesimen-spesimen ini yang tidak siap itu dihantar kepada makmal patologi yang lain. Data-data ini juga perlu disimpan bagi memastikan yang data-data dapat disimpan dengan secara elok.

Yang Berhormat juga tanya apakah bila dia tutup, pesakit yang merasa ia kerugian ekoran daripada penutupan ini, itu kita akan ambil kira sebagai cadangan yang baik daripada Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga tanya bilangan Ahli Patologi. Ahli Patologi di Kementerian Kesihatan ini ada 300 orang. Kita mempunyai cukup kakitangan dan tidak ada bukti bahawa jika ada akta ini atau tidak ada akta ini pun yang pakar ini boleh berhenti, tidak ada bukti nyata.

Kalau tidak ada rang undang-undang ini pun kalau dia hendak berhenti, dia tidak berhenti. Cuma saya boleh pastikan ramai daripada Pakar Patologi yang berada dalam kerajaan ini mereka adalah yang betul-betul dedikasi.

Yang Berhormat juga menanya fasal sama ada ia melibatkan forensik patologi, dia tidak melibat. Tengok *CS/* itu, terus tengoklah, tidak apa.

Yang Berhormat senator...

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya ada tiga soalan untuk penjelasan. Yang pertama berkaitan bila saya katakan, masalah kita bimbang ada tempoh tertentu, adakah rekod yang disimpan itu mungkin akan dilupuskan. Pasal dicuri atau dirahsiakan, saya jamin insya-Allah pihak kerajaan akan merahsiakan ataupun pihak yang berkenaan akan rahsia. Cuma saya bimbang takut dilupuskan ada tarikh-tarikh tertentu dan data-data atau spesimen tersebut akan dilupuskan dan kalau dilupuskan itu berapa lama, sebab takut kalau jadi kes jenayah macam mana, yang pertama.

Yang kedua, adakah sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat tadi tentang bahawa ramai sebelum ini pakcik-pakcik yang teraniaya akibat kecuaiannya oleh makmal patologi sebelum ini, adakah dengan lulusnya akta ini, dia mempunyai satu kuasa retrospektif maknanya yang kes-kes yang sudah berlaku boleh saman tidak?

Yang ketiga, Yang Berhormat juga katakan tadi bahawa sebelum ini mana-mana pihak ataupun makmal patologi boleh membuat iklan, ada 200 *test* untuk RM200. Jadi sekarang sudah tidak boleh selepas pengenalan akta ini kerana mereka memerlukan satu surat rujukan atau *reference letter*, sama ada daripada doktor atau daripada Pakar Pergigian. Saya hendak minta penjelasan di bawah seksyen mana yang mengatakan bahawa perlu ada *reference letter* untuk sebarang makmal patologi mengadakan ujian kepada pesakit. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Pasal lupus ini ada masa tertentu, kalau ada implikasi perundangan, kita akan masukan dalam peraturanlah. Kedua retrospektif tidak ada, jadi kalau dia susah hati dahulu, dia terus susah hatilah. Dia tidak boleh *complain* dengan adanya...dia bukan mengenai kuasa untuk melakukan ujian, kita ada pengecualian, tetapi untuk ujian sekarang ini kita boleh pergi ke makmal dan kita boleh *request*, sekarang ini tetapi dengan penguatkuasaan akta ini keperluan untuk ujian darah, kencing apa-apa pun hanya boleh diberi atas arahan pegawai perubatan berdaftar atau pegawai pergigian berdaftar.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi menyatakan tentang Fasal 27, kenapa mekanisme ketidakpuasan hati diadakan oleh pemegang lesen dan kenapa tidak diwujudkan oleh kerajaan. Seperti saya nyatakan tadi, semangat dan roh ini adalah untuk memberi kuasa sepenuhnya dan dia bersifat *autoregulation* kepada pemegang lesen atau orang yang berkuasa, orang yang diberi

amanah, atau *person in charge*. Jadi kita yakin bahawa jika kita memberi keyakinan terus kepada mereka, walaupun dia ada elemen-elemen perniagaan, tetapi kita kena ingat bahawa pemegang lesen itu dia mesti adalah terdiri daripada pengamal perubatan, dia profesional dan elemen-elemen profesional inilah sebenarnya yang memastikan pelan mekanisme ketidakpuasan hati ini perlu diwujudkan oleh mereka dan mereka mesti bertanggungjawab. Kalau dia sambil lewa tidak layan, bukan sahaja kita boleh saman dia, kita boleh bawa ke mahkamah.

■ 1700

Akan tetapi kita boleh gunakan dalam akta ini untuk gantung dia, boleh. Ini adalah kuasa, sebab itu kita memberikan sepenuhnya kuasa kepada orang yang bertanggungjawab. Justeru itu, ia juga *explain* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebab itu kita bagi lesen tiga tahun, sudah pasti ada Yang Berhormat cakap kenapa tidak setahun, kenapa tidak dua tahun? Sebab ada elemen-elemen *auto regulation* kita hendak pastikan. Kalau setahun, dua tahun, mungkin ia menyusahkan dari sudut, sebab setahun pendek sangat, kadang-kadang hendak menentukan peraturan-peraturan dalam makmal tersebut. Jadi kita bagi masa tiga tahun itu adalah masa yang agak *appropriate*.

Selain daripada pemeriksaan-pemeriksaan mengejut, kita juga akan terus melakukan pemeriksaan berskala. Mengejut selalunya kita dapat maklum daripada dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *intelligent*, kadang-kadang saya pergi ke Kuala Terengganu, ada Yang Berhormat beritahu saya, ada makmal ini macam-macam buat. Saya terus ambil tindakan susulan dengan mengarahkan pegawai saya. Jadi sebab itu, kadang-kadang dalam akta tersebut Ketua Pengarah mempunyai kuasa tanpa kehadiran polis, kita ada kuasa untuk buat *raid*.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Musa bertanyakan bahawa buat lawatan sebelum ini atau tidak? Jadi sebenarnya kita bolehlah buat lawatan, sebelum ini kita sudah buat lawatan, tapi kita tidak ada gigi Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh gigitlah, kalau dia buat salah pun tidak boleh gigit, kita boleh senyum saja, tetapi sekarang kalau akta ini diluluskan, kita boleh gigit. Jadi bukan maknanya pegawai saya tidak melawat, ada juga tetapi oleh sebab klausa-klausa tertentu tidak ada peruntukan-peruntukan dalam undang-undang, maka kita tidak boleh ambil tindakan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 87 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN MELALUI UDARA (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.06 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Melalui Udara 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu rang undang-undang yang bernama Akta Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007. Sistem liabiliti pengangkutan udara antarabangsa yang diamalkan oleh negara Malaysia ini adalah berdasarkan kepada Konvensyen Warsaw 1929, yang mana Malaysia adalah negara penjanji kepada Konvensyen Warsaw itu. Konvensyen Warsaw berkuat kuasa pada 13 Februari 1933 dan kini 151 negara menjadi negara pihak kepada Konvensyen Warsaw tersebut.

Konvensyen Warsaw 1929 mewujudkan satu sistem dengan izin, *presumptive liability* ke atas pengangkutan udara, di mana jumlah ganti rugi yang boleh dituntutnya dihadkan. Konvensyen Warsaw kemudiannya telah dipinda oleh Protokol Hague 1955. Protokol Hague berkuat kuasa pada 1 Ogos 1963 dan telah diratifikasikan oleh 126 negara. Protokol ini meminda sebahagian peraturan berhubung dengan liabiliti di bawah Konvensyen Warsaw. Secara ringkasnya Protokol Hague 1955 menambah baik had liabiliti penumpang dan memudahkan keperluan dokumen kargo.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Protokol Hague 1955, terdapat satu lagi dengan izin, *Supplementary Convention* kepada Konvensyen Warsaw 1929 yang dikenali sebagai Guadalajara 1961. Konvensyen Guadalajara merupakan pindaan tambahan ke atas Konvensyen Warsaw dan Protokol Hague. Dan Konvensyen Guadalajara ini berkuat kuasa pada Mei 1964 dan diratifikasikan oleh 77 negara.

Tuan Yang di-Pertua, Konvensyen Guadalajara 1961 ini membenarkan peraturan di bawah Konvensyen Warsaw dan Protokol Hague diterima pakai kepada pihak ketiga, iaitu bagi

perkhidmatan berbentuk peraturan kod dengan izin, *code-share arrangement* kepada *contracting and actual operating carrier*, dengan izin. Walau bagaimanapun, di bawah Konvensyen Guadalajara ini, *actual carrier* dengan izin, tidak tertakluk kepada sebarang perjanjian khas oleh pengangkut melainkan telah dipersetujui secara khusus oleh *actual carrier*. Kedua-dua konvensyen dan protokol tersebut telah diterima pakai ke dalam undang-undang domestik melalui penggubalan *Carriage By Air Act 1974*, dengan izin.

▪ 1710

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini merupakan pindaan ke atas Akta Pengangkutan Melalui Udara 1974 berikutan dengan keputusan negara untuk menyertai *Convention For The Unification of Certain Rules for International Carriage By Air* iaitu Konvensyen Montreal 1999 dan *Additional Protocol No. 4, to amend convention for the unification of certain rules relating to international carriage by air 1975* dengan izin. Konvensyen Montreal 1999 dan Protokol Montreal No. 4 ini digubal oleh *International Civil Aviation Organization* bertujuan untuk menggubal satu rejim tanggungan yang baru bagi menyemak semula peruntukkan yang disediakan di bawah Konvensyen Warsaw 1929 yang dipinda oleh Protokol Hague 1955. Ia juga bertujuan memastikan kemajuan yang terkawal dalam operasi pengangkutan udara antarabangsa dan keseragaman dalam penerimaan peraturan-peraturan tertentu di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana dinyatakan sebelum ini, sebelum Konvensyen Montreal 1999 digubal, liabiliti pengangkutan udara diperuntukkan di bawah Konvensyen Warsaw 1929, Konvensyen Guadalajara 1961 dan beberapa protokol tambahan seperti Protokol Hague 1955 serta Protokol Montreal 1 hingga 4 1975. Kini selari dengan tuntutan peredaran masa, Konvensyen Warsaw ini didapati tidak lagi selaras dengan keadaan ekonomi dan perundangan semasa. Penetapan had liabiliti rendah telah menimbulkan ketidakadilan kepada pengguna pengangkutan udara terutamanya bila berlaku kejadian kemalangan udara, kerosakan serta kehilangan bagasi atau kargo yang disebabkan oleh masalah kelewatan dan pengendalian yang dialami oleh pengangkut udara sebagai contohnya, ganti rugi yang diberikan adalah berdasarkan kepada berat bagasi atau barang yang hilang. Bukannya berdasarkan kepada nilai barang-barang tersebut.

Selain daripada itu, Konvensyen Montreal 1999 ini memperkenalkan kemudahan tempahan melalui *internet* dan sistem tiket elektronik. Tuan Yang di-Pertua, untuk menetapkan had liabiliti yang lebih realistik dan adil, syarikat-syarikat pengangkut udara telah mewujudkan pelbagai perjanjian semasa mereka untuk menaikkan atau mengecualikan had tanggungan di bawah Konvensyen Warsaw. Walau bagaimanapun perjanjian-perjanjian tersebut tidak boleh meminda konvensyen berkenaan kerana ia memerlukan tindakan oleh kerajaan masing-masing. Berikutan itu, Konvensyen Montreal 1999 diwujudkan melalui suatu persidangan diplomatik di Montreal pada bulan Mei 1999. Konvensyen ini berkuat kuasa pada 4 November 2003. Sehingga kini sebanyak 78 negara telah menjadi negara penjanji kepada konvensyen ini. Konvensyen Montreal 1999 merupakan usaha IKO

untuk menambah baik Konvensyen Warsaw melalui beberapa pindaan yang mana melalui kaedah ini, ia menggalakkan syarikat-syarikat pengangkut udara untuk tidak mengadakan *inter-carrier agreement* dengan izin sesama mereka seperti yang biasa dan sedang diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Konvensyen Montreal 1999 digubal dengan tujuan untuk menyatukan, mengemas kini dan akhirnya menggantikan kesemua perjanjian antarabangsa yang berkaitan dengan liabiliti pengangkutan udara termasuklah Konvensyen Warsaw 1929 akhirnya. Selepas ini akan tiada lagi sebarang pindaan atau pembaharuan kepada Konvensyen Warsaw 1929. Antara penambahbaikan yang diperuntukkan oleh Konvensyen Montreal 1999 dan Protokol Montreal adalah seperti berikut;

- (i) memansuhkan had liabiliti yang berbentuk *arbitrary*;
- (ii) mengenakan *strict liability* bagi kes-kes kematian atau kecederaan fizikal;
- (iii) menyenaraikan kod *sharing liability* bagi syarikat yang mengendalikan penerbangan dan syarikat yang berkontrak dengan syarikat yang mengendalikan perkhidmatan; dan
- (iv) memperkenalkan bidang kuasa tambahan kelima dan membolehkan syarikat-syarikat penerbangan menikmati kelebihan yang disediakan dalam penggunaan sistem elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Konvensyen Montreal diperkenalkan, ganti rugi bagi kes kematian dan kecederaan penumpang di bawah Konvensyen Warsaw memperuntukkan jumlah ganti rugi sebanyak RM48,000. Jumlah ini bersifat *arbitrary* atau tidak munasabah berdasarkan kepada keadaan semasa menyebabkan banyak syarikat-syarikat penerbangan yang telah mengetepikan had yang ditentukan. Keadaan ini menjadi semakin sukar apabila perundangan domestik negara-negara lain melihat pemakaian had ganti rugi atau liabiliti sebagai satu *exception* dengan izin, dan bukannya sebagai satu peraturan. Dengan adanya Konvensyen Montreal 1999, satu peraturan seragam telah diterima pakai.

Di bawah Konvensyen Montreal 1999, *strict liability* dengan izin telah diperkenalkan terutamanya untuk kes kematian atau kecederaan fizikal. *Strict liability* di bawah Konvensyen Montreal secara ringkasnya bermaksud bahawa, syarikat penerbangan tidak boleh mengecualikan atau menghadkan tanggungjawab..., tanggungnya, minta maaf, tanggungannya untuk 100,000 hak pengeluaran khas ataupun *special withdrawing rights* atau RM500,000 setiap seorang penumpang sekiranya kes kematian atau kecederaan berlaku dalam pesawat syarikat penerbangan semasa ia sedang menjalankan mana-mana perkhidmatan bagi tujuan menaik atau menurunkan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat penerbangan juga dikehendaki membuat sejumlah pembayaran pendahuluan kepada mangsa dan keluarga mangsa secara serta-merta selepas berlakunya sesuatu kejadian. Jumlah bayaran pendahuluan kebiasaannya ditentukan oleh pihak insurans syarikat-syarikat penerbangan. Tuntutan yang melebihi jumlah *strict liability* ini

bagaimanapun tidak akan dibayar oleh syarikat penerbangan sekiranya ia berjaya membuktikan bahawa kematian atau kecederaan yang berlaku bukanlah disebabkan oleh kecuaiian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes-kes yang melibatkan kelewatan di bawah Konvensyen Montreal 1999, penumpang-penumpang berhak menuntut ganti rugi sehingga 4,150 hak pengeluaran khas atau RM20,000. Secara perbandingan, Konvensyen Warsaw tidak mempunyai peruntukan bagi kes-kes kelewatan penerbangan dan ini menyebabkan penumpang terpaksa membuat tuntutan di mahkamah. Sebagai tambahan kepada perbandingan antara Konvensyen Warsaw dan Konvensyen Montreal bagi kes-kes yang disebabkan oleh salah kendalian, dengan izin, *mishandle*, bagasi yang didaftar masuk, nilai ganti rugi yang boleh dituntut di bawah Konvensyen Warsaw sebanyak RM48 sekilogram.

Sementara bagasi kabin yang di salah kendalikan, tuntutan yang dibenarkan adalah sebanyak RM960.00 bagi setiap penumpang. Sebaliknya, hal perkara yang serupa faktanya, Konvensyen Montreal menetapkan kadar yang boleh dituntut oleh penumpang bagi salah satu kes salah kendalian adalah sebanyak 1,000 hak pengeluaran khas atau RM5,000.00 setiap seorang dan jelas menunjukkan peningkatan yang ketara ke atas jumlah ganti rugi yang boleh dituntut oleh penumpang. Tuan Yang di-Pertua, bagi pengangkutan kargo pula, jumlah ganti rugi yang boleh dituntut di bawah Konvensyen Warsaw adalah sebanyak RM48 sekilogram sementara Konvensyen Montreal menetapkan kadar ganti rugi sebanyak 17 hak pengeluaran khas atau RM85 setiap sekilogram.

Namun begitu, syarikat penerbangan tidaklah bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan sekiranya terbukti bahawa ia berserta kakitangan dan ejennya telah mengambil kesemua langkah yang dikehendaki untuk mengelakkan sebarang kerosakan akibat kelewatan tersebut dari terjadi ataupun terdapat bukti bahawa adalah mustahil bagi syarikat penerbangan atau kakitangannya atau ejennya untuk mengambil langkah-langkah halangan itu. Pada masa yang sama, dalam penyebaran ganti rugi di bawah Konvensyen Montreal, syarikat-syarikat penerbangan boleh membuat tuntutan ke atas ejennya jika didapati ejennya mengakibatkan kejadian kelewatan berlaku.

■ 1720

Ejen-ejen yang dimaksudkan adalah ejen pelancongan, *ground handler* dengan izin dan juga pengendali bagasi. Peruntukan ini tidak terdapat di bawah Konvensyen Warsaw. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Konvensyen Montreal tahap ganti rugi yang ditetapkan yang melibatkan *strict liability*, kes-kes kelewatan dan salah kendalian bagi bagasi dan kargo boleh disemak semula setiap lima tahun sekali. Yang mana *International Civil Aviation Organization*, sebagai pihak *depository* dipertanggungjawab untuk melaksanakan penyemakan semula tersebut. Semakan semula tahap ganti rugi ini diperkenalkan bagi mengelakkan daripada had ganti rugi yang ditetapkan pada suatu masa itu menjadi tidak munasabah.

Bagi syarikat-syarikat penerbangan yang mengadakan perkhidmatan secara perjanjian kod, penumpang-penumpang di bawah Konvensyen Montreal dibenarkan membuat tuntutan ke atas syarikat yang menjalankan operasi dan juga syarikat yang berkontrak dengan syarikat yang beroperasi itu. Ini adalah berbeza dengan Konvensyen Warsaw yang mana penumpang yang menaiki pesawat dan mengadakan perkhidmatan secara perjanjian kod hanya boleh membuat tuntutan ke atas syarikat penerbangan yang mengendalikan penerbangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Konvensyen Warsaw, tuntutan ganti rugi boleh dimulakan di mana-mana satu daripada empat bidang kuasa berdasarkan faktor:

- (i) negara di mana syarikat penerbangan tersebut bermastautin;
- (ii) negara di mana merupakan tempat utama syarikat penerbangan menjalankan perniagaannya;
- (iii) negara di mana kontrak itu dilaksanakan iaitu di mana jual beli tiket dilakukan; dan
- (iv) negara yang merupakan destinasi terakhir bagi syarikat penerbangan itu.

Namun begitu, bagi Konvensyen Montreal, walaupun Konvensyen Montreal masih mengekalkan keempat-empat bidang kuat kuasa yang terdapat di bawah Konvensyen Warsaw, Konvensyen Montreal telah memperkenalkan satu bidang kuat kuasa tambahan.

Kelima ataupun *fifth jurisdiction*, bertujuan membantu penumpang atau keluarga mangsa mengatasi kesulitan membuat tuntutan untuk kes-kes kematian atau kecederaan yang mana tuntutan boleh dibuat di negara, di mana penumpang tersebut bermastautin walaupun syarikat penerbangan tersebut tidak beroperasi di negara, di mana penumpang itu bermastautin.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan perkembangan teknologi semasa sistem tiket ataupun *e-ticket* dengan izin, dan surat angkutan udara elektronik iaitu *e-airway bills* telah digunakan dengan meluas untuk perkhidmatan penumpang dan kargo. Di bawah Konvensyen Warsaw, tiket hendaklah diberi secara fizikal kepada penumpang, di mana ia menunjukkan maklumat penerbangan, tag bagasi dan notis tahap ganti rugi yang terpakai.

Sekiranya tiket tidak diberi kepada penumpang, syarikat penerbangan tidak boleh menggunakan tahap ganti rugi yang ditetapkan. Akan tetapi Konvensyen Montreal telah memansuhkan peraturan tersebut. Sebaliknya adalah memadai dengan penumpang diberikan resit ataupun nombor rujukan tempahan sahaja. Khusus bagi perkhidmatan kargo Konvensyen dan Protokol Montreal telah membantu pelaksanaan sistem angkutan udara elektronik di mana syarikat penerbangan dibenarkan menggantikan surat angkutan udara dengan memberikan notis yang mengandungi maklumat yang mengandungi maklumat yang berkenaan sahaja. Kaedah ini telah memudahkan cara urusan perniagaan, mempercepatkan transaksi perniagaan dan secara tidak langsung mengurangkan kos pentadbiran yang ditanggung oleh syarikat-syarikat penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua huraian dan penjelasan yang saya nyatakan tadi merupakan penambahbaikan di bawah Konvensyen dan Protokol Montreal. Dengan penyertaan Malaysia kepada Konvensyen dan Protokol ini ianya akan diguna pakai untuk perkhidmatan udara antarabangsa antara Malaysia dan 78 negara lain yang telah meratifikasi atau menyertai Konvensyen dan Protokol Montreal. Untuk membolehkan Konvensyen dan Protokol ini diaplikasikan dalam undang-undang domestik pindaan terhadap Akta Pengangkutan Melalui Udara 1974 perlu dilakukan.

Pindaan-pindaan yang diperlukan ke atas akta asal seperti yang dibentangkan pada hari ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa bagi akta yang dipinda.

Fasal 2 meminda seksyen 1 akta asal di mana pindaan ini memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong bagi memperakui tarikh permulaan kuat kuasa konvensyen dipinda dan Konvensyen Montreal.

Fasal 3 memasukkan takrif baru bagi perkataan "Konvensyen Dipinda," "Konvensyen Pengangkutan Melalui Udara", "Konvensyen Montreal", "Protokol Montreal No. 4 Tahun 1975 dan "Pihak Negara."

Fasal 4 meminda seksyen 4 akta asal dengan memasukkan subseksyen 1A untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong bagi memperakui apa-apa semakan had tanggungan yang diwujudkan menurut perkara 24 Konvensyen Montreal.

Fasal 5, 6, 7, 8 dan 9 masing-masing adalah pindaan kepada seksyen 5, 6, 7, 8, dan 9 yang berbangkit hasil daripada pelaksanaan Konvensyen Montreal 1999 dan Protokol Montreal No. 4 Tahun 1975. Fasal 10 meminda seksyen 10 akta asal dengan memperuntukkan bagi kes-kes dan pengemukaan kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia. Dengan izin, *submission* mengikut perkara 28 konvensyen. Perkara 28 konvensyen dipinda atau perkara 33 dan 46 Konvensyen Montreal di mana ianya terpakai.

Fasal 11 memasukkan seksyen baru 11A yang memperuntukkan supaya konvensyen dipinda dan Konvensyen Montreal mempunyai kuat kuasa undang-undang di Malaysia setakat mana ia berhubung dengan hak syarikat penerbangan, kakitangan, ejen, penumpang, pengirim konsain, penerima konsain dan orang lain tanpa mengira kewarganegaraan pesawat udara yang melakukan pengangkutan tersebut.

Fasal 12 adalah pindaan yang berbangkit hasil daripada penyertaan Malaysia kepada Konvensyen dan Protokol Montreal.

Fasal 13 adalah pindaan kepada jadual keempat akta asal yang melibatkan pertukaran tarikh beberapa enakmen pengangkutan di Malaysia.

Fasal 14 memasukkan teks bagi Protokol Montreal No. 4 Tahun 1975 sebagai jadual kelima kepada akta asal.

Fasal 15 pula memasukkan teks bagi Konvensyen Montreal 1999 sebagai Jadual Keenam kepada akta asal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa akta ini tidak akan melibatkan tambahan perbelanjaan wang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada mana-mana Yang Berhormat menyokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Melalui Udara 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Puad.

5.38 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan rang undang-undang yang mana kita akan menerima Konvensyen ataupun Protokol Montreal ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengangkutan udara merupakan satu pengangkutan yang cukup penting kepada kita terutamanya dalam urusan-urusan yang memerlukan kita untuk sampai ke satu tempat itu yang agak jauh dan kita mempunyai tugas-tugas yang begitu penting.

Kebiasaannya kita akan menggunakan pengangkutan udara dan sebab itulah apabila kita berhadapan dengan banyak masalah terutamanya daripada kemudahan-kemudahan yang ada pada syarikat ataupun pesawat udara itu sendiri, maka ini membawa kesan kepada kita. Apabila kita menerima Konvensyen ataupun Protokol Montreal ini, maka sebenarnya ini adalah penting bagi kita untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik terutama jika kita menggunakan pengangkutan udara syarikat-syarikat penerbangan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini seperti mana yang saya sebutkan tadi apabila sebelum ini kita tidak menyertai konvensyen ataupun protokol ini, maka kita melihat penumpang-penumpang sebenarnya sering menjadi mangsa kepada syarikat pengangkutan udara.

■1730

Maka dalam soal ini, perkara awal yang ingin saya bangkitkan ialah tempat aduan. Apabila kita berhadapan dengan pengangkutan udara yang kita gunakan kemudahannya. Maka di manakah aduan ini boleh dilakukan terutamanya jika sekiranya ia berlaku di luar negara. Iaitu bagaimana kita hendak ambil tindakan. Oleh itu, kemudahan seperti ini perlu ada. Pusat untuk kita membuat aduan ini yang memberi kemudahan kepada pengguna untuk membuat aduan.

Tuan Yang di-pertua, saya ingin menyentuh tentang Bab III, Perkara 17- iaitu mengenai dengan kematian dan kecederaan ini. Ia tidak memperjelaskan apa yang dimaksudkan sebagai kecederaan. Barangkali di sini kita perlukan satu penjelasan yang lebih telus yang dimaksudkan

sebagai kecederaan. Saya mengambil satu contoh mengenai dengan pesawat-pesawat penerbangannya seperti MAS sekarang ini atau pun AirAsia yang tempat duduknya itu adalah begitu rapat. Kita ini, kalau yang macam saya ini yang tinggi ini ya, tempat ruang kaki saya cukup sempit sebenarnya.

Kalau penerbangan itu mengambil masa yang begitu lama contohnya daripada Kuala Lumpur ke London ya, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya selalu pergi ke London... *[Ketawa]*. 13 jam duduk dalam kapal terbang Tuan Yang di-Pertua, bayangkan. Selepas itu hendak sambung pergi ke Paris lagi. Jadi bila sudah duduk lama ini memang lenguh, terutama bila kita duduk kelas yang dipanggil ekonomi kelas atau pun *eco class*, duduk belakang sekali. Penumpang belakang sekali itu pun yang sebenarnya, dia tidak ada tempat yang boleh tolak ke belakang kerusi itu, sebab sudah didinding Tuan Yang di-Pertua. Biasanya yang di belakang sekali itu sudah tidak boleh hendak ke belakang lagi dah untuk kita tidur dan sebagainya.

Jadi ini membawa kesan kepada kita dari segi urat-urat kita mungkin terputus dan sebagainya. Apakah ini boleh dimaksudkan sebagai kecederaan? Sebab saya masih ingat di UK, sebelum daripada ini, ada kes perkara ini dibawa untuk ke mahkamah iaitu untuk mendakwa syarikat penerbangan ini. Ini kerana mereka ini hendak cari untung maka tempat duduknya itu dirapatkan, yang sepatutnya 30 tempat duduk dijadikan 50 dan ini kita lihat seperti AirAsia.

AirAsia sekarang ini sudah ada penerbangan jauh daripada Kuala Lumpur ke Manchester. Jadi kerana hendak untung, maka tempat duduk itu dibanyakkan. Jadi sebab itu, soal kecederaan ini dia perlu penjelasan yang lebih lanjut. Apa yang kita maksudkan sebagai kecederaan terutamanya kalau sekiranya ada syarikat penerbangan kemudahan *toilet* dia, dia punya *life* itu tidak memuaskan. Kita hendak menggunakan kemudahan bilik airnya itu kadang-kadang kerana tidak memuaskan, kita duduk dalam kapal terbang begitu lama. Hendak masuk bilik air tidak boleh, maka kita menahan 13 jam untuk menahan, apakah ini juga dimaksudkan sebagai kecederaan sebenarnya?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum kita cedera seterusnya... *[Ketawa]* Saya ingat kita berhenti sekejap ya, kerana masa sudah cukup dan Yang Berhormat boleh sambung balik pada hari Isnin ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Dewan sehingga jam 10 pagi hari Isnin 16 Julai 2007.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang.